Telaga Biru
KOLEKSI KISAH ULAMA SILAM YANG
KAYA DENGAN PENDIDIKAN AKHLAK
Rasul Mulia,
Umat Mulia,
Akhlak Mulia
UMAR MUHAMMAD NOOR
"Seorang Mukmin yang paling sempurna
imannya adalah yang paling indah akhlaknya."
Sunan Abi Daud, kitab as-Sunnah no. 4682,
Sunan at-Tirmizi, kitab ar-Rada' no. 1162.
HIMPUNAN
MUTIARA
AKHLAK
ULAMA
SILAM

Buku ***RASUL MULIA, UMAT MULIA, AKHLAK MULIA*** ini merupakan himpunan kisah dan riwayat hidup para ulama yang sangat kaya dengan pelbagai ilmu dan hikmah yang dapat diambil pengajaran daripadanya. Setiap ulasan diiringi dengan pelbagai nukilan daripada al-Quran, as-Sunnah dan ucapan para ulama, lalu mengaitkannya dengan realiti kehidupan kita pada hari ini. Kita dapat berkenalan, berziarah, dan belajar daripada ulama-ulama ini. Satu kaedah pendidikan akhlak yan menarik dan mudah terpaut di hati. Tetapkan fokus, mencontohi akhlak Rasulullah SAW sebagai panduan.

Jadikan buku ini sebagai bacaan dalam perjalanan, hadiah buat teman dan keluarga atau dijadikan bahan nasihat dalam usrah anda. Mudah-mudahan setelah itu, kita dapat mengamalkan akhlak mereka dan menghidupkannya dalam kehidupan ini.

UMAR MUHAMMAD NOOR dilahirkan di Bekasi, Indonesia pada 5 Oktober 1977 dan menetap di Singapura. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Dasar Negeri Bekasi, seterusnya melanjutkan pelajaran ke Madrasah Tsanawiyah Annida al-Islami dan Madrasah Aliyah Annida al-Islami Bekasi. Seterusnya, beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat B.A. dalam Fakulti Usuluddin di Universiti Islam Negeri (UIN) Syarif Hidayatullah Jakarta dalam bidang Tafsir Hadis. Beliau juga mendapat kelulusan Master dari Fakulti Usuluddin di Universiti Islam Omm Durman, Sudan dalam jurusan al-Sunah wa 'Ulum al-Hadis. Sekarang, beliau merupakan salah seorang kolumnis majalah Solusi dan kini berkhidmat sebagai pensyarah di Institut Pengajian Tinggi al-Zuhri di Singapura.

ISBN 978-967-388-053-9
TBBK1206
Harga di Malaysia: RM20.00

Rasul Mulia, Umat Mulia, Akhlak Mulia

KOLEKSI KISAH ULAMA SILAM YANG KAYA DENGAN PENDIDIKAN AKHLAK

Rasul Mulia, Umat Mulia, Akhlak Mulia

UMAR MUHAMMAD NOOR

Telaga Biru

HIMPUNAN MUTIARA AKHLAK ULAMA SILAM

Sebuah Terbitan

TELAGA BIRU SDN. BHD.

Pengerusi Kumpulan	Haji Waharp Yusoff
Pengarah Urusan Kumpulan	Dato' Haji Subhi Haji Ba'i
Pengarah Urusan	Dr. Haji Zahazan Mohamed
Pengurus Editor	Dato' Hj. Mohamad Zakaria
Penulis	Ust. Umar Muhammad Nor
Penyelaras Penerbitan	Nadirah Wahab
Editor Bahasa	Nadzmi Jaafar
Editor Syariah	Ust. Mohd. Azrul Ismail
Pruf Bahasa	Zarina Mohd. Yasin • Nur Sazlindawati Suhaimi
Reka Letak & Reka Bentuk Kulit	Yosh
Pemasaran	Muhammad Yaacob & *Telaga Biru Sales Team* • Stormreaders Network Sdn. Bhd.
Promosi	Sani Jiran • Faruq Zaharan • Idzhar Idres

RASUL MULIA, UMAT MULIA, AKHLAK MULIA

Cetakan Pertama September 2011

ISBN 978-967-388-053-9 TBBK 1206

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Umar Muhammad Noor, 1977-
Rasul mulia, umat mulia, akhlak mulia / Umar Muhammad Noor.
(Koleksi kisah ulama silam yang kaya dengan pendidikan akhlak)
Bibliografi: ms. 233
ISBN 978-967-388-053-9
1. Islamic stories, Malay. 2. Islamic ethics. I. Judul. II. Siri.
297.18

Diterbitkan oleh:

TELAGA BIRU SDN. BHD. (Co. No. 429118-A)
28, Jalan Tembaga SD 5/2A, Sri Damansara Industrial Park, 52200 Kuala Lumpur.
Tel: 03-6275 4070/ 03-6276 8057 Faks: 03-6275 4110/ 03-6275 4727
Laman Web: www.telagabiru.net.my

Dicetak oleh

ATLAS CETAK (M) SDN. BHD
Wisma Atlas, No.2,
Persiaran Industri,
Bandar Sri Damansara,
52200 Kuala Lumpur, Malaysia

Kandungan

Kata Penerbit

Segala puji bagi Allah, Tuhan yang memerintah seluruh alam semesta. Selawat dan salam dilimpahkan atas junjungan besar kita, Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga, para sahabat serta pengikut Baginda hingga Hari Kiamat.

Era jahiliah iaitu sebelum Rasulullah SAW diutuskan membayangkan keadaan masyarakat pada waktu itu terpesong jauh daripada nilai-nilai kemanusiaan walaupun tamadun Makkah adalah antara tamadun yang terawal.

Penindasan terhadap kaum wanita, anak-anak perempuan yang ditanam hidup-hidup, mengamalkan sistem riba dan penipuan dalam perniagaan, menyembah berhala, menindas kaum yang lemah serta bersikap kasar terhadap mereka, taksub secara membabi buta kepada kabilah sendiri, dan pelbagai lagi keruntuhan nilai-nilai akhlak yang tidak bertamadun.

Mereka seolah-olah sebati dengan cara hidup sedemikian, tanpa seorang pun yang hadir untuk membetulkan situasi atau keadaan pada waktu itu.

Oleh sebab itu, Rasulullah SAW diutuskan oleh Allah SWT untuk memberi sinar baru kepada umat manusia seluruhnya. Kehadiran Baginda SAW dianggap sebagai penyelamat manusia daripada terus tenggelam di dalam lembah kehinaan. Kehadiran

Rasulullah SAW bukan sahaja melakarkan seribu satu warna perubahan, malah Baginda juga membawa kelahiran akhlak mulia dan membawa masyarakat keluar daripada lembah kemaksiatan yang berlaku sejak sekian lama.

Sesungguhnya Rasulullah SAW adalah insan yang banyak merendah diri dan berdoa ke hadrat Allah SWT agar menganugerahkan kepada Baginda kebaikan adab dan budi pekerti atau akhlak yang mulia.

Dalil al-Quran yang menjelaskan bahawa Nabi Muhammad SAW adalah contoh teladan yang terbaik untuk diteladani oleh umatnya sebagaimana firman Allah SWT:

﴿ لَّقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ ٱللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا۟ ٱللَّهَ وَٱلْيَوْمَ ٱلْـَٔاخِرَ وَذَكَرَ ٱللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾ ﴾

Maksudnya: *Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredhaan) Allah dan (balasan baik) Hari Akhirat, serta ia pula menyebut dan banyak mengingati Allah (dalam masa susah dan senang).*

(*Surah al-Ahzab* 33: 21)

Kitab al-Quran diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi SAW melalui malaikat Jibrail a.s. Penurunan al-Quran ini adalah untuk memberi **panduan hidup** kepada umat Nabi Muhammad SAW agar berjaya dalam kehidupan di dunia dan di Akhirat. Ini diperihalkan di dalam al-Quran melalui firman Allah Taala:

﴿ الٓر ۚ كِتَـٰبٌ أَنزَلْنَـٰهُ إِلَيْكَ لِتُخْرِجَ ٱلنَّاسَ مِنَ ٱلظُّلُمَـٰتِ إِلَى ٱلنُّورِ بِإِذْنِ رَبِّهِمْ إِلَىٰ صِرَٰطِ ٱلْعَزِيزِ ٱلْحَمِيدِ ﴿١﴾ ﴾

Maksudnya: Alif, Laam, Raa'. Ini ialah kitab (al-Quran) Kami turunkan ia kepadamu (wahai Muhammad), supaya engkau mengeluarkan umat manusia dari gelap-gelita kufur kepada cahaya iman dengan izin Tuhan mereka, ke jalan Allah Yang Maha Kuasa lagi Maha Terpuji.

(*Surah Ibrahim* 14: 1)

Allah SWT menganugerahkan kitab al-Quran kepada Baginda SAW kerana ia banyak mengandungi pengajaran mengenai adab dan kesopanan. Sayyidatina Aisyah r.anha. pernah menyamakan akhlak Rasulullah SAW dengan al-Quran, sebagaimana kata beliau:

كَانَ خُلُقُهُ الْقُرْآنَ

Maksudnya: *Akhlaknya (Nabi SAW) seperti al-Quran.*

(Riwayat Ahmad)

Islam menitikberatkan nilai-nilai akhlak yang penting untuk kehidupan seseorang Muslim. Justeru ia semestinya diterapkan dalam kehidupan agar tidak tenggelam atau jauh menyimpang daripada landasan akhlak Islam yang sebenar. Para ulama sentiasa memberi penekanan kepada umat Islam tentang akhlak-akhlak mulia di dalam majlis ilmu yang mereka adakan.

Situasi ini diperihalkan oleh **Ibrahim bin Habib bin asy-Syahid** (w. 203H) dalam suatu majlis, dan beliau berkata: "Ayahku berpesan: Wahai, anakku! Datanglah kepada para fuqaha dan ulama. Belajarlah daripada mereka. Ambillah adab-adab, akhlak-akhlak, dan tingkah laku mereka. Sesungguhnya semua itu lebih aku sukai daripada banyak menulis hadis."

Sesungguhnya akhlak mulia adalah suatu anugerah terbesar yang pernah Allah berikan kepada seorang Muslim. Oleh itu, sesiapa yang memiliki akhlak mulia, maka ia menjadi manusia yang paling berbahagia di dunia dan di Akhirat.

Abdullah bin Mas'ud r.a. berkata: "Sesiapa yang ingin mengambil cara hidup, maka ia hendaklah mengambil cara hidup orang yang telah meninggal dunia. Ini adalah kerana orang yang

masih hidup tidak terlepas daripada cubaan dan ujian. Mereka itu adalah para sahabat Rasulullah SAW. Mereka adalah manusia yang paling utama dalam umat ini kerana hati mereka yang paling bertaqwa, ilmunya paling dalam, hisabnya paling sedikit, dan yang dipilih oleh Allah sebagai pendamping Nabi-Nya untuk menegakkan agama-Nya.

Kenalilah keutamaan mereka, ikutilah jejak mereka, serta peganglah akhlak dalam perilaku hidup mereka mengikut kemampuan kita semua.

Jelaslah bahawa sekiranya kita ingin menjalani kehidupan di dunia ini dengan penuh rasa kebahagiaan dan menikmati penghidupan di Akhirat yang bahagia, maka kita hendaklah mencontohi diri Baginda SAW dalam apa-apa jua bidang mengikut kemampuan diri sendiri.

Imam Malik meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

بُعِثْتُ لِأُتَمِّمَ حُسْنَ الْأَخْلَاقِ

Maksudnya: *Aku diutus untuk menyempurnakan akhlak mulia.*

(Riwayat Malik bin Anas)

Semoga buku ini membawa seribu manfaat dan pedoman buat kita bersama. Hayatilah kesempurnaan Rasul utusan Allah, jadikanlah ia sebagai suri teladan terbaik, dan panduan berguna untuk memperoleh kehidupan yang bahagia di dunia dan di Akhirat.

Penerbit
Telaga Biru Sdn. Bhd.

Kata Pengarang

Segala puji bagi Allah, tuhan semesta alam. Yang menciptakan manusia daripada setitis air yang sangat hina, lalu membentuknya dengan bentuk yang sangat sempurna. Allah memberikan mereka akal dan fikiran agar digunakan untuk memahami wahyu yang diturunkan kepada Rasul-Nya.

Selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW, para sahabat dan keluarga Baginda seluruhnya serta para ulama pewaris Nabi hingga akhir zaman.

Agama Islam terdiri daripada akidah, syariah (fiqah) dan adab (akhlak). Setiap satu daripada perkara ini adalah sama penting dan wajib diambil berat. Seorang Muslim yang sejati, mampu menerapkan ketiga-tiga aspek ini di dalam kehidupannya dan berinteraksi kepada Allah, manusia dan alam semesta.

Mengamati gaya hidup pada masa kini, saya melihat perbincangan tentang adab-adab Islam masih sangat sedikit berbanding dengan buku-buku akidah dan fiqah. Kita dapat menemukan buku-buku dan artikel yang mengulas tentang pelbagai permasalahan akidah dan hukum, bahkan sebahagiannya mencetuskan perbalahan dalam kalangan umat. Namun, kita jarang-jarang menemukan buku-buku yang mengajarkan adab-adab Islam untuk menjadi panduan akhlak bagi seseorang Muslim.

Padahal, adab Islam ini sangat penting. Ia mencerminkan identiti seorang Muslim yang membezakan antara dirinya dengan orang lain dan juga menjadi penanda kesempurnaan iman seseorang.

Imam al-Bukhari dan **Muslim** meriwayatkan daripada Abdullah bin 'Amr, "Tidaklah Rasulullah SAW seorang yang keji dan berkata kotor. Baginda selalu bersabda, sesungguhnya orang yang terbaik antara kamu ialah orang yang paling baik akhlaknya."[1]

Dalam riwayat **Abu Daud** dan **at-Tirmizi**, Nabi SAW bersabda, "Seorang Mukmin yang paling sempurna imannya adalah yang paling indah akhlaknya." Imam at-Tirmizi berkata, "Hadis hasan sahih."[2]

Imam Malik meriwayatkan secara *balagh* sanad sabda Nabi SAW:

بُعِثْتُ لِأُتَمِّمَ حُسْنَ الأَخْلَاقِ.

Maksudnya: *Aku diutus hanya untuk menyempurnakan akhlak mulia.*[3]

Akhlak mulia adalah suatu anugerah terbesar yang pernah Allah berikan kepada seorang Muslim. Sesiapa yang memiliki akhlak mulia, maka ia menjadi manusia yang paling berbahagia di dunia dan di Akhirat.

Pesanan Para Ulama

Betapa pentingnya aspek adab dan akhlak dalam kehidupan Muslim yang mana para ulama selalu menekankan perkara ini di dalam nasihat dan pesanan mereka.

Ibrahim bin Habib bin asy-Shahid (w. 203H) bercerita, "Ayahku berpesan: Wahai, anakku! Datanglah kepada para fuqaha dan ulama. Belajarlah daripada mereka. Ambillah adab-adab, akhlak-

1 *Sahih al-Bukhari*, kitab *Manaqib* no. 3009, *Sahih Muslim*, kitab *Fadhail*, no. 6033.

2 *Sunan Abi Dawud*, kitab *al-Sunnah* no. 4682, *Sunan at-Tirmizi*, kitab *ar-Rada'* no. 1162.

3 *Muwatta*, Husn al-Khuluq, no. 1677. Secara *balagh* maknanya: Imam Malik tidak menyebutkan sanad yang menghubungkan beliau dengan Baginda SAW. Akan tetapi, beliau hanya berkata, "Telah sampai kepada kami bahawa Nabi SAW bersabda ..." Meskipun begitu, Ibnu Abdil Bar berkata, "Hadis ini bersambung daripada jalur-jalur yang sahih daripada Abu Hurairah dan lain-lain, daripada Nabi SAW."

akhlak dan tingkah laku mereka. Sesungguhnya itu semua lebih aku sukai daripada banyak menulis hadis!"[4]

Makhlad bin Husein (w. 191H) berkata, "Kita lebih memerlukan banyak adab daripada banyak hadis."[5]

Imam Abu Hanifah (w. 150H) berkata: "Kisah-kisah yang menceritakan tentang kisah ulama dan keindahan akhlak mereka lebih aku sukai daripada memperbanyak fiqah. Ini adalah kerana kisah-kisah ini mengandungi (pengajaran) adab-adab mereka."[6]

Adab dan akhlak para ulama ini juga telah menjadi pusat perhatian para pelajar ilmu agama pada masa dahulu. Mereka sering kali mencatat adab-adab yang ditampilkan oleh seorang guru untuk menjadi tauladan kepada mereka dalam bertingkah laku.

Al-Hasan bin Ismail berkata, "Aku mendengar ayahku bercerita, Majlis Imam Ahmad bin Hanbal dihadiri lebih daripada 5,000 orang. Kurang daripada 500 orang, datang untuk mencatat hadis-hadisnya, manakala yang lain pula, datang untuk mempelajari adab-adab dan akhlak-akhlaknya."[7]

Kepentingan adab ini masih menjadi pesanan para ulama hingga ke hari ini. Saya mendengar beberapa orang guru saya di Syria, antaranya Syeikh Fawwaz Namir, Syeikh Riyad al-Khiraqi dan lain-lain, menganjurkan kepada kita agar membaca kisah-kisah para ulama dan perawi hadis kepada anak-anak dan isteri-isteri kita pada setiap hari.

Tujuan berbuat demikian agar mereka jadikan para ulama sebagai tokoh anutan dalam berfikir dan bertingkah laku.

4 Al-Hafiz Abu Bakar al-Khatib al-Baghdadi, *al-Jami' li Akhlaq al-Rawi wa Adab al-Sami'*, hal. 9.
5 Ibid.
6 Al-Hafiz al-Sakhawi, *Al-I'lan bi at-Taubikh liman Zam at-Tarikh*, hal. 61.
7 Al-Hafiz ibnu al-Jawzi, *Manaqib* Imam Ahmad bin Hanbal, hal. 210.

Manfaat Membaca Kisah Ulama

Kisah dan riwayat hidup para ulama bukan sekadar cerita. Ia sangat kaya dengan pelbagai ilmu dan hikmah yang dapat diambil pengajaran daripadanya. Sesiapa yang membacanya dengan teliti akan mendapat beberapa manfaat sebagaimana berikut:

1. Ketenangan Hati

Manfaat ini sangat jelas dirasai oleh setiap pembaca. Setiap tulisan atau ceramah yang menyelitkan kisah hidup para ulama dan solihin di dalamnya, lebih menyentuh hati jika dibandingkan dengan tulisan atau ceramah yang tidak memuatkannya.

Sufyan bin 'Uyainah (w. 198H) berkata, "Apabila diceritakan kisah orang-orang yang soleh, maka turunlah rahmat."

2. Seolah-olah Berziarah

Apabila membaca kisah hidup seorang ulama terdahulu, pada saat itu, seolah-olah kita sedang melakukan "ziarah intelektual" kepada mereka. Jiwa kita berkenalan dengan jiwa mereka, dan hati kita bersiap sedia untuk menerima nasihat-nasihat mereka.

Ahmad bin Ali al-Mayurqi (w. 678H) berkata, "Sesiapa yang membaca sejarah hidup seorang ulama, seolah-olah ia sedang berziarah kepadanya. Sesiapa yang berziarah kepada seorang wali Allah, maka Allah akan mengampuni semua dosanya selagi ia tidak menyakiti orang lain semasa perjalanannya. Sikap menyakiti orang lain dapat menghapuskan pahala."[8]

3. Wadah Menimba Akhlak dan Adab

Akhlak dan adab yang mulia dapat kita pelajari melalui pengamatan kita kepada perilaku dan perbuatan orang-orang yang berakhlak mulia. Oleh sebab itulah, para ulama menganjurkan kita

8 *Al-I'lan bi at-Taubikh*, hal. 53.

untuk berdampingan dengan orang-orang soleh dan para murabbi.

Namun sayangnya, orang-orang seperti ini semakin sukar ditemui pada masa kini. Keadaan kita pada saat ini seperti keluhan **Ibnu al-Mubarak**, "Kita mempelajari adab apabila orang-orang yang mengajarkannya telah tiada." Pada saat ini, kisah-kisah para ulama dan solihin boleh menjadi satu alternatif untuk kita mencapai matlamat tersebut.

4. Bahan Muhasabah

Kisah hidup para ulama sangat kaya untuk kita melakukan muhasabah diri. Dalam himpitan musibah, membaca kisah kesabaran para ulama, dapat menjadi ubat bagi hati yang terluka. Kisah seperti ini juga dapat meneguhkan pendirian kita untuk menerima musibah dengan berlapang dada.

Abu al-Qasim al-Junaid al-Baghdadi (w. 298H) berkata, "Hikayat adalah sebahagian daripada tentera Allah SWT untuk menetapkan hati para wali-wali-Nya."

Seseorang bertanya kepadanya, "Apakah dalil ucapanmu ini?"

Al-Junaid menjawab, "Allah SWT berfirman:

﴿ وَكُلًّا نَّقُصُّ عَلَيْكَ مِنْ أَنۢبَآءِ ٱلرُّسُلِ مَا نُثَبِّتُ بِهِۦ فُؤَادَكَ ﴾

Maksudnya: *Dan semua kisah rasul-rasul ini kami ceritakan kepadamu agar kami teguhkan hatimu dengannya.*

(*Surah Hud* 11: 120)"

5. Sebab Syafaat

Yang terakhir, kisah-kisah ini akan melahirkan kedekatan spiritual antara kita dengan para ulama. Diharapkan silaturahim yang terjalin ini akan bermanfaat untuk kehidupan kita di Akhirat nanti.

Imam Abu Zakaria an-Nawawi (w. 676H) berkata, "Mengenal para ulama adalah menjalin silaturahim kepada mereka. Pada

Hari Kiamat, ia akan menjadi sebab untuk mendapatkan syafaat mereka."[9]

Kisah Buku Ini

Buku yang berada di tangan pembaca ini, asalnya ialah artikel-artikel yang saya tulis untuk kolum Mahmudah di *Majalah Solusi*, terbitan Telaga Biru Sdn. Bhd. sejak dari tahun 2008 hingga 2011.

Sejak awal, saya memang berniat untuk menjadikan kolum ini sebagai wadah bagi memperkenalkan para ulama dan akhlak-akhlak mereka sebagai ikutan perilaku kita sehari-hari. Dengan izin Allah SWT, artikel-artikel itu mendapat tempat di hati para pembaca. Saya banyak menerima respons yang menggalakkan daripada pencinta kolum ini melalui e-mel dan akaun *facebook* saya.

Semua ini mendorongkan saya untuk mengumpulkan artikel-artikel itu, membacanya kembali, lalu menyempurnakan kekurangan-kekurangan yang terdapat di dalamnya.

Setiap kisah yang saya cantumkan, selalu saya sebutkan sumber rujukannya. Buku-buku rujukan itu kebanyakannya daripada kitab-kitab sejarah, atau kitab *al-Jarh wa at-Ta'dil*, dan pelbagai kitab-kitab khas mengandungi *manaqib* (riwayat hidup) ulama tertentu. Ini semua untuk memastikan para pembaca mendapat kesahihan setiap cerita yang saya tuliskan.

Bagi saya, seorang ulama adalah "al-Quran dan hadis yang berjalan". Perilakunya cerminan adab qur'ani dan akhlak Muhammadi yang lahir daripada pemahaman mendalam terhadap ayat-ayat suci al-Quran dan as-Sunnah Rasulullah SAW.

9 Ibid. Hal 52.

Justeru, saya tidak meninggalkan kisah mereka tanpa mengeluarkan pelbagai mutiara akhlak yang terkandung di dalamnya dengan ulasan yang jelas dan terang. Setiap ulasan itu akan saya penuhi dengan pelbagai nukilan daripada al-Quran, as-Sunnah dan ucapan para ulama, lalu mengaitkannya dengan realiti kehidupan kita pada hari ini.

Oleh hal demikian, saya berharap telah menghubungkan kembali kaum Muslimin pada hari ini dengan tokoh-tokoh ulama mereka yang telah wafat pada ratusan bahkan ribuan tahun yang lampau. Mereka berkenalan, berziarah, dan belajar daripada ulama-ulama ini. Mudah-mudahan setelah itu, kita dapat meniru akhlak mereka dan menghidupkannya dalam perilaku kita sehari-hari.

Sebagai penutup, saya memohon kepada Allah SWT dengan penuh kerendahan diri agar menjadikan sumbangan ini sebagai amal ibadah yang bermanfaat untuk saya di Akhirat nanti. Semoga setiap tulisan yang saya nukilkan, dicatat sebagai usaha menghidupkan ilmu-ilmu keislaman.

Amin ya Rabbil 'alamin. Wasallahu 'ala sayyidina muhammadin wa 'ala alihi wa sahbihi wa sallam. Walhamdulillahi rabbil 'alamin.

Penulis

Umar Muhammad Noor,
Woodlands Ring Road, Singapore
umarmnoor@yahoo.com.sg

Bab 1

Akhlak Mulia Cerminan Islam

Juwairiah binti al-Harits menghadap Rasulullah SAW. Wanita ini adalah seorang **Yahudi** yang berasal daripada suku Bani al-Mustoliq. Dia ialah puteri pemimpin suku Yahudi **Bani al-Mustoliq.** Ayahnya, al-Harits bin Abi Dhirar merupakan seorang pemimpin yang sangat ditaati.

Selepas Bani al-Mustoliq mengkhianati dan menyalahi perjanjian, lalu Rasulullah membawa pasukan Muslimin untuk menyerang mereka. Semua lelaki daripada kaum ini melarikan diri sebelum pasukan Islam tiba. Orang-orang Yahudi ini meninggalkan isteri, anak-anak serta harta mereka begitu sahaja.

Orang-orang Yahudi ini meninggalkan isteri, anak-anak serta harta mereka begitu sahaja.

Pasukan Islam masuk ke perkampungan Bani al-Mustoliq tanpa sebarang pertempuran. Mereka segera mengambil harta benda dan menawan semua wanita dan anak-anak yang ditinggal-

kan. Salah seorang tawanan tentera Islam ialah Juwairiah. Dia telah ditawan oleh Tsabit bin Qais dan dia diminta sejumlah wang tertentu jika hendak menebus dirinya.

Maka itulah tujuan Juwairiah menghadap Rasulullah SAW, iaitu hendak meminta bantuan. Juwairiah berkata, "Wahai, Rasulullah! Tuan telah mengetahui apa yang terjadi dengan kaumku. Sekarang ini, aku meminta bantuan Tuan untuk melunaskan wang tebusanku!"

Rasulullah selalunya berasa hiba melihatkan orang mulia yang jatuh hina. Selain itu, fikiran Baginda selalu berusaha untuk mendakwahkan agama Allah kepada seluruh manusia. Baginda segera bersabda, "Mahukah engkau, aku tawarkan sesuatu yang lebih baik? Aku lunaskan hutangmu, lalu aku mengahwinimu?" Juwairiah segera menjawab, "Aku setuju."

Khabar ini segera tersebar ke seluruh kaum Muslimin. Mereka berkata antara satu sama lain, "Rasulullah telah bernikah dengan Juwairiah. Jadi, semua tawanan Bani al-Mustoliq adalah besan Rasulullah. Tidak patut bagi kita menjadikan besan Rasulullah sebagai tawanan."

Kaum Muslimin segera memerdekakan setiap tawanan yang berada di tangan mereka tanpa ada sedikit pun perintah daripada Rasulullah SAW. Ketinggian adab dan cinta para sahabat kepada Nabi SAW, membuatkan mereka bijak bertindak tanpa perlu diajar.

Dalam tradisi Arab, memerdekakan tawanan atau hamba sahaya tanpa imbalan, hampir mustahil terjadi.

Dalam tradisi Arab, memerdekakan tawanan atau hamba sahaya tanpa imbalan, hampir mustahil terjadi. Namun, semua sahabat rela memerdekakan semua tawanan Bani al-Mustoliq kerana penghormatan mereka kepada besan-besan Rasulullah SAW.

Sikap mulia para sahabat ini sungguh berkesan di hati semua tawanan yang dibebaskan itu. Mereka menyaksikan sendiri keluhuran agama

Islam dan juga ketinggian budi kaum Muslimin yang menjadi pengikutnya. Akhirnya, tidak lama kemudian, mereka menyatakan keislaman mereka dengan sukarela.

Lebih daripada 100 buah keluarga Bani al-Mustoliq yang asal semuanya beragama Yahudi telah beralih kepada agama Islam disebabkan terpikat dengan keindahan akhlak dan adab kaum Muslimin.

Agama Akhlak

Kisah ini sangat masyhur dan anda dapat temui dalam pelbagai buku sejarah seperti ***Sirah Ibn Hisyam*** dan ***Siar A'lam An-Nubala'***, Imam Ahmad juga meriwayatkan kisah ini di dalam kitab ***Musnad***-nya, juga Abi Dawud dalam ***Sunan***-nya.

Kisah ini mengandungi suatu pengajaran yang luar biasa, iaitu akhlak mulia dapat menjadikan suatu bangsa berpindah agama secara beramai-ramai. Bukan hanya seorang, malah satu bangsa!

Akhlak dan budi pekerti yang ditonjolkan, terbukti menjadi sarana dakwah yang paling berkesan dalam mempromosikan suatu ajaran. Dalam sejarah kemanusiaan, umat Islam selalu menjadi pelopor akhlak mulia. Allah SWT memuji Rasulullah dengan kebesaran akhlaknya,[10] dan Baginda selalu berusaha menjadikan akhlak sebagai bahagian terpenting dalam ajarannya.

Imam Malik meriwayatkan dalam ***al-Muwatta'***, sabda Nabi SAW:

بُعِثْتُ لِأُتَمِّمَ حُسْنَ الْأَخْلَاقِ.

Maksudnya: *Aku diutus untuk menyempurnakan akhlak mulia.*[11]

10 Surah al-Qalam ayat 4.
11 *Al-Muwatta'*, Husn al-Khuluq, no. 1677.

Dalam kehidupan seharian, Nabi SAW selalu memperlihatkan akhlak mulia kepada sesiapa sahaja yang ditemui oleh baginda. **Imam al-Bukhari** dan **Muslim** meriwayatkan ucapan **Abdullah bin 'Amr**, "Tidaklah Rasulullah SAW seseorang yang keji dan berkata kotor." Baginda selalu bersabda:

إِنَّ مِنْ خِيَارِكُمْ، أَحْسَنَكُمْ أَخْلَاقًا.

Maksudnya: *Sesungguhnya orang yang terbaik antara kamu ialah orang yang paling baik akhlaknya.*[12]

Akhlak kepada Bukan Muslim

Sikap mulia sebegini tidak khusus ditujukan kepada Muslim sahaja. Sememangnya Allah SWT tidak pernah melarang Muslim untuk berbuat baik dan berakhlak mulia kepada bukan Muslim selagi mereka tidak menunjukkan permusuhan.[13]

Sebaliknya, sebagai Muslim, kita wajib menampilkan akhlak yang lebih mulia daripada mereka kerana kita adalah pengikut "Rasul Akhlak", Muhammad SAW.

Pelbagai hadis menceritakan tentang bagaimana Rasulullah menunjukkan akhlak mulia kepada orang Yahudi, Nasrani, bahkan kepada Musyrikin yang berjiran dengan Baginda di Madinah. Baginda sering mengunjungi mereka jika sakit sebagaimana diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dalam ***Sahih***-nya.[14]

Sikap seperti ini juga terus ditunjukkan oleh para sahabat setelah wafat Rasulullah SAW. Suatu hari, Abdullah bin 'Amr (seorang sahabat Nabi) memerintahkan keluarganya menyembelih seekor kambing. Lalu beliau bertanya, "Apakah kamu memberi jiran kita yang beragama Yahudi?" Mereka menjawab,"Tidak."

12 *Sahih Al-Bukhari*, kitab *Manaqib* no. 3009, *Sahih Muslim*, kitab *Fadhail*, no. 6033.
13 Lihat Surah al-Mumtahanah, ayat 8.
14 Lihat *Sahih al-Bukhari*, kitab *al-Janaiz*, no. 1356.

Abdullah berkata, "Kirimkanlah sebahagian kepadanya. Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda, "Jibrail sentiasa berpesan kepadaku untuk menjaga hak jiran sehingga aku menyangka akan memberikan warisan kepadanya."[15]

Akhlak mulia ini terus diwarisi oleh generasi tabiin. Sering kali kelihatan kumpulan bukan Muslim mengiringi jenazah seorang ulama ke kuburnya.

Imam al-Dzahabi bercerita dalam ***Tazkirah al-Huffaz*** daripada **'Abbad bin al-'Awwam**, "Aku pernah menyaksikan jenazah Mansur bin Zadzan dikebumikan. Aku melihat sekelompok Nasrani, sekelompok Yahudi dan sekelompok Majusi (berdatangan). Masing-masing berdiri dalam kelompok berasingan. Pak cikku memegang tanganku dengan kuat kerana banyak orang yang hadir."

Mansur bin Zadzan adalah seorang tokoh tabiin yang sangat soleh dan ahli ibadah. Beliau juga seorang perawi hadis yang dipercayai (*thiqah*). Beliau wafat pada tahun 131H.

Ibnu al-Jawzi meriwayatkan dalam ***Manaqib Imam Ahmad*** akan kisah seumpama ini daripada al-Warkani, "Pada hari kematian Imam Ahmad, majlis takziah dianjurkan oleh empat kelompok manusia, iaitu kaum Muslimin, kaum Yahudi, kaum Nasrani dan kaum Majusi."

Pada hari kematian Imam Ahmad, majlis takziah dianjurkan oleh empat kelompok manusia.

Bangsa Mongol

Kita kembali kepada kisah Bani al-Mustoliq. Peristiwa luar biasa yang terjadi pada kaum Yahudi ini bukan hanya sekali disaksikan oleh umat Islam. Peristiwa serupa berulang dalam beberapa ratus tahun kemudian setelah wafat Rasulullah SAW.

15 Abi Daud, kitab *al-Adab*, no. 5152, dan at-Tirmizi, kitab *al-Bir wa ash-Shilah*, no. 1943.

Pada tahun 656H,[16] **Hulago Khan** dari Mongolia telah menakluk Baghdad yang menjadi ibu negeri kerajaan Islam Abbasiyyah pada masa itu. Raja Mongol ini kemudian membunuh **Khalifah al-Mu'tashim Billah**, membakar perpustakaan, menyembelih tokoh-tokoh agama dan ribuan penduduk negeri. Dikatakan bahawa korban keganasan itu mencapai dua juta orang.

Lantas bangsa Mongol ini menjadi penguasa Baghdad yang baru menggantikan khilafah Abbasiyyah.

Sebagai penguasa, mereka banyak berinteraksi dengan rakyatnya yang beragama Islam. Mereka juga memerhatikan kepercayaan, cara hidup dan akhlak kaum Muslimin. Tidak sampai satu generasi, bangsa Mongol yang sebelumnya sangat kejam kepada umat Islam, telah tertarik dengan keindahan Islam lalu menyatakan keislaman mereka.

Raja Mongol pertama yang menyatakan keislamannya ialah **Ahmad bin Hulago Khan**, putera yang mengalahkan Baghdad. Berikutnya, **Raja Qazan bin Araghan** (w. 701H) mengucap syahadat lalu merubah namanya menjadi Mahmud pada bulan Sya'ban 694H di hadapan Imam Sadrudin al-Juwaini asy-Syafi'i.

Raja Mongol pertama yang menyatakan keislamannya adalah Ahmad bin Hulago Khan.

Para sejarawan bercerita bahawa keislamannya ini menggemparkan seluruh tanah kekuasaan Mongol di Timur Tengah. Langkah mulia ini, kemudiannya diikuti oleh raja-raja selepasnya yang merupakan para pewaris takhtanya.

Maha Suci Allah, tidak pernah ada agama seindah Islam andai ia disokong oleh sikap sempurna kaum Muslimin dari pelbagai kalangan. Jelas sekali, agama ini ialah agama akhlak dan umatnya ialah umat akhlak.

16 Bertepatan dengan 1258M.

Akhlak Buruk

Jika akhlak mulia yang ditampilkan oleh umat Islam dapat menarik bangsa lain kepada agama Islam, maka kita harus sedar kebalikannya. Jika umat Islam menampilkan akhlak yang sangat buruk dalam interaksinya kepada saudara sendiri atau orang lain, maka hal itu sudah pasti akan membuatkan bangsa lain semakin jauh dan tidak simpati kepada agama Islam.

Mungkin suatu hari nanti, anak-anak Islam sendiri akan meninggalkan agamanya akibat sikap buruk yang ditampilkan oleh bapa-bapa mereka.

Justeru, mari kita tunjukkan bahawa kita benar-benar layak bergelar Muslim, pengikut Rasul Mulia yang berakhlak mulia.

Seorang penyair Arab berkata,

"Manusia menuduh Allah mempunyai anak, mereka juga berkata, rasul seorang tukang sihir. Tidak selamat Allah dan rasul-Nya daripada lidah manusia, apatah lagi saya?"

Bab 2

Celaan Membakar Semangat

Tokoh kita kali ini berasal dari negeri Mesir. Namanya **Ahmad bin Muhammad bin Salamah ath-Thahawi**, kuniyahnya, Abu Jaafar. Beliau lahir di desa Taha pada tahun 237H, lalu terkenal sebagai seorang faqih mazhab Hanafi sekali gus seorang ahli hadis yang bergelar al-Hafiz.

Setiap orang yang membaca buku-buku karangannya seperti *Syarh Ma'ani al-Atsar, Syarh Musykil al-Atsar* dan lain-lain, dapat dengan jelas melihat kepakaran beliau dalam kedua-dua ilmu ini.

Pada awalnya, **Abu Jaafar ath-Thahawi** ini hanyalah seorang pemuda biasa. Beliau juga bukan pengikut mazhab Hanafi, akan tetapi seorang pengikut mazhab Syafi'i. Beliau mempelajari mazhab ini daripada pak ciknya yang bernama **Abu Ibrahim al-Muzani**, seorang murid Imam asy-Syafi'i.

Beliau juga bukan pengikut mazhab Hanafi, akan tetapi seorang pengikut mazhab Syafi'i.

Pada suatu hari, Abu Jaafar banyak melakukan kesilapan dalam membaca kitab fiqah di hadapan pak ciknya ini. Al-Muzani mencela dan memakinya. Dalam keadaan emosi, beliau bersumpah, "Demi Allah, engkau tidak akan berjaya dalam pelajaran!"

Mendengarkan celaan dan makian ini, Abu Jaafar ath-Thahawi menjadi sangat marah. Lalu beliau meninggalkan majlis al-Muzani dan beralih kepada Ibnu Abu Imran untuk mengaji fiqah Hanafi daripadanya.

Kekesalan Abu Jaafar ath-Thahawi disebabkan celaan al-Muzani yang membakar semangatnya untuk belajar dengan penuh kesungguhan. Beberapa tahun kemudian, ath-Thahawi tampil sebagai ulama terkemuka sekali gus pembela mazhab Hanafi terbesar hingga hari ini.

Kepakarannya dalam hadis membuatkan ijtihad-ijtihad Imam Abu Hanifah yang sebelumnya dikenali sebagai ahli ra'yi, dilihat sangat dekat dengan hadis Nabi SAW. Al-Muzani telah lama wafat apabila Abu Jaafar ath-Thahawi menjadi ulama terkemuka.

Abu Jaafar ath-Thahawi berkata, "Semoga Allah merahmati Abu Ibrahim al-Muzani. Jika beliau masih hidup pada saat ini, beliau perlu membayar kafarah untuk menebus sumpahnya."

Kisah ini dapat anda temukan dalam buku-buku tulisan al-Hafiz Abu Abdillah al-Dzahabi seperti ***Tazkirah al-Huffaz, Siar A'lam an-Nubala'*** dan lain-lain.

Menata Hati Menghadapi Celaan

Setiap manusia tidak dapat lari daripada celaan dan cemuhan orang lain. Siapa pun kita, di mana pun kita berada, orang sentiasa mencela bahkan mencemuh kita. Malah, Allah dan rasul-Nya, tidak terlepas daripada lidah keji manusia-manusia seperti ini.

Seorang penyair Arab berkata, "Manusia menuduh Allah mempunyai anak, mereka juga berkata, rasul seorang tukang sihir. Tidak selamat Allah dan rasul-Nya daripada lidah manusia, apatah lagi saya?"

Oleh sebab celaan suatu kepastian, maka kita mesti pandai menata hati. Jangan biarkan ucapan negatif orang lain itu mengeruhkan hidup kita, menguruskan tubuh kita dan menahan kita daripada aktiviti yang bermanfaat bagi masa depan kita.

Kita mesti pandai memanfaatkan tenaga positif yang terdapat di dalam celaan untuk membakar semangat menuju kejayaan. Setiap kali mendengar celaan, pandanglah ia sebagai ubat, semakin pahit rasanya semakin baik untuk kesihatan kita.

Marah

Saya tidak tahu dengan anda, akan tetapi setiap kali mendengar celaan, apatah lagi jika berlaku di hadapan orang ramai, hati saya terasa sangat sakit. Telinga terasa terbakar, muka merah padam, dan emosi terasa hendak meletup. Malu terasa bercampur dengan kemarahan.

Jika anda merasakan hal yang sama, itu petanda anda manusia normal. Sebagai manusia, celaan sangat menyakitkan hati dan membakar kemarahan. Hanya orang bodoh sahaja yang tidak marah ketika orang lain menyentuh kehormatan dan maruah dirinya.

Imam asy-Syafi'i berkata, "Sesiapa yang digesa untuk marah namun dia tidak marah, maka ia keldai." Keldai merupakan simbol untuk kebodohan yang sangat parah.

"Sesiapa yang dibuat marah namun tidak marah, maka ia keldai."

Dua Pilihan

Pada saat penuh emosi ini, kita dihadapkan dua pilihan yang siap untuk diambil. Apa yang kita pilih, biasanya ditentukan oleh karakteristik jiwa kita.

- **Pilihan pertama** adalah merubah kemarahan itu menjadi dendam, lalu menyimpannya di dalam hati dan menunggu saat yang tepat untuk diaktualkan. Ia menanti dengan penuh waspada pada masa keemasan untuk membalaskan sakit hatinya dengan pelbagai perbuatan yang bukan sahaja merosakkan orang lain bahkan juga dirinya sendiri.

Sikap ini menjadi pilihan bagi orang yang berjiwa kotor dan hina. Celaan dan makian yang ia dengar bukan sahaja merosakkan hatinya, malah juga merosakkan masa depannya.

- **Pilihan kedua** adalah menyimpan kemarahan itu di dalam hati lalu merubahnya menjadi pembakar api semangat untuk memperbaiki diri. Celaan memang menyakitkan, namun ia menyedarkan kita kepada kekurangan diri yang mesti diperbaiki. Tidak ada yang lebih menyakitkan hati daripada membiarkan kekurangan tersebut tetap berada di dalam dirinya sehingga mengundang pelbagai celaan lain sepanjang hidupnya.

Sikap ini menjadi pilihan **orang berhati bersih** dan **berjiwa luas**. Celaan mendorong orang seperti ini untuk menjadi insan yang lebih baik dan lebih sempurna. Ia bertekad merubah celaan tersebut menjadi penyebab kita meraih pujian di kemudian hari, sama ada di dunia ataupun di Akhirat.

Sikap ini menjadi pilihan tokoh-tokoh besar dunia Islam seperti yang berlaku pada diri Abu Jaafar ath-Thahawi.

Sibawaih

Selain ath-Thahawi, saya banyak sekali menemukan tokoh Islam lain yang juga pandai merubah celaan menjadi semangat. Salah seorangnya ialah **Abu Bisyr 'Amr bin 'Usman bin Qanbar**, terkenal dengan gelaran Sibawaih (w. 180H).

Memberi sumbangan tak ternilai dalam perkembangan bahasa Arab hingga namanya tetap hidup hingga hari ini.

Setiap orang yang pernah belajar bahasa Arab pasti mengenali nama ini. Beliau seorang ulama Nahu yang memberi sumbangan tak ternilai dalam perkembangan bahasa Arab hingga namanya tetap hidup hingga hari ini.

Seperti ath-Thahawi, Sibawaih hanyalah seorang pemuda biasa. Suatu hari, apabila beliau belajar hadis kepada Imam Hammad bin Salamah di Basrah, beliau tersilap membaca sebuah kata yang terdapat di dalam hadis tersebut. Sebuah lafaz yang seharusnya dibaca *mansub*, ia baca *marfu'*.

Hammad mengherdiknya di hadapan orang ramai, "Engkau keliru, wahai Sibawaih!"

Herdikan itu sangat berkesan di hati Sibawaih. Beliau berasa malu dan marah. Dalam hati, beliau segera bertekad, "Aku akan menuntut sebuah ilmu yang dapat menjagaku daripada disalahkan oleh orang lain."

Lalu beliau mendatangi ulama Nahu yang terbaik pada zamannya, iaitu **al-Khalil bin Ahmad**, untuk belajar semua ilmu yang berkaitan dengan bahasa Arab. Beliau belajar dengan bersungguh-sungguh hingga beberapa lama kemudian, namanya dikenali sebagai tokoh bahasa Arab terkemuka sepanjang sejarah.

Kisah ini saya lalui apabila membaca kitab Nahu karangan Imam Ibnu Hisyam al-Ansari yang bertajuk ***Mughni al-Labib 'an Kutub al-A'arib*** dalam majlis Syeikh Usamah ar-Rifa'i di Damsyiq Syria.

Ibnu Sina

Kisah lain yang lebih dahsyat saya temukan dalam kitab ***Lathaif al-Minan Wal Akhlak*** karya **Imam Abdul Wahab asy-Sya'rani**. Beliau menukil daripada Imam Taqiyuddin as-Subki yang bercerita tentang kisah **Abu Ali ibnu Sina,** seorang falsafah Islam yang sangat pandai dan genius.

Suatu hari, ada seseorang mencela Ibnu Sina kerana beliau tidak hafaz al-Quran. Setelah mendengar celaan itu, Ibnu Sina pun menjadi sangat malu dan marah. Lalu beliau terdorong untuk menghafaz seluruh al-Quran, dan beliau melakukannya hanya dalam satu malam!

Padahal sebelum itu, beliau hanya menghafal surah al-Fatihah, al-Ikhlas, al-Falaq dan an-Nas sahaja.

Bagi saya, kisah ini sangat mengagumkan, bahkan terlalu luar biasa sehingga sukar dipercayai. Allah yang lebih tahu kesahihan kisah ini.

Celaan Sebagai Ubat, Pujian Umpama Racun

Imam al-Ghazali di dalam ***Ihya' Ulumiddin*** berkata, "Sering kali manfaat yang kita peroleh daripada celaan orang-orang yang memusuhi kita, lebih banyak daripada manfaat yang kita peroleh daripada teman-teman yang selalu memuji kita."

Ya, **pujian jauh lebih berbahaya daripada celaan**. Ia memang manis, namun mengandungi racun yang dapat merosakkan hati manusia. Semakin terbiasa seseorang mendengar pujian, semakin hatinya tertutup daripada kebenaran.

Semakin terbiasa seseorang mendengar pujian, semakin hatinya tertutup daripada kebenaran.

Pada saat itu, ia tidak akan pernah tersedar daripada kekurangan dirinya apatah lagi tergerak untuk merubah dan memperbaikinya. Tanda seseorang sangat hina di mata Allah, Allah membiarkannya **tenggelam dalam pujian**.

Sebaliknya, celaan memang pahit namun ia mengandungi ubat yang akan merubah hidup kita menjadi lebih sempurna. Syaratnya, kita mesti pandai ***merubah celaan itu menjadi pembakar semangat****, seperti yang dilakukan tokoh-tokoh yang berjiwa besar.*

Jika anda memiliki jiwa besar setara mereka, anda pasti melakukan sebagaimana yang mereka lakukan.

Ibrahim al-Khawas
(w. 291H) berkata,

"Sesiapa yang meninggalkan keinginan nafsu, namun ia tidak merasakan (kelazatan) balasannya di dalam hati, itu petanda ia tidak jujur dalam meninggalkannya."

Bab 3

Keinginan atau Keperluan?

Imam Ahmad meriwayatkan dalam kitab ***az-Zuhd*** bahawa suatu hari, Umar bin al-Khattab berkunjung ke rumah anaknya, Abdullah. Tiba-tiba, beliau melihat sepotong daging. Umar bertanya, "Mengapakah ada daging di sini?" Abdullah menjawab, "Aku teringin hendak makan daging, jadi aku membelinya."

Umar berkata, "Apakah setiap kali teringin sesuatu, engkau terus memakannya? Cukuplah pembaziran yang dilakukan oleh seseorang, setiap kali ia menginginkan sesuatu, lalu ia memakannya."

Imam Ahmad juga meriwayatkan dalam kitab yang sama, suatu hari Umar berjumpa dengan Jabir bin Abdillah yang sedang membawa daging dari pasar. Beliau bertanya, "Apakah yang engkau bawa itu, wahai Jabir?"

Jabir menjawab, "Ini daging. Aku membelinya sebab ingin makan daging." Sekali lagi Umar berkata, "Apakah setiap kali menginginkan sesuatu, engkau membelinya?"

Membangkang Nafsu

Umar bin al-Khattab digelari al-Faruq, iaitu orang yang sangat pandai memisahkan antara kebenaran dengan kebatilan secara teliti. Ucapan beliau kali ini sangat tepat untuk dijadikan sebagai panduan hidup Muslim moden.

*Beliau mengajar kepada kita untuk tidak menjadikan **keinginan** sebagai asas konsumsi, akan tetapi ia mestilah berlandaskan **keperluan**.*

Jika dituruti, ia akan terus menjerumuskan manusia ke dalam pembaziran.

Keinginan pada hakikatnya adalah **nafsu serakah** yang tidak mengenal batasan. Setiap kali diberi, ia akan meminta yang lain. Begitulah seterusnya, sehingga jika dituruti, ia akan terus menjerumuskan manusia ke dalam pembaziran.

Adapun **asas keperluan**, maka ia menjadikan **akal** sebagai pembuat keputusan. Dengan kecerdasan akal, ia akan memilih benda-benda yang penting dan yang kurang (atau sama sekali tidak) penting. Akibatnya, sesiapa yang berpegang kepada asas ini, dapat mengawal perbelanjaannya dengan baik dan terselamat daripada sebarang kegawatan kewangan.

Prinsip ini memperlihatkan ketinggian fiqah Umar. Sesungguhnya tidak terhitung anjuran Islam agar kita membangkang keinginan nafsu. Malah, al-Quran ada menyebutkan bahawa sikap mengikutkan hawa nafsu merupakan gaya hidup kafir yang tidak selari dengan prinsip keislaman.[17]

Al-Quran menjelaskan bahawa orang-orang kafir menjadikan nafsunya sebagai tuhan selain Allah.[18] Mereka hidup dan bekerja hanya untuk memenuhi tuntutan nafsu serakahnya semata-mata.

17 Allah berfirman yang bermaksud: *Mereka tidak lain hanyalah mengikuti sangkaan dan apa yang diingini oleh hawa nafsu mereka.* Surah an-Najmi (53) ayat 23.

18 Surah al-Furqan (25) ayat 25.

Jadi, membangkang keinginan nafsu merupakan pembuktian tauhid yang sangat tinggi. Kita seolah-olah menegaskan di hadapan Allah dan seluruh makhluk bahawa tidak ada yang layak dituruti kehendaknya melainkan Allah SWT.

*Sungguh tepat ucapan **Sahl bin Abdillah at-Tustari** (w. 283H), "Allah tidak disembah dengan suatu amalan yang lebih baik daripada membangkang keinginan nafsu."*

Ulama dan Nafsu

Kisah tokoh-tokoh Islam yang berkaitan dengan hal ini sangat banyak kita temui dalam buku-buku sejarah.

Sayidina Umar, yang mana kisahnya membuka tulisan saya kali ini, terkenal dengan kepandaian mengawal nafsu sehingga tidak pernah mencela makanan yang dihidangkan kepada beliau.

Imam Ahmad meriwayatkan dalam kitab ***al-Zuhd,*** bahawa suatu hari pelayan Umar yang bernama Aslam berkata dalam hati, "Hari ini, aku akan membuat Umar mencela makanan."

Lalu Aslam menghidangkan segelas susu masam untuk Umar. Ketika minum susu tersebut, wajah Umar berubah. Namun, beliau tidak mencela minuman itu, tetapi sekadar berkata, "Duhai betapa lazatnya rezeki Allah SWT."

Anaknya, Abdullah bin Umar, sejak ditegur oleh ayahnya tadi, sentiasa meninggalkan sesuatu kerana Allah setiap kali mencintainya.

Pelayan beliau yang bernama Nafi' berkata, "Setiap kali Ibnu Umar mencintai sesuatu daripada harta miliknya, beliau akan melepaskan sesuatu itu. Suatu hari, beliau menunggang seekor unta dan berasa sangat menyukainya. Beliau segera turun dari

unta itu dan berkata, "Wahai Nafi'! Lepaskan pelana ikatan unta ini dan jadikannya sebagai korban untuk baitullah!"

Prinsip "membangkang nafsu" ini terus hidup di dalam masyarakat Islam hingga berabad-abad kemudian. Setiap kali nafsu memerintahkan sesuatu, para ulama selalu enggan menurutinya.

Ulama Baghdad yang terkenal, **Sari bin Abdillah as-Saqathi** (w. 257H), pernah berkata, "Sejak 30 tahun yang lalu, nafsuku selalu menuntut untuk (memakan) lobak merah yang dicelup di dalam madu, namun aku tidak menurutinya."

Balasan Meninggalkan Nafsu

Saya sedar bahawa ajakan untuk **meninggalkan nafsu** sangat ringan di lidah namun ia sangat berat untuk dilakukan. Apatah lagi hati manusia selalu berusaha memperoleh kelazatan sebanyak-banyaknya.

Namun, hal tersebut menjadi mudah sekiranya kita meyakini bahawa meninggalkan nafsu pada hakikatnya adalah **menukar kelazatan kecil dengan kelazatan lain yang lebih besar.**

Saya bukan berbicara tentang kelazatan Syurga yang hanya boleh dinikmati selepas meninggal dunia.

Jangan salah faham. Saya bukan berbicara tentang kelazatan Syurga yang hanya boleh dinikmati selepas meninggal dunia. Insya-Allah kita akan mendapatnya nanti. Namun, pada saat ini, saya berbicara tentang kelazatan "Syurga dunia" yang dapat dirasai sebelum nyawa kita berpisah daripada jasad.

Imam Ibnu 'Athaillah as-Sakandari berkata, "Tuhan kita Maha Pemurah. Tidak mungkin kita bekerja untuk-Nya **sekarang,** namun ia membalasnya **nanti**."

Percaya atau tidak, anda dapat merasai balasan daripada meninggalkan nafsu yang anda lakukan di dunia ini sebelum menerima lagi pahalanya di Akhirat kelak. Balasan minimum yang segera anda rasakan adalah **kenikmatan kembali kepada Allah dan berdamai dengan hati nurani.**

Ibrahim al-Khawas (w. 291H) berkata, "Sesiapa yang meninggalkan keinginan nafsu, namun ia tidak merasakan (kelazatan) balasannya di dalam hati, itu petanda ia tidak jujur dalam meninggalkannya."

Balasan lain yang sedang menunggu adalah Allah akan mengganti perkara yang kita tinggalkan itu dengan sesuatu yang lebih baik.

Ubay bin Ka'b (seorang sahabat Nabi SAW) berkata, "Tidaklah seorang hamba meninggalkan sesuatu kerana Allah, melainkan Allah akan memberinya sesuatu yang lebih baik daripada itu dari arah yang tidak disangka-sangka." Ucapan ini diriwayatkan oleh Ibnu al-Mubarak dalam kitab ***az-Zuhd***.

Bagi pemuda yang suka melihat sesuatu yang haram, sila renungi ucapan sahabat Nabi SAW yang diakui ketinggian ilmunya ini. Tinggalkan kerana Allah kelazatan maksiat yang sedang menjerat dan membunuh anda itu. Yakinlah bahawa kelazatan yang lebih besar (hanya Allah yang tahu) sedang menunggu anda.

Jika anda berasa seronok **menghisap rokok**, cubalah tinggalkan keseronokan ini kerana Allah. Pasti keseronokan lebih besar dan halal akan menghampiri anda sebagai gantinya daripada Allah. Jika anda berasa nikmat **mempraktikkan gaya hidup bebas** daripada aturan agama, sudah tiba masanya untuk anda merenungkan kembali kenikmatan itu. Jika ia membawa kepada kenikmatan sebenar, teruskan nafsu anda hingga akhir hayat. Tapi jika anda yakin ia hanya akan berakhir dengan kesengsaraan, segera tinggalkan kenikmatan semua itu dan beralih kepada kenikmatan hakiki yang sedang menunggu anda.

Seringlah bertanya

Imam Ahmad meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ تَرَكَ اللِّبَاسَ وَهُوَ يَقْدِرُ عَلَيْهِ تَوَاضُعًا لِلّٰهِ تَبَارَكَ وَتَعَالَى؛ دَعَاهُ اللّٰهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَى رُءُوسِ الْخَلَائِقِ حَتَّى يُخَيِّرَهُ فِي حُلَلِ الْإِيمَانِ أَيَّهَا شَاءَ.

Maksudnya: *Sesiapa yang meninggalkan sepasang pakaian padahal dia mampu memakainya (kerana dorongan) tawadduk kerana Allah Tabaraka Taala maka Allah Tabaraka Taala di Hari Kiamat akan memanggilnya di hadapan semua makhluk lalu membiarkannya memilih baju-baju iman yang dia kekehendaki.*

Sering kali seseorang membeli sepasang pakaian bukan kerana keperluannya untuk menutup aurat atau melindunginya daripada panas atau sejuk. Ia membeli adalah kerana pakaian itu pernah dilihatnya di dalam sebuah majalah fesyen. Begitu juga sikap sebahagian orang terhadap telefon bimbit, beg tangan, kereta, komputer riba dan aksesori lain yang mewarnai hidup kita.

Hadis di atas menjelaskan bahawa balasan Akhirat untuk orang yang bersedia meninggalkan kebiasaan buruk ini. Akhirnya, seringlah bertanya kepada diri sendiri ketika anda sedang memandang sesuatu benda di pusat membeli-belah, **"Apakah saya menginginkan atau memerlukan barang ini?"**

Lalu ucapkan kata-kata Sayidina Umar dengan jelas, "Cukuplah pembaziran yang dilakukan oleh seseorang, setiap kali menginginkan sesuatu, ia terus membelinya."

Bab 4

Hidup Sederhana, Lebih Terhormat, Lebih Mulia...

Pada tahun 16H, **Madain** jatuh ke tangan kaum Muslimin. Bandar Persia yang sangat indah dan kaya-raya ini berjaya ditundukkan oleh **Sa'ad bin Abi Waqqash**. Berita kemenangan segera dikirimkan kepada Khalifah Umar bin al-Khathab di Madinah.

Ahli Madain yang masih beragama Majusi mulai bertanya-tanya, siapakah yang akan diutus oleh Umar untuk menjadi penguasa baru bagi bandar yang sangat besar ini? Tidak lama kemudian, surat daripada Umar tiba lalu ia dibaca kepada semua ahli Madain.

Umar menulis, "Aku telah mengutus Huzaifah bin al-Yaman kepada kalian. Tunduk dan patuhlah kepadanya."

Aku telah mengutus Huzaifah bin al-Yaman kepada kalian. Tunduk dan patuhlah kepadanya."

Apabila mendengar isi surat ini, penduduk Madain segera terfikir, "Tentulah orang ini sangat terhormat." Mereka bercadang untuk **menyambut kedatangan Huzaifah secara besar-besaran**. Pada hari kedatangan Huzaifah, tokoh-tokoh pembesar Madain keluar dengan berpakaian mewah untuk menyambutnya. Kenderaan dan perarakan telah dihias dengan sangat indah.

Namun, setelah menunggu sejak dari pagi hingga petang, mereka tidak menemui sesiapa yang mereka sangka utusan Umar dari Madinah. Mereka hanya melihat **seorang lelaki Arab yang menunggang keldai** sambil menyimpang kaki dan memakan roti kering meminta izin untuk masuk ke Madain. Mereka membiarkannya berlalu tanpa mempedulikannya.

Setelah letih menunggu, ahli Madain ini bertanya kepada seorang Muslim yang kebetulan mereka temui, "Di manakah amir (gabenor) kalian?" Orang itu segera menjawab, "Huzaifah sejak tadi telah masuk ke Madain."

Mereka benar-benar terperanjat. Mereka baru sedar bahawa "lelaki Arab yang miskin" yang tidak dipedulikan itu, rupa-rupanya penguasa Madain yang baru datang dari Madinah. Mereka segera berlari dan mengejar Huzaifah untuk meminta maaf daripadanya.

Islam dan Hidup Sederhana

Menerapkan gaya hidup sederhana tidak menjatuhkan darjat seseorang. Huzaifah tetap seorang penguasa Madain meskipun hanya berkenderaan keldai dan berpakaian seadanya. Sementara penduduk Madain pula, tetap rakyat biasa yang hina meskipun mereka mengenakan baju mewah dan menggunakan kenderaan yang mahal.

Kehormatan seseorang bukan terletak pada penampilan dirinya, tetapi ia terletak dalam **prestasi kerja** yang telah dicapainya. Penduduk Madain mendapat pelajaran yang berharga itu daripada Huzaifah bin al-Yaman.

Huzaifah menjelaskan bahawa kesederhanaan yang menjadi gaya hidupnya itu merupakan ajaran Rasulullah SAW.

Imam al-Bukhari meriwayatkan daripada **Ibnu Abi Laila**, ketika Huzaifah tiba di Madain, beliau meminta minuman. Seorang pembesar kota itu (disebut dengan gelaran "*dihqan*") segera memberi air di dalam sebuah gelas perak kepada beliau. Huzaifah segera melempar gelas itu ke muka pembesar tersebut.

Huzaifah berkata, "Aku melakukan hal itu sebab aku pernah melarangnya, namun ia tetap mengulangi. Sesungguhnya Nabi SAW melarang kami memakai sutera dan meminum daripada bejana emas dan perak. Beliau bersabda, semua itu untuk mereka (orang-orang kafir) di dunia, dan untuk kalian (orang-orang Mukmin) di Akhirat."[19]

Sesungguhnya Nabi SAW melarang kami memakai sutera dan meminum daripada bejana emas dan perak.

Dari sini, ulama sepakat mengharamkan emas dan perak untuk dijadikan alat makan, minum, dan bersuci. Hukum ini disepakati untuk lelaki dan perempuan tanpa perbezaan.

Semua ini menunjukkan bahawa ajaran Islam tidak selari sama sekali dengan gaya hidup berlebihan dan bermewah.

19 *Sahih al-Bukhari*, kitab *al-Asyribah*, no. 5632.

Definasi Sederhana

Hidup sederhana bukanlah kedekut dan enggan membelanjakan harta sama sekali. Definisi yang paling tepat untuk kesederhanaan adalah **membelanjakan harta sesuai dengan keperluan**. Oleh itu, Islam membolehkan penggunaan emas dan perak jika ia selari dengan keperluan asas manusia seperti perhiasan wanita dan menggantikan bahagian tubuh yang rosak.

Abu Daud dan **at-Tirmizi** meriwayatkan daripada **'Arfajah bin As'ad** berkata, "Pada Perang Kullab di Jahiliyyah, hidungku terluka. Lalu aku membuat hidung daripada perak, namun hidung palsu itu mengeluarkan bau busuk. Lalu Rasulullah SAW lalu memerintahkan kepadaku untuk membuat hidung daripada emas."[20]

Sederhana juga berkaitan dengan sikap hidup yang tidak angkuh dengan jawatan yang dimiliki. Setinggi mana jawatan itu, ia tidak boleh menghalangi seseorang untuk melakukan sendiri tugasan yang menjadi kewajibannya.

Tsa'labah bin Abi Malik al-Qurazi berkata, "Abu Hurairah sering kali datang dari pasar dengan memikul kayu bakar untuk keluarga beliau, padahal pada saat itu, beliau (seorang amir Madinah) menggantikan **Marwan bin al-Hakam**. Beliau berkata (kepada orang-orang di pasar), "Berikan laluan untuk amir, berikan laluan untuk amir."

Falsafah Kesederhanaan

Falsafah kesederhanaan dalam Islam dibina atas keyakinan bahawa **dunia ini tempat persinggahan belaka**.

20 Abi Dawud, kitab *al-Khatam*, no. 4235, at-Tirmizi, kitab *al-Libas*, no. 1877. At-Tirmizi berkata, *hasan gharib*.

Ia adalah pesanan Rasulullah SAW kepada Abdullah bin Umar. Baginda bersabda kepada beliau:

كُنْ فِي الدُّنْيَا كَأَنَّكَ غَرِيبٌ، أَوْ عَابِرُ سَبِيلٍ.

Maksudnya: *Jadikanlah (hidupmu) di dunia ibarat seorang pendatang atau seorang musafir yang sedang singgah.*

(Riwayat al-Bukhari)[21]

Seorang musafir tidak akan menghiasi tempat persinggahannya dengan barang-barang mahal seolah-olah ia akan tinggal selamanya. Akan tetapi, ia akan **hidup seadanya**, lalu membelanjakan wangnya untuk keperluan yang lebih penting di tempat tujuan. Begitulah kehidupan Mukmin di dunia ini. Ia menjadikan **Akhirat sebagai tempat tujuan** dan menjadikan **dunia ini sebagai tempat persinggahan**.

Salamah bin Dinar berkata, "Aku hairan melihat orang yang giat bekerja untuk tempat yang akan ditinggalkan (dunia), dan enggan bekerja untuk tempat yang akan didatangi (Akhirat)."

Ulama tabiin di Madinah ini juga mengisyaratkan bahawa gaya hidup mewah membuatkan seseorang **takut mati.**

Khalifah Sulaiman bin 'Abdul Malik pernah bertanya, "Wahai Abu Hazim! Apakah sebab kamu takut mati?"

Beliau menjawab, "Sebab kamu memakmurkan duniamu dan meruntuhkan Akhiratmu. Maka engkau takut berpindah dari tempat yang makmur ke tempat runtuhan."

Melatih Hidup Sederhana

Membiasakan hidup sederhana **bukanlah mudah**. Ia memerlukan latihan sejak kecil agar seseorang itu dapat menjadikan kesederhanaan sebagai sebahagian daripada gaya hidupnya.

21 Al-Bukhari, kitab *ar-Riqaq*, no. 6416.

Kita juga dianjurkan untuk tidak terlalu bercampur dengan orang-orang yang suka hidup mewah.

Oleh itu, **Imam al-Ghazali** mengajar kepada ibu bapa agar **tidak membiasakan anak-anak mereka hidup bergelimang dengan kenikmatan sejak kecil**. Ini akan membuatkan mereka manja dengan kemewahan ketika besar nanti. Kita juga dianjurkan untuk tidak terlalu bercampur dengan orang-orang yang suka hidup mewah. Ini adalah kerana jiwa manusia sering kali meniru akhlak temannya tanpa disedari.

Al-Hakim meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَقِلُّوْا الدُّخُوْلَ عَلَى الْأَغْنِيَاءِ. فَإِنَّهُ قَمِنٌ أَنْ لَا تَزْدَرُوْا نِعَمَ اللّٰهِ عَزَّ وَجَلَّ.

Maksudnya: *Sedikitkanlah masuk ke (rumah) orang-orang kaya. Hal yang demikian adalah lebih layak agar kamu tidak meremehkan nikmat-nikmat Allah.*[22]

Berikutnya, kita harus membiasakan diri untuk tidak membelanjakan wang kecuali untuk sesuatu yang benar-benar penting. Menabung untuk masa depan adalah cara hidup yang terpuji dan selari dengan sunah Rasulullah SAW.

Kita juga harus berlatih untuk tidak makan kecuali ketika benar-benar lapar dan berhenti makan sebelum kenyang. Ketika lapar, makanan semurah apa pun akan terasa sedap.

Abu Nu'aim meriwayatkan daripada Ahmad bin Abi al-Hawari, "Aku bercerita kepada Sulaiman bin Abi Sulaiman bahawa sekelompok orang menyebutkan makanan-makanan lazat di hadapan Ibrahim bin Adham. Lalu Ibrahim berkata, aku tak pernah menyangka ada makanan yang lebih lazat daripada roti yang direndam dengan minyak."

22 *Al-Mustadrak 'ala as-Sahihayn*, kitab *ar-Riqaq*, no. 8034.

Sulaiman berkata: "Ibrahim memiliki alatnya (yang menjadikan makanan seperti itu terasa sangat lazat), iaitu lapar."

Mengapa Bermewah?

Sebagai seorang keluarga raja, Maslamah bin Abdul Malik terkenal sebagai orang yang sangat mewah dalam hidupnya. Dia hanya mahu makan makanan yang mahal dan lazat sahaja.

Suatu hari, **Khalifah Umar bin Abdul Aziz** yang sangat soleh berniat untuk mendidiknya dengan cara hidup sederhana. Beliau mengundang Maslamah ke rumahnya dan menahannya sejak pagi hingga petang tanpa makanan.

Setelah Maslamah berasa sangat lapar, lalu Umar menghidangkan makanan murah berupa bubur kacang yang kosong tanpa lauk-pauk. Maslamah segera makan makanan itu dengan lahapnya.

Setelah dia kenyang, lalu Umar menghidangkan makanan yang mewah kepadanya. Beliau berkata, "Makanlah."

Maslamah menjawab, "Saya sudah kenyang dan tidak mampu makan."

Lalu Umar berkata, "Mengapa bermewah-mewah dalam makanan sehingga memasukkanmu ke Neraka padahal makanan murah pun cukup bagimu?"

Sejak saat itu, Maslamah meninggalkan tabiat buruknya itu.

Soalan seperti itu, layak untuk kita ajukan kepada diri kita sendiri. Mengapakah membeli dua buah kereta jika sebuah kereta sahaja sudah mencukupi?

Apatah lagi jika pembelian ini melibatkan hutang yang **mengikat leher kita** bertahun-tahun, bahkan mungkin kita akan mati sambil membawa hutang sehingga menghalangi masuk ke Syurga?

Hidup sederhana lebih selamat dan lebih terhormat.

Bab 5

Musibah Membawa Tuah

Abu Salamah dan Umi Salamah adalah pasangan yang sangat bahagia. Kedua-duanya termasuk orang-orang yang pertama kali menerima risalah Nabi SAW di Makkah ketika seluruh penduduk kota itu menolaknya.

Pahit getir kehidupan dalam **menjaga akidah** mereka lewati bersama dengan tabah. Apabila pasangan ini hendak berhijrah ke Madinah, mereka harus berpisah kerana orang-orang Musyrik menghalangi Abu Salamah untuk membawa isteri dan anaknya berhijrah.

Selepas setahun kemudian, Allah SWT menyatukan kembali dua insan yang saling mencintai ini di kota Madinah bersama Rasulullah SAW.

Suatu hari, Umi Salamah mendengar Rasulullah bersabda:

مَا مِنْ مُسْلِمٍ تُصِيبُهُ مُصِيبَةٌ، فَيَقُوْلُ مَا أَمَرَهُ اللهُ: إِنَّا لِلّٰهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ، اَللّٰهُمَّ أْجُرْنِيْ فِيْ مُصِيْبَتِيْ، وَأَخْلِفْ لِيْ خَيْرًا مِنْهَا؛ إِلَّا أَخْلَفَ اللهُ لَهُ خَيْرًا مِنْهَا.

Maksudnya: *Tidaklah seorang Muslim ditimpa musibah, lalu ia mengucapkan kata-kata yang Allah perintahkan (Inna lillahi wa inna ilaihi raji'un), dan berdoa, "**Ya Allah, berilah daku pahala atas musibah ini, dan gantikanlah musibah ini dengan sesuatu yang lebih baik, melainkan Allah akan menggantikan musibah itu dengan sesuatu yang lebih baik untuknya.**"*

Tidak lama setelah itu, tepat pada peristiwa Perang Uhud, Abu Salamah pulang dari medan perang sambil membawa luka yang sangat parah. Lima bulan kemudian, beliau meninggal dunia.

Kejadian ini sungguh **menggoncang hati Umi Salamah**. Dia segera teringatkan ucapan Nabi SAW, namun dia ragu-ragu untuk mengucapkan kata-kata yang diajarkan oleh Rasulullah SAW. Dia pun terfikir, "Siapakah orang yang lebih baik daripada Abu Salamah? Dia ialah suami yang begini dan begitu..."

Umi Salamah terus mengingati kelebihan-kelebihan bekas suaminya itu. Namun begitu, akhirnya Umi Salamah tetap mengucapkan kata-kata itu juga.

Tidak lama setelah masa 'iddahnya berlalu, Rasulullah SAW datang meminang Umi Salamah. Baginda ialah manusia terbaik yang pernah Allah ciptakan. Baginda hadir untuk menggantikan Abu Salamah sebagai perwujudan janji Allah bagi orang yang bersabar dalam menghadapi musibah.

Kisah tadi dapat anda temukan dalam kitab *Sahih Imam Muslim*.

Gerbang Kejayaan

Kisah yang sangat indah ini memberikan semangat murni yang menyegarkan jiwa setiap orang yang sedang dirundung kesedihan kerana berpisah dengan orang yang dikasihi, kehilangan harta benda, ditimpa kemalangan dan lain-lain.

Kisah ini mengandungi pengajaran yang berharga, iaitu musibah kadang-kadang merupakan sebuah gerbang yang membawa kita menuju kejayaan. Andai Umi Salamah tidak pernah melalui keperihan hati kerana kematian suaminya, dia tidak akan pernah menjadi isteri Rasulullah SAW dan mendapat kemuliaan abadi sebagai "Ummul Mukminin (Ibu orang-orang beriman)."

Itulah sebab mengapa setiap Muslim dituntut agar bersikap sabar setiap kali menghadapi musibah. Ini adalah kerana hikmah besar sentiasa ada di sebalik musibah, dan hanya sifat sabar yang akan membawa kita kepadanya.

Sifat sabar itu memang pahit. Namun, kepahitan ini seperti ubat yang akan membawa kesembuhan bagi tubuh yang sakit.

Dalam hadis riwayat Muslim, daripada **Suhaib ar-Rumi**, Rasulullah SAW bersabda:

عَجَبًا لِأَمْرِ الْمُؤْمِنِ، إِنَّ أَمْرَهُ كُلَّهُ خَيْرٌ، وَلَيْسَ ذَاكَ لِأَحَدٍ إِلَّا لِلْمُؤْمِنِ. إِنْ أَصَابَتْهُ سَرَّاءُ؛ شَكَرَ، فَكَانَ خَيْرًا لَهُ. وَإِنْ أَصَابَتْهُ ضَرَّاءُ؛ صَبَرَ، فَكَانَ خَيْرًا لَهُ.

Maksudnya: *Sungguh mengagumkan perkara seorang Mukmin, semua perkara (yang terjadi pada) dirinya, selalu baik untuknya. Sekiranya mendapat kesenangan, dia terus bersyukur. Maka itu sangat baik untuknya. Jikalau ditimpa musibah, dia terus bersabar. Ini pun menjadi baik untuknya.* [23]

23 *Sahih Muslim*, kitab *az-Zuhd wa ar-Raqaiq*, no. 7500.

Berbaik Sangka kepada Allah

Jika kita bertafakur lebih mendalam lagi, sebenarnya **tidak ada musibah atau tuah**, yang ada hanyalah perbuatan Allah SWT. Kita menyebutnya sebagai musibah atau tuah kerana mengukurnya dengan keinginan dan pengetahuan kita yang sangat sempit dan terhad.

Namun, apabila kita cuba merenungi sifat-sifat sempurna dan Maha Luas yang dimiliki Allah SWT, apa yang kita sebut sebagai musibah, hakikatnya adalah suatu tuah.

Seseorang yang meyakini bahawa Allah SWT ialah Tuhan Yang Maha Pengasih, Maha Penyayang, Maha Bijaksana, Maha Mengetahui, dan pemilik sifat-sifat sempurna lainnya, maka setiap ketentuan Allah akan diterima dengan baik sangka. Dia percaya sepenuh hati firman Allah SWT:

﴿ وَعَسَىٰٓ أَن تَكۡرَهُواْ شَيۡـًٔا وَهُوَ خَيۡرٞ لَّكُمۡۖ وَعَسَىٰٓ أَن تُحِبُّواْ شَيۡـًٔا وَهُوَ شَرّٞ لَّكُمۡۚ وَٱللَّهُ يَعۡلَمُ وَأَنتُمۡ لَا تَعۡلَمُونَ ٢١٦ ﴾

Maksudnya: *Boleh jadi kamu membenci sesuatu, padahal ia amat baik bagimu, dan boleh jadi (pula) kamu menyukai sesuatu, padahal ia amat buruk bagimu; Allah Mengetahui, sedangkan kamu tidak mengetahui.*

(*Surah al-Baqarah* 2: 216)

Anjing, Ayam dan Keldai

Berbaik sangka kepada Allah sangat indah, saya menemuinya dalam kisah yang diriwayatkan oleh **al-Hafiz ibnu Abi Dunya** dalam kitab ***ar-Ridha 'Anillah***, daripada seorang ulama tabiin di Kufah bernama **Masruq bin Ajda**.

Beliau bercerita, "Di sebuah desa pedalaman, terdapat sebuah keluarga yang hanya memiliki seekor ayam, keldai dan anjing.

Ketiga-tiga haiwan ini sangat mereka sayangi kerana manfaatnya bagi keluarga tersebut. Ayam untuk membangunkan solat, keldai untuk mengambil air dan anjing untuk menjaga rumah."

Suatu hari, seekor musang memangsa ayam mereka. Seisi keluarga menjadi sangat sedih. Namun si ayah berkata, "Tidak apa-apa. Insya-Allah (takdir ini) baik untuk kita."

Tidak berapa hari kemudian, seekor serigala membunuh keldai mereka pula. Ahli keluarga itu kembali bersedih. Namun si ayah tetap berkata, "Tidak apa-apa. Insya-Allah baik untuk kita."

Selang beberapa waktu berlalu, anjing mereka juga mati secara mendadak. Maka seluruh ahli keluarga kembali bersedih, si ayah kembali berkata, "Tidak apa-apa, insya-Allah baik untuk kita."

Masruq berkata, "Pada suatu pagi, ahli keluarga ini terbangun daripada tidurnya. Lalu mereka mendapati bahawa seluruh penduduk desa telah ditawan dan dibawa pergi oleh sekumpulan perompak pada malam tersebut. Hanya ahli keluarga ini yang selamat kerana **para perompak itu mendatangi rumah-rumah yang terdengar suara haiwan di dalamnya sahaja.**"

Lalu mereka mendapati seluruh penduduk desa telah ditawan dan dibawa pergi oleh sekumpulan perompak.

Kalimat 'Andai'

Sikap panik yang diperlihatkan oleh seseorang apabila menghadapi ketentuan Allah yang tidak selari dengan keinginannya, sebenarnya menunjukkan sikap **tidak sopan** kepada Tuhannya Yang Maha Pengasih.

Abu Nu'aim al-Ishfahani dalam ***Hilyatul Awliya'*** meriwayatkan daripada **Imam Hamdun bin Ahmad**, "Sikap panik dalam menghadapi musibah hanya dilakukan oleh orang yang menyimpan buruk sangka kepada tuhannya." Sikap panik itu dapat dilihat dalam pelbagai bentuk, salah satunya **menyesali** apa yang telah berlaku, lalu **menyalahkan** semua orang.

Dalam hadis riwayat Muslim daripada Abu Hurairah, Rasulullah SAW bersabda:

وَإِنْ أَصَابَكَ شَيْءٌ فَلَا تَقُلْ: لَوْ أَنِّيْ فَعَلْتُ، كَانَ كَذَا وَكَذَا. وَلٰكِنْ قُلْ: قَدَرُ اللهِ وَمَا شَاءَ فَعَلَ. فَإِنَّ لَوْ تَفْتَحُ عَمَلَ الشَّيْطَانِ.

Maksudnya: *Jika engkau ditimpa sesuatu, janganlah engkau berkata, 'Andai aku berbuat begini, pasti tidak akan terjadi seperti ini.' Akan tetapi ucapkanlah, 'Semua ini telah ditentukan oleh Allah. Ia bebas melakukan kehendak-Nya.' Sesungguhnya kalimat 'Andai' hanya akan membuka pintu syaitan.* [24]

Sungguh benar sabda Rasulullah SAW. Jika seseorang mulai mengucapkan kalimat '**andai**' ketika mengalami musibah, maka ia akan menyalahkan dirinya sendiri, atau menimpakan kesalahan tersebut kepada orang lain.

Lalu syaitan menambah, "Andai bukan kerana isterimu, pasti engkau tidak akan begini." "Andai bukan kerana ibu atau bapamu, pasti...". "Andai bukan kerana kakak atau adikmu, pasti..." Begitulah seterusnya.

Sikap menyalahkan sedemikian rupa akan **menghancurkan hidup seseorang**. Ia juga akan menghancurkan rumah tangga dan hubungannya dengan saudara-mara serta teman-teman. Maka pelbagai musibah baru akan timbul bersama musibah yang lama.

24 *Sahih Muslim*, kitab *al-Qadar*, no. 6774.

Perkara seperti ini tidak akan terjadi jika ia berkata dengan penuh keyakinan, "Ini ketentuan Allah dan selalunya ketentuan Allah terbaik untuk diriku." Keyakinan ini seolah-olah menutup pintu daripada semua tipu daya syaitan.

Lalu fikiran seseorang akan terfokus ke satu arah sahaja, iaitu mencari jalan keluar daripada musibah tersebut. Jadi, ia akan menyelesaikan masalah tanpa membuat masalah yang baru.

Tip Menghadapi Musibah

Seorang Muslim harus melalui anjakan paradigma agar sesuatu musibah tidak terasa berat untuk ditanggung. Ia mestilah merubah pola fikirannya sepertimana yang pernah dicontohi oleh pelbagai ulama silam.

Yang berikut adalah sebahagian kecil yang boleh saya sebutkan pada kali ini.

PERTAMA, setiap kali menghadapi musibah, kita hendaklah sentiasa menjaga fikiran kita sepositif mungkin.

Salah satunya adalah dengan **meyakini** di dalam hati bahawa musibah ini adalah suatu petanda bahawa Allah tengah **mengiktiraf kita sebagai Mukmin.**

Imam Muslim meriwayatkan daripada Abu Hurairah, Rasulullah SAW bersabda, "Seorang Mukmin umpama pokok tanaman, setiap saat angin selalu meniupnya. Seorang munafik ibarat tumbuhan padi, ia tidak akan dicabut kecuali saat menuai."[25] Ia juga meyakini bahawa musibah akan **membersihkan dosa-dosanya.**

25 *Sahih Muslim*, Sifat al-Munafiqin wa Ahkamuhum, no. 7092.

Dalam Sunan at-Tirmizi, Rasulullah SAW bersabda, "Bala sentiasa menimpa atas diri anak-anak dan harta seorang Muslim atau Muslimah sehingga ia berjumpa Allah tanpa membawa dosa sedikit pun."[26]

*Apabila anda mengalami kecurian, cubalah lakukan seperti kisah yang diceritakan al-Ghazali dalam kitab **Ihya'** ini.*

Suatu ketika, seorang lelaki soleh kehilangan wangnya. Setelah mencari, baru ia menyedari bahawa seseorang telah mencuri wang itu daripadanya. Lalu ia segera berkata, **"Semoga Allah memberkatinya. Mungkin ia lebih memerlukan wang itu daripada saya."**

KEDUA, membayangkan betapa besarnya balasan Allah untuk setiap musibah yang dihadapi.

Apabila ditimpa musibah, perkara pertama yang wajar kita lakukan adalah **membayangkan betapa besarnya balasan Allah** untuk setiap musibah yang dihadapi dengan hati yang tenang dan penuh keredhaan.

Sesungguhnya Allah, jika sedang mencintai suatu kaum, maka Dia akan menimpakan bala kepadanya.

Dalam riwayat at-Tirmizi, Rasulullah SAW bersabda, "Sesungguhnya besarnya balasan Allah sesuai dengan besarnya bala (dugaan). Sesungguhnya Allah, jika sedang mencintai suatu kaum, maka Dia akan menimpakan bala kepadanya. Sesiapa yang redha, maka ia akan mendapatkan keredhaan (daripada Allah). Sesiapa yang benci, maka ia akan mendapat kebencian."[27]

26 *Sunan at-Tirmizi*, kitab *az-Zuhd*, no. 2399. At-Tirmizi berkata, "Hadis hasan sahih."
27 *Sunan at-Tirmizi*, kitab *az-Zuhd*, no. 2396. Beliau berkata: "Hadis hasan gharib daripada jalur ini."

Suatu hari, seorang wanita solehah, isteri **Imam Fath al-Musili,** tersandung sehingga patah kuku jari kakinya. Beliau hanya tertawa melihat darah mengalir dari jarinya itu. Seseorang bertanya, "Tidakkah engkau berasa sakit?" Lalu ia menjawab, "Kelazatan pahalanya mengalahkan kesakitan itu."

KETIGA, kita hendaklah berfikir secara mendalam tatkala melihat musibah dengan memerhatikan dari pelbagai sudut.

Jika itu kita lakukan, kita akan menyedari bahawa musibah ini sebenarnya sangat kecil berbanding kebesaran nikmat yang kita miliki.

Suatu hari, seseorang mengeluh tentang kesulitan hidupnya kepada Muhammad bin Samak, seorang imam yang sangat zuhud. Ia mengeluh akibat lilitan hutang dan kesulitan untuk mendapatkan wang. Lalu Ibnu Samak bertanya kepadanya, "Berapakah wang yang engkau perlukan?" Ia menjawab, "Sepuluh ribu."

Ibnu Samak bertanya lagi, "Mahukah kamu memiliki wang sepuluh ribu tapi matamu hilang?" Si fakir menjawab, "Tidak mahu."

"Mahukah kamu memiliki wang sepuluh ribu tapi matamu hilang?"

Ulama itu berkata lagi, "Mahukah kamu memiliki wang sepuluh ribu tapi lidahmu bisu?" Dia menjawab, "Tidak mahu."

"Mahukah kamu memiliki wang sepuluh ribu tapi kaki dan tanganmu terputus?"

Sekali lagi orang itu menjawab, "Saya tidak mahu."

Lalu ulama yang bijak itu berkata, "Nah, kamu memiliki sesuatu yang lebih berharga daripada wang tiga puluh ribu, tapi mengapa masih bersedih!"

Latihan

Sikap sabar menghadapi musibah ini tidak mudah diraih oleh setiap orang. Ia memerlukan latihan yang panjang sebelum seseorang dapat memperoleh sifat yang amat terpuji ini.

Imam al-Qurtubi di dalam **Tafsir**nya meriwayatkan ucapan **Sahl bin Abdillah at-Tustari** (w. 283H), "Apabila seseorang terbiasa bersabar dalam melaksanakan ketaatan dan terbiasa bersabar dalam meninggalkan kemaksiatan, maka pada saat itu, Allah akan memberinya kekuatan agar mampu bersabar dalam menerima ketentuan-Nya."

Bab 6

Nasihat

Jarir bin Abdillah al-Bajali (w. 51H) seorang sahabat Nabi SAW yang sangat elok rupanya. Umar bin al-Khattab pernah menyebutnya sebagai "Nabi Yusuf" umat ini.

Jarir masuk Islam pada tahun 10 H di Madinah dan mengucap bai'ah (sumpah setia) kepada Rasulullah SAW. Beliau berkata, "Aku berbaiah kepada Rasulullah SAW untuk selalu mendirikan solat, membayar zakat dan bernasihat kepada setiap Muslim."

Hingga akhir hayat, Jarir tetap berpegang teguh dengan tiga janji yang diucapkannya.

Imam ath-Thabarani dalam **Mu'jam al-Kabir** meriwayatkan bahawa pada suatu hari, Jarir pergi ke pasar dengan pembantunya untuk membeli seekor kuda. Setelah melihat kuda yang diinginkannya, Jarir memerintahkan pembantunya untuk membeli kuda terse-

but. Pembantunya dan pemilik kuda telah sepakat dengan harga 300 dirham, lalu mereka mendatangi Jarir untuk mengambil wang yang disepakati.

Jarir bertanya: "Berapakah harganya?" Pemilik kuda berkata: "300 dirham."

Jarir berkata: "Kuda ini bernilai lebih daripada itu."

Orang itu bertanya: "Berapakah harganya pada pandanganmu?"

Jarir berkata: "Kamu harus menjualnya antara 500 hingga 800 dirham." Lalu pembantunya memberitahu harga itu kepada pemilik kuda tersebut.

Apabila ditanya mengapa beliau melakukan sedemikian, Jarir menjawab: "Saya berjanji kepada Rasulullah SAW untuk sentiasa menasihati kaum Muslimin."

Makna Nasihat

Banyak orang menyangka bahawa nasihat hanyalah berbentuk kata-kata saranan, usul atau kritikan pedas yang disampaikan kepada orang lain. Namun, sebahagian daripada kita sukar untuk membezakan antara nasihat dengan celaan.

Padahal sebenarnya, nasihat berasal daripada lafaz berbahasa Arab: '***an-nush***' yang bermakna "ketulusan, keikhlasan dan bersih daripada kotoran." **Madu** yang '***nasih***' ialah madu yang telah **benar-benar bersih** daripada campuran benda lain.

Lafaz '**nasihat**' yang terdapat di dalam al-Quran dan hadis selalunya bermakna: **menghendaki kebaikan untuk pihak lain**.

Nasihat adalah sebuah kata yang mengungkapkan keinginan agar orang lain mendapat kebaikan."

Al-Khattabi dan **Ibn al-Atsir** berkata: "Nasihat adalah sebuah kata yang mengungkapkan keinginan agar orang lain mendapat kebaikan."

Jadi, nasihat sangat luas. Ia lebih luas daripada sekadar usul, malah meliputi semua perbuatan yang bertujuan untuk memberikan kebaikan kepada orang lain.

Agama ialah Nasihat

Dalam sebuah hadis riwayat Muslim daripada **Tamim ad-Dari**, Rasulullah SAW bersabda: "Agama ialah nasihat." Para sahabat bertanya: "Nasihat untuk siapa wahai Rasulullah?"

"Agama ialah nasihat." Para sahabat bertanya: "Nasihat untuk siapa wahai Rasulullah?"

Baginda menjawab: "Untuk Allah, rasul-Nya, para pemimpin kaum Muslimin dan orang-orang awam mereka."[28]

Berdasarkan tafsiran di atas, kita dapat memahami bahawa hadis ini hendak menjelaskan hakikat agama Islam. Rasulullah SAW menyebutkan bahawa inti agama ini adalah mempersembahkan ketulusan bagi Allah, Rasulullah dan semua kaum Muslimin, dan juga menginginkan kebaikan bagi mereka semua.

Nasihat untuk Allah dan rasul-Nya bererti menyukai agar kedua-duanya sentiasa dicintai dan perintah kedua-duanya sentiasa dituruti. Ini adalah kerana ketaatan merupakan kebaikan yang disukai, dan kemaksiatan merupakan keburukan yang dibenci.

Justeru, orang yang nasihat kepada Allah dan rasul-Nya, sentiasa berusaha agar memastikan hukum-hukum Allah **diterapkan dengan baik** di dunia ini.

Imam Ahmad meriwayatkan daripada Abu Umamah bahawa Nabi SAW bersabda: "Allah berfirman: Ibadah yang paling utama yang dilakukan oleh hamba-Ku ialah nasihat untuk-Ku."

28 *Sahih Muslim*, kitab al-*Iman*, no. 196.

Nasihat untuk para pemimpin Muslim ertinya menyukai agar mereka selalu diredhai oleh Allah, ditaati oleh rakyat dan membantu mereka mewujudkan keadilan dalam masyarakat.

Sering kali para ulama berdiri di hadapan raja-raja untuk menyampaikan kebenaran kerana terdorong oleh sikap ini.

Tanpa takut-takut beliau berkata: kezaliman telah maharajalela di depan pintumu.

Imam Ahmad bercerita tentang seorang ulama Madinah: **Ibn Abi Dzi'b** (w. 157H): "Beliau lebih warak dan lebih mendirikan kebenaran daripada Imam Malik. Beliau pernah masuk ke istana (khalifah) Abu Jaafar al-Manshur, lalu tanpa takut-takut beliau berkata, kezaliman telah maharajalela di depan pintumu. Padahal Abu Jaafar adalah Abu Jaafar."

Maksudnya: Meskipun Abu Ja'far raja yang sangat keras dan kuat, namun beliau tidak takut.

Nasihat untuk Kaum Muslimin

Adapun nasihat untuk kaum Muslimin, maka ia dapat dilakukan dengan pelbagai cara, salah satunya adalah seperti perbuatan Jarir yang disebutkan tadi.

Perbuatan ini pernah juga dilakukan oleh seorang imam tabiin di Basrah yang bernama **Yunus bin 'Ubaid al-'Abdi** (w. 139H). Selain ulama, Yunus terkenal sebagai saudagar sutera. Pekerjaannya adalah membeli sutera daripada seseorang lalu menjualnya kepada orang lain.

Suatu hari, ada seorang perempuan datang kepadanya sambil membawa sepotong baju sutera. Yunus bertanya: "Engkau hendak jual berapa baju ini kepadaku?" Perempuan itu menjawab: "Enam ratus."

Yunus berkata: "Harga baju ini lebih daripada itu." Perempuan itu berkata lagi: "Tujuh ratus?" Dia kembali berkata: "Harganya lebih daripada itu." Dia terus meningkatkan harganya hingga mencapai seribu. Lalu Yunus memberikan wang tersebut kepadanya.

Imam 'Ali bin al-Husein bin 'Ali bin Abi Thalib yang terkenal dengan gelaran Zain al-'Abidin (w. 94H) menasihatkan kaum Muslimin dengan cara yang lain.

Setiap malam, beliau memikul makanan di atas bahunya untuk dibawa ke rumah-rumah fakir miskin dan janda-janda tua. Tidak ada seorang pun yang tahu tentang hal itu selain dirinya dan Allah SWT.

Ibn Ishaq berkata: "Sekelompok orang di Madinah dapat hidup tanpa mengetahui sumber penghidupan mereka. Setelah 'Ali bin al-Husein meninggal dunia, mereka tidak lagi mendapati makanan yang mereka temui setiap malam di depan rumah mereka."

Sufyan bin 'Uyainah (w. 198H) pernah berkata: "Nasihatlah untuk makhluk Allah. Kalian tidak akan berjumpa Allah dengan amal ibadah yang lebih baik daripada perbuatan itu. Andai seorang malaikat turun dari langit dan memberitahuku bahawa semua orang akan masuk Syurga kecuali diriku, aku akan redha dengan hal itu."

Imam asy-Syafi'i (w. 204H), salah seorang murid **Ibn 'Uyainah**, juga berkata: "Aku tidak pernah berdebat dengan seseorang melainkan dengan penuh nasihat."

Dia berkata: "Setiap kali aku berdebat dengan seseorang, aku sentiasa berharap agar Allah membantu dan memberinya taufik."

Nampaknya sangat berbeza dengan sikap kita selama ini. Dalam perdebatan, kita sentiasa berharap agar lawan kita lupa dan keliru sehingga kita dapat menewaskannya dengan mudah.

Adab Menegur

Yang terakhir termasuklah nasihat menegur kesalahan seseorang agar ia tergerak memperbaiki diri. Namun, nasihat sebegini memerlukan adab kesopanan yang tinggi agar tercapai matlamat yang diharapkan.

Nasihat yang disampaikan tanpa adab yang betul, bukan sahaja menimbulkan salah faham, bahkan perkelahian dan diikuti dengan perpecahan.

Salah satu adab menegur adalah menyampaikan nasihat itu di tempat tersembunyi. Jika menasihati seseorang di hadapan orang ramai, ia akan membuatnya berasa malu.

Fudhail bin 'Iyadh (w. 187H) berkata: "Seorang Mukmin menutupi lalu menasihati. Seorang pendosa mengisytiharkan lalu mencela."

Imam asy-Syafi'i berkata: "Sesiapa yang menasihatimu secara sembunyi-sembunyi, maka ia benar-benar menasihatimu. Sesiapa yang menasihatimu di khalayak ramai, ia sebenarnya sedang menghinamu."

Adab ini sangat dianjurkan terutama ketika menasihati pihak yang lebih tinggi dan berkuasa. Kebiasaannya orang-orang ini dihormati. Mereka agak sukar menerima nasihat apatah lagi jika disampaikan dengan cara yang biadab.

"Jika kamu mesti melakukannya juga, maka lakukanlah (ketika tidak ada orang lain selain) kamu berdua."

Ibnu Abbas ditanya tentang melakukan *amar makruf nahi munkar* kepada penguasa. Beliau menjawab: "Jika kamu mesti melakukannya juga, maka lakukanlah (ketika tidak ada orang lain selain) kamu berdua."

Apabila Nasihat Tidak Didengar

Suatu hal yang harus diingat, seorang pemberi nasihat seharusnya sentiasa memeriksa dirinya, adakah dia menginginkan kebaikan untuk orang yang dinasihati itu, atau dia sebenarnya menginginkan kebaikan untuk dirinya sendiri?

Jika dia berbangga ketika nasihatnya dijalankan dan marah ketika ditolak, maka itu petanda dia tidak ikhlas. Orang yang ikhlas kerana Allah SWT, tidak akan marah jika kata-katanya tidak didengari. Dia mungkin sedih, namun tidak ada alasan untuk marah.

Jika dia marah apabila nasihatnya tidak didengari, maka kemarahan itu bukan kerana Allah. Akan tetapi kerana nafsunya yang cintakan penghormatan.

At-Tirmizi meriwayatkan daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Sering kali sepatah kata yang diucapkan oleh seseorang dapat membuatkannya melayang-layang di Neraka selama 70 tahun."

(*Sunan at-Ṭirmizi*, kitab *az-Zuhd*, no. 2314. Beliau berkata, "Ini hadis hasan gharib daripada jalur ini.")

Bab 7

Lalat

Imam Ahmad meriwayatkan daripada **Salman al-Farisi**: "Seorang lelaki masuk ke Syurga kerana seekor lalat, dan seorang lelaki masuk ke Neraka kerana seekor lalat."

Murid-muridnya bertanya: "Bagaimana itu terjadi?"

Beliau bercerita: "Dua orang lelaki berjalan melalui sekelompok orang yang sedang menyembah berhala. Mereka tidak membiarkan sesiapa berlalu dari tempat itu sebelum mempersembahkan korban untuk berhala mereka.

Kaum itu berkata kepada salah seorang daripada kedua-duanya: "Persembahkanlah sesuatu untuk berhala." Dia menjawab: "Aku tak memiliki apa-apa." Mereka berkata: "Persembahkanlah walau seekor lalat." Lalu dia mengorbankan seekor lalat kepada berhala dan mereka pun melepaskannya. Salman berkata: "Orang ini masuk ke Neraka."

Mereka berkata kepada lelaki yang lain: "Persembahkanlah walau seekor lalat." Dia menjawab: "Aku tidak akan mempersembahkan apa-apa kepada selain Allah SWT." Lalu mereka memenggal kepalanya. Salman berkata: "Orang ini masuk ke Syurga."[29]

Perintah Kecil

Meskipun *mawquf*, hadis ini memiliki hukum *marfu'*.[30] Ini adalah kerana kandungannya berkaitan dengan alam ghaib yang tidak mungkin diketahui tanpa pemberitahuan daripada Nabi SAW.

Hadis ini juga mengajarkan sesuatu yang sangat penting, iaitu perbuatan kecil yang dilakukan oleh seseorang kadang-kadang memberikan impak yang sangat besar. Seekor lalat dapat menentukan nasib seseorang di Akhirat: adakah dia akan masuk Syurga atau Neraka.

Oleh itu, seorang pecinta kebaikan tidak pernah melihat kecilnya perbuatan.

Semua yang diperintahkan oleh Rasulullah SAW, walau sekecil mana perbuatan itu sekalipun, mengandungi **hikmah yang sangat besar** bagi diri dan masyarakat kita. Oleh itu, seorang pecinta kebaikan tidak pernah melihat kecilnya perbuatan. Akan tetapi, ia melihat perbuatan itu sebagai peluang untuk mendekatkan dirinya kepada Allah SWT.

Rasulullah SAW bersabda: "Janganlah kau meremehkan perbuatan baik (makruf) sekecil mana sekalipun walau hanya tersenyum ketika berjumpa dengan saudaramu." Hadis riwayat Muslim.[31]

29 Ahmad bin Hanbal, kitab *az-Zuhd*, no. 84.
30 *Mawquf* adalah sebuah hadis yang sanadnya berakhir hanya kepada tingkatan sahabat Nabi SAW. *Marfu'* pula adalah sebuah hadis yang sanadnya berakhir hingga ke Nabi SAW.
31 *Sahih Muslim*, kitab *al-Bir wa ash-Shilah*, no. 6690.

Setiap tokoh besar dalam Islam tidak pernah melihat kecilnya sesuatu perbuatan yang baik, malah menyaksikan kebesaran Allah yang mencintai kebaikan tersebut.

Semangatnya dalam kebaikan tidak lebih kecil daripada ketamakan seorang pecinta harta yang tidak pernah ragu-ragu mengambil wang sekecil mana sekalipun yang ditemuinya di tengah jalan. Dia tidak melihat kecilnya nilai wang itu, akan tetapi dia sentiasa membayangkan peningkatan kekayaannya kerana wang tersebut.

Samurah bin Jundab (seorang sahabat Nabi SAW) berkata: "Sesiapa yang ingin mengetahui kedudukannya di sisi Allah, maka periksalah kedudukan Allah di sisinya." Diriwayatkan oleh Ibnu al-Mubarak dalam kitab ***az-Zuhd***.

Ertinya, sesiapa yang sangat menghormati Allah SWT sehingga bersegera melaksanakan semua perintahnya meskipun kecil, maka itu petanda bahawa dirinya sangat terhormat di sisi Allah.

Sebaliknya, sesiapa yang meremehkan hak-hak Allah dan tidak menghormatinya sama sekali, itu petanda bahawa ia sangat hina di sisi Allah SWT.

Dua Rakaat Sunat

Dua rakaat solat sunat sangat mudah. Ia tidak mengambil banyak masa, namun impak positifnya sangat besar di Akhirat kelak.

Ibnu al-Mubarak dalam kitab ***az-Zuhd*** meriwayatkan daripada Abu Hurairah: Suatu hari Rasulullah SAW sedang berlalu di atas sebuah kubur (mayat) yang baru ditanam. Lalu Baginda bersabda: "Dua rakaat pendek yang kalian anggap ringan namun ia menambahkan pahala orang ini adalah lebih ia sukai daripada seisi dunia."

Menyedari akan hal ini, 'Abdullah bin 'Amr bin al-'Ash ketika suatu hari melewati sebuah perkuburan, lalu beliau segera melakukan solat dua rakaat. Seseorang bertanya kepadanya: "Ini sesuatu yang belum pernah anda lakukan sebelumnya."

Beliau berkata: "Aku membayangkan ahli kubur dan amal perbuatan yang tidak dapat mereka lakukan lagi. Maka aku ingin lebih mendekatkan diriku kepada Allah dengan dua rakaat tadi."

Mengutip Sampah

Mengutip sampah yang berselerak di masjid nampak ringan, namun ia mempunyai nilai yang tinggi di sisi Allah SWT.

Imam al-Baihaqi meriwayatkan daripada **Buraidah al-Aslami** bahawa Rasulullah SAW melihat sebuah kubur yang baru ditanam. Lalu Baginda bertanya: "Kubur siapa ini?"

Abu Bakar menjawab: "Ini kubur Umi Mihjan, seorang wanita yang sangat suka memungut serpihan sampah di masjid."

Nabi SAW bersabda: "Mengapakah kalian tidak memberitahuku (kematiannya)?" Abu Bakar menjawab: "Waktu itu Tuan sedang tidur. Kami tidak ingin mengganggu Tuan."

Nabi SAW bersabda: "Jangan lakukan seperti itu lagi. Sesungguhnya solatku bagi jenazah akan menjadi cahaya di dalam kuburnya."

Lalu Baginda mengatur barisan para sahabatnya dan menyolatkan wanita itu.

Imam al-Bukhari

Mengutip sampah di masjid ini sangat diambil berat oleh ahli hadis sepanjang masa **Imam Muhammad bin Ismail al-Bukhari** (w. 256H).

Dalam sebuah majlis periwayatan (hadis) yang beliau adakan di sebuah masjid, Imam al-Bukhari melihat seseorang **menajamkan penselnya**. Potongan kecil pensel yang berjatuhan di lantai dibiarkan begitu saja dan tidak dikutip.

Imam ahli hadis ini hanya diam dan tidak melakukan apa-apa. Sebenarnya, beliau boleh menegur orang tersebut atau memerintahkan pegawai masjid untuk membersihkan lantai itu. Namun, ahli hadis ini memilih diam sebab beliau ingin mendapat ganjaran sunah mengeluarkan kotoran daripada masjid.

Setelah semua orang bersurai dan masjid itu telah kosong, Imam al-Bukhari segera mengambil potongan pensel itu dengan tangannya lalu membuangnya keluar.

Bersin

Mendoakan orang yang bersin sangat ringan, namun besar nilainya di sisi Allah terutama apabila sunah ini telah ditinggalkan oleh kebanyakan orang.

Imam Abu Daud Sulaiman bin Asy'ats as-Sujistani (w. 275H), penulis kitab ***Sunan***, suatu hari beliau berada di pinggir sebatang sungai. Tiba-tiba, beliau mendengar seseorang terbersin dari seberang sungai itu.

Imam Abu Daud segera menyewa sebuah sampan untuk menyeberangi sungai itu dan menemui orang tersebut. Beliau berkata: "Apa yang kamu ucapkan ketika terbersin?" Orang itu menjawab: "Aku ucap: Alhamdulillah."

"Apa yang kamu ucapkan ketika terbersin?" Orang itu menjawab: "Aku ucap: Alhamdulillah."

Abu Daud segera berkata: "Yarhamukallah (semoga Allah merahmatimu)." Lantas beliau kembali ke tempatnya semula.

Membantu Haiwan

Imam Jalaluddin al-Mahalli, seorang ahli fiqah Mazhab asy-Syafi'i yang terkenal di Mesir, pernah berkata: "Tidak ada seorang ulama pun yang setelah meninggal dunia lalu dilihat dalam mimpi memberitahu bahawa Allah mengampuninya kerana ilmu yang ia miliki. (Kalau ada pun), mungkin sangat sedikit sahaja. Kebanyakan mereka berkata, 'Allah mengampuni dosaku kerana membantu hajat seseorang.' Oleh sebab itu, aku berharap Allah mengampuniku atas perkara ini."

Allah pernah mengampuni dosa seorang pelacur kerana ia memberi minum seekor anjing yang sedang kehausan.

Malah, memberi makan kepada haiwan yang dalam kelaparan sangat besar nilainya di sisi Allah. **Al-Bukhari** meriwayatkan sebuah hadis yang menceritakan bahawa **Allah** pernah **mengampuni dosa seorang pelacur** kerana ia memberi minum seekor anjing yang sedang kehausan.[32]

Imam asy-Sya'rani bercerita: Seseorang bermimpi bertemu Imam Ghazali setelah beliau wafat. Orang itu bertanya: "Bagaimanakah Allah memperlakukanmu?" Lantas beliau menjawab: "Allah mengampuniku kerana suatu hari aku membiarkan seekor lalat minum daripada tinta yang sedang aku guna untuk menulis."

Terlalu banyak ibadah kecil yang berimpak besar untuk disebutkan di sini. Semua ini cukup untuk membuatkan hati kita sentiasa melaksanakan perbuatan itu tanpa meremehkannya.

32 *Sahih al-Bukhari*, kitab *Bad'i al-Khalq*, no. 3321.

Tambahan pula, "sunah-sunah besar" yang kita impikan, hanya dapat dilakukan setelah membiasakan diri melakukan "sunah-sunah kecil" terlebih dahulu.

Bagaimanakah kita memulakan sunah-sunah yang besar, jika kita tidak mampu istiqamah dalam sunah-sunah yang kecil?

Larangan Kecil

Dosa ibarat racun berbahaya yang dapat membinasakan kehidupan manusia di dunia dan di Akhirat.

Sebagai kebalikan daripada sikap yang tersebut di atas, kita tidak boleh meremehkan larangan Allah walau sekecil mana sekalipun. Ini adalah kerana **dosa ibarat racun berbahaya** yang dapat membinasakan kehidupan manusia di dunia dan di Akhirat.

Seseorang yang berakal dan mencintai hidupnya **tidak akan mencuba minum racun** walaupun hanya setitik kerana kesannya boleh membawa kecelakaan.

Ibnu Hibban meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

إِنَّ الرَّجُلَ لَيُحْرَمُ الرِّزْقَ، بِالذَّنْبِ يُصِيبُهُ.

Maksudnya: *Kadang-kadang seseorang tidak mendapat rezeki akibat dosa yang ia lakukan.*[33]

At-Thabarani meriwayatkan daripada Ibnu Mas'ud, beliau berkata: "Saya yakin bahawa seseorang dapat melupakan ilmu yang telah dipelajarinya akibat dosa yang ia lakukan."

33 *Sahih Ibn Hibban*, kitab *ar-Raqaiq*, no. 869.

Satu kalimat

Jangan remehkan satu kalimat yang kita ucapkan kerana kalimat tersebut kadang-kadang membawa kita kepada kebinasaan.

At-Tirmizi meriwayatkan daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الرَّجُلَ لَيَتَكَلَّمُ بِالْكَلِمَةِ، لَا يَرَى بِهَا بَأْسًا، يَهْوِيْ بِهَا سَبْعِيْنَ خَرِيْفًا فِي النَّارِ.

Maksudnya: *Sering kali sepatah kata yang diucapkan oleh seseorang dapat membuatkannya melayang-layang di Neraka selama 70 tahun.*[34]

Pengalaman hidup banyak memperlihatkan hubungan antara seseorang dengan temannya, anaknya, isterinya bahkan orang tuanya terputus akibat satu kalimat yang terlanjur diucapkan.

Melebih-lebih Seorang Anak daripada yang Lain

Kadang-kadang ibu bapa menyayangi salah seorang anaknya melebihi yang lain. Mereka menganggap bahawa perkara ini enteng sahaja. Namun, jika diambil pandangan dari sudut agama Islam pula, ia dilihat sebagai suatu bentuk kezaliman.

Anas bin Malik bercerita: Suatu hari ketika seorang lelaki duduk bersama Rasulullah SAW, tiba-tiba anak lelakinya datang. Lelaki itu segera mengambil anak lakinya, lalu mencium dan meletak-

34 *Sunan at-Tirmizi*, kitab *az-Zuhd*, no. 2314. Beliau berkata: "Ini hadis hasan gharib daripada jalur ini."

kannya di pangkuannya. Tidak lama kemudian, datang anak perempuannya. Lelaki itu pula segera mengambilnya lalu meletakkannya di samping tempat duduknya.

Melihatkan perlakuan ini, Rasulullah SAW bersabda: "Kamu tidak adil terhadap anakmu ini." Hadis riwayat al-Baihaqi.

Pergaulan

Sebahagian besar masyarakat kita, termasuk orang-orang yang bertugas sebagai guru agama, sering kali meringankan pergaulannya dengan orang yang bukan mahramnya. Sehingga sering terjadi **khalwat yang diharamkan** dengan alasan konsultasi agama, meminta fatwa, atau belajar mengaji.

Larangan ini terjadi untuk semua orang tidak mengenal usia atau ilmu seseorang.

Rasulullah SAW memperingatkan bahawa berduaan dengan orang yang bukan mahram merupakan sarana syaitan untuk merosakkan keimanan seseorang. Larangan ini terjadi untuk semua orang yang tidak mengenal usia atau ilmu seseorang. Sesiapa yang merasakan bahawa ia tidak terkeluar daripada larangan ini, itu menunjukkan kejahilannya terhadap syariat agama Islam.

Ubadah bin Shamit, seorang sahabat Nabi SAW yang tinggi ilmunya dan sudah tua, berkata tentang dirinya, "Tidakkah kamu melihat bahawa aku selalu berjalan sambil dipapah, hanya makan makanan yang telah dilembutkan, dan kemaluanku telah lama mati. Namun begitu, aku tetap tidak suka berkhalwat dengan seorang perempuan yang tidak halal bagiku, meskipun dibayar dengan seisi dunia. Ini adalah kerana aku khuatir suatu saat, syaitan datang lalu menggerakkannya kembali."

Inilah sikap seorang Mukmin sejati yang memahami agamanya dengan mendalam.

Pendek kata, dosa sekecil mana pun merupakan pintu masuk syaitan ke dalam hati manusia. Terserah kepada kita, adakah akan membiarkan pintu itu sentiasa terbuka atau segera menutup serapat-rapatnya?

Ingatlah, kerana seekor lalat, seseorang boleh masuk ke dalam Neraka.

Bab 8

Mengumpat Membawa Padah

Menilai orang lain dan menyebutkan keburukannya sangat ringan pada lidah. Kebiasaannya disebut sebagai mengumpat (*ghibah*). Tidak ada yang terjaga daripada sifat buruk ini melainkan orang yang berusaha melawan nafsunya dengan sungguh-sungguh.

Berhubung dengan sifat ini, saya ingin berkongsikan sebuah kisah yang terjadi pada salah seorang ulama kita terdahulu. Beliau ialah **Abdullah bin Wahb al-Fihri,** seorang faqih dan muhaddis terbilang di Mesir dan juga seorang murid Imam Malik. Beliau wafat pada tahun 197H.

Sebagai manusia biasa, Ibnu Wahb pernah memiliki **kebiasaan mengumpat**. Lalu beliau berusaha untuk meninggalkan kebiasaan ini dengan pelbagai cara.

Beliau bercerita, "Aku bernazar, **setiap kali aku mengumpat** seseorang, maka aku akan **berpuasa satu hari**. Namun, aku menjadi sangat lemah kerana nazar ini. Setiap kali mengumpat, aku berpuasa."

Oleh sebab besarnya cintaku terhadap wang Dirham, akhirnya aku berjaya meninggalkan kebiasaan mengumpat.

Apabila cara ini dirasakan tidak efektif, lalu Ibnu Wahb mencuba cara lain. Dia berkata,"Lalu aku bernazar, setiap kali aku **mengumpat** seseorang, aku akan **bersedekah satu Dirham**. Oleh sebab besarnya cintaku terhadap wang Dirham, akhirnya aku berjaya meninggalkan kebiasaan mengumpat."

Buah Ilmu

Kisah ini saya ambil daripada kitab ***Tazkiratul Huffaz*** karya **al-Hafiz Abu Abdillah adz-Dzahabi**. Setelah menyebutkan kisah ini, al-Dzhahabi berkata, "Beginilah, demi Allah, sikap para ulama terdahulu. Sikap ini terbit daripada ilmu yang bermanfaat."

Kata-kata ini memang benar adanya. Memperbaiki diri adalah buah ilmu. Tidak berguna ilmu yang kita pelajari jika ia tidak membuatkan kita lebih baik daripada sebelumnya.

Menjadi pengetahuan semua Muslim bahawa mengumpat dan menceritakan aib orang lain adalah kebiasaan yang sangat diharamkan. Al-Quran menggambarkannya ibarat makan bangkai saudara sendiri.[35]

Rasulullah SAW juga sangat membenci sikap ini tidak kira siapa orang yang melakukannya. **Imam Abu Daud** meriwayatkan, suatu hari Siti Aisyah membicarakan keburukan Safiyyah, isteri Nabi yang lain, di hadapan baginda. Aisyah berkata: "Cukuplah keburukannya, ia seorang yang pendek."

Mendengarkan ucapan ini, Rasulullah SAW menjadi sangat marah. Lalu Baginda bersabda: "Engkau telah mengucapkan suatu perkataan, yang andai dituang ke air laut, nescaya ia akan mengotorinya."[36]

35 Surah al-Hujurat ayat 12.
36 *Sunan Abi Daud*, kitab *al-Adab*, no. 4875.

Justeru, semua ulama yang takutkan Allah berusaha untuk meninggalkan akhlak ini dengan pelbagai cara seperti yang dilakukan oleh Ibnu Wahb tadi.

Sesetengah ulama lain meninggalkan sifat keji ini sejak pertama kali mengetahui keharamannya. **Imam al-Bukhari** berkata, "Aku tidak pernah mengumpat seseorang sejak aku tahu bahawa ia diharamkan."

Mengelokkan Kata-kata

Al-Hafiz ibnu Katsir berkata di dalam **Tafsir**-nya,"Mengumpat diharamkan secara ijmak ulama. Tidak dikeluarkan daripada hukum ini kecuali perkara-perkara yang sangat besar maslahatnya seperti *jarh wa ta'dil* dan nasihat."

Jarh wa ta'dil adalah sebuah tugasan yang dilakukan oleh ahli hadis dalam **mengkaji keperibadian seorang perawi hadis**, termasuk membicarakan cacat cela yang terdapat dalam dirinya. Perbuatan ini sebenarnya dalam kategori mengumpat, namun ia **dibolehkan** kerana mengandungi maslahat yang lebih besar iaitu memilih hadis yang sahih daripada yang palsu untuk dijadikan sandaran hukum Islam. Jadi, ia **dihalalkan kerana darurat**. Maka sesuai kaedah usul, hukum darurat mesti dibatasi sekadar keperluan (hajat) sahaja. Oleh itu, **diharamkan berlebihan dalam menilai perawi**.

Imam as-Sakhawi berkata, "Tidak boleh mencelanya dengan dua sifat, jika dengan satu sifat telah mencukupi."

Jika kita mesti menilai orang lain, gunakanlah kata-kata yang lembut dan sopan.

Imam asy-Syafi'i pernah berkata kepada muridnya al-Muzani, "Wahai Abu Ibrahim! Elokkanlah kata-katamu. Janganlah engkau berkata, si polan pendusta. Akan tetapi katakanlah, ucapannya tidak bernilai."

Tidak Ingin Dicela, Jangan Mencela

Kita tidak hidup seorang diri di muka bumi ini. Kita juga tidak bersih daripada cacat dan cela. Maka, apabila kita mula menyebutkan kecacatan orang lain, maka orang lain pun akan terdorong untuk menyebutkan kecacatan kita.

Hasan al-Basri berkata, "Aku pernah menemui seseorang yang tidak memiliki kecacatan. Setelah dia mencela orang lain, maka orang lain mula menemukan kecacatannya. Aku pernah berjumpa dengan seseorang yang banyak memiliki kecacatan. Namun, oleh sebab dia diam daripada memerihalkan kecacatan orang lain, orang lain pun tidak pernah membicarakan tentang kecacatannya."

Dalam hadis **Abu Daud**, Rasulullah SAW bersabda, "Wahai orang-orang yang beriman dengan lisannya namun keimanan itu belum masuk ke dalam hati! Berhentilah daripada mengumpat orang lain dan mencari-cari keburukan mereka. Sesiapa yang mencari-cari keburukan orang, Allah akan mencari-cari keburukannya. Sesiapa yang telah dicari keburukannya oleh Allah, maka ia akan dihina di rumahnya sendiri."[37]

Tokoh Agama

Kebiasaan mengumpat **sangat buruk**. Malah, lebih buruk lagi jika ia dilakukan oleh orang yang mengetahui keharamannya. Apabila seorang tokoh agama melakukan perkara ini, masyarakat awam akan menyangka bahawa sikap ini dibolehkan dalam agama. Oleh itu, hukuman Allah sangat besar ditimpakan kepada orang-orang seperti ini.

Imam as-Sakhawi di dalam kitab ***al-I'lan bi at-Taubikh*** menyebutkan bahawa beberapa orang ulama hilang hafazannya, tidak

37 *Sunan Abi Dawud*, kitab *al-Adab*, 4880.

bermanfaat ilmunya, bahkan matinya dalam kehinaan disebabkan perbuatan mencela orang lain.

Salah seorang daripada kalangan ulama tersebut ialah **al-Hafiz Ibnu Sind al-Lakhami** (w.792H), iaitu seorang pakar hadis dari Mesir. Beliau pernah menimba ilmu daripada beberapa orang ulama besar seperti al-Hafiz al-Dzahabi, Tajuddin al-Subki dan Ibnu Katsir. Oleh sebab beliau sering kali mencela orang lain, maka di akhir hayatnya, **Ibnu Sind** lupa akan kebanyakan ilmu yang pernah dihafaznya termasuklah ayat-ayat al-Quran.

Ulama lain adalah seorang pakar fiqah dan qadi dari Yaman, namanya **Muhammad bin Abdillah bin Abi Bakar ar-Rimi**. Beliau terkenal kerana sering kali mencela dan memperlekehkan pendapat Imam An-Nawawi. Imam al-Sakhawi bercerita, ulama ini meninggal dunia dengan lidah terpesong dan berwarna hitam.

Mengumpat daripada Ulama Terdahulu

Kisah pakar fiqah dari Yaman ini menunjukkan bahawa *ghibah* (mengumpat) tidak dibatasi dimensi ruang dan waktu. Kita tetap dikira mengumpat apabila membicarakan keburukan orang lain yang telah wafat sekalipun.

Islam mengajar kepada kita agar mengingatkan kebaikan orang yang sudah mati dan melupakan keburukannya.

Dalam hadis **Abu Daud** dan **at-Tirmizi**, Rasulullah SAW bersabda:

اُذْكُرُوْا مَحَاسِنَ مَوْتَاكُمْ، وَكُفُّوْا عَنْ مَسَاوِيْهِمْ.

Maksudnya: *Sebutlah kebaikan orang yang telah wafat, dan tutupilah keburukannya.*[38]

38 *Sunan Abi Daud*, kitab *al-Adab*, no. 4900, *Sunan at-Tirmizi*, kitab *al-Janaiz*, no. 1019. At-Tirmizi berkata: "Ini hadis gharib. Aku mendengar Muhammad berkata: Imran bin Anas munkarul hadis."

Jika prinsip ini dicerobohi, keberkatan ilmu akan hilang. Berapa banyak ulama salaf, daripada kalangan ahli hadis ataupun sufi, yang rosak namanya kerana sikap ini. **Imam al-Ghazali** dan **Ibnu Taymiyyah** adalah dua orang daripada sekian banyak mangsa keganasan lidah orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Abu Turab an-Nakhsyabi berkata (w. 245H), "Apabila hati suka berpaling daripada Allah, maka ia akan sering mencela wali-wali Allah."

Diam Lebih Selamat

Bagaimanapun, diam lebih selamat. Jika kita diam daripada mencela orang yang masih hidup, maka kita selamat daripada celaan mereka. Jika kita diam daripada mencela orang yang sudah mati, kita akan selamat daripada kesukaran hisab kelak. Dalam hadis riwayat Muslim, Rasulullah SAW bersabda:

وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا؛ سَتَرَهُ اللهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ.

Maksudnya: *Sesiapa yang menutupi (keburukan) seorang Muslim, Allah akan menutupi (keburukannya) di dunia dan di Akhirat.*[39]

Seorang ulama hadis yang saya temukan tidak pernah mencela dan dicela oleh orang lain ialah **Muhammad bin Hasan bin as-Sobbah az-Za'farani** (w. 260H). Beliau ialah murid asy-Syafi'i di Baghdad yang sangat tampan dan fasih, juga pakar bahasa Arab. Ahli sejarah berkata, tidak seorang pun yang berkata buruk tentang ulama ini kerana beliau tidak pernah memburukkan orang lain.

Semoga kita diberikan kekuatan untuk mencontohi tauladan ulama-ulama salaf kita dan mulai menjaga lisan kita daripada menyebutkan keburukan orang lain.

39 *Sahih Muslim*, kitab *az-Zikr wa ad-Du'a*, no. 6853.

Bab 9

Tarbiah Diri dengan Sifat Redha

Kali ini saya akan bercerita tentang seorang ulama ahli hadis dan fiqah di Madinah daripada kalangan tabiin. Beliau ialah **'Urwah**, putera kepada satu pasangan sahabat Nabi SAW yang sangat terkenal, iaitu **az-Zubair bin al-'Awwam** dan isterinya, **Asma' binti Abu Bakar as-Siddiq.**

Sejak kecil, 'Urwah tinggal serumah dengan adik ibunya, iaitu Aisyah binti Abu Bakar, isteri kesayangan Baginda Nabi SAW. Daripada beliaulah 'Urwah menimba hadis, tafsir, fiqah, faraid dan pelbagai ilmu lainnya.

Sehingga ketika dewasa, beliau diakui sebagai salah seorang daripada tujuh fuqaha Madinah (*al-fuqaha as-sab'ah*) yang menjadi rujukan fatwa pada masa itu. 'Urwah bin az-Zubair meninggal dunia pada tahun 94H.

Sehingga ketika dewasa, beliau diakui sebagai salah seorang daripada tujuh fuqaha Madinah.

Suatu hari, 'Urwah diundang oleh Khalifah Walid bin Abdul Malik untuk datang ke istananya di Syam. Di tengah perjalanan, 'Urwah merasakan sesuatu terjadi di kakinya. Tidak lama kemudian, timbul bisul di kakinya lalu pecah dan menjadi luka. Setibanya di Syam, Khalifah Walid mendatangkan seorang tabib untuk memeriksa luka tersebut.

Satu-satunya cara untuk menghentikan penyebaran infeksi itu adalah dengan memotong kaki tersebut.

Tabib menyimpulkan bahawa luka itu merupakan suatu infeksi. Jika infeksi itu tidak segera dihentikan, ia akan merebak ke seluruh badan. Satu-satunya cara untuk menghentikan penyebaran infeksi itu adalah dengan memotong kaki tersebut.

'Urwah setuju kakinya dipotong. Tabib menyarankan agar dia minum ubat bius terlebih dahulu sebelum operasi dilaksanakan untuk menahan rasa sakit, tapi 'Urwah menolak.

Dia ingin berada dalam keadaan sedar sehingga dapat mengingati Allah meskipun mengalami kepedihan yang sangat menyeksa.

Akhirnya, tabib itu memotong kakinya dengan gergaji, sementara 'Urwah dengan penuh kesabaran menyaksikan hal itu tanpa mengeluarkan suara kesakitan.

Dalam masa yang sama, seorang anak 'Urwah yang ikut bersamanya dalam perjalanan tersebut, telah mengalami sebuah kemalangan. Seekor keldai menendangnya hingga mati.

Apabila 'Urwah mendengar akan berita sedih ini, beliau tidak memberi sebarang komen. Ketika dalam perjalanan pulang ke Madinah, 'Urwah terdengar akan kata-kata seperti ini:

"Ya Allah, Engkau memberiku tujuh orang anak. Jika Engkau mengambil seorang, Engkau masih meninggalkan enam yang lainnya. Engkau memberiku empat anggota (dua

tangan dan dua kaki). Jika Engkau mengambil salah satunya, Engkau masih meninggalkan tiga yang lainnya."

Masya-Allah, tokoh besar ini masih dapat menemukan alasan untuk memuji Allah walaupun dalam musibah yang sangat memilukan hati. Kisah ini dapat anda temui dalam kitab ***Wafayat al-A'yan*** karya Ibn Khillikan dan buku anak muridnya, Imam adz-Dzahabi yang bertajuk ***Siar A'lam an-Nubala'***.

Redha kepada Allah

Tidak banyak orang yang dapat menjaga fikiran positif, apatah lagi bersyukur kepada Allah ketika pelbagai musibah datang menimpa. Hanya orang-orang yang telah redha kepada Allah sahaja yang dapat melakukan hal itu.

Imam Abdul Karim bin Hawazin al-Qusyairi (w. 465H) berkata, "Orang yang redha kepada Allah ialah orang yang tidak pernah menentang segala ketentuan-Nya."

Sikap redha akan ketentuan Allah didasari oleh keyakinan teguh terhadap sifat-sifat Allah SWT seperti Maha Pengasih (ar-Rahman), Maha Penyayang (ar-Rahim), Maha Bijaksana (al-Hakim) dan Maha Mengetahui (al-'Alim).

Beliau yakin bahawa pengetahuan Allah jauh lebih tinggi dan lebih luas dibandingkan dengan pengetahuan semua hamba-Nya. Justeru, Allah lebih mengetahui sesuatu yang baik atau yang buruk untuk hamba-Nya.

Oleh sebab sifat rahmat-Nya kepada makhluk, Allah hanya menentukan sesuatu yang terbaik untuk hamba-Nya walaupun ia pahit untuk ditelan.

Firman Allah SWT:

﴿ وَعَسَىٰٓ أَن تَكۡرَهُواْ شَيۡـٔٗا وَهُوَ خَيۡرٞ لَّكُمۡۖ وَعَسَىٰٓ أَن تُحِبُّواْ شَيۡـٔٗا وَهُوَ شَرّٞ لَّكُمۡۚ وَٱللَّهُ يَعۡلَمُ وَأَنتُمۡ لَا تَعۡلَمُونَ ﴾

Maksudnya: *Boleh jadi kamu membenci sesuatu, padahal ia amat baik bagimu, dan boleh jadi (pula) kamu menyukai sesuatu, padahal ia amat buruk bagimu. Allah mengetahui, sedangkan kamu tidak mengetahui.*

(*Surah al-Baqarah* 2: 216)

Bisikan Iblis

Perlu difahami bahawa sikap ini bukanlah menganjurkan sifat malas berusaha dan berserah diri sepenuhnya kepada nasib. Ia merupakan bisikan iblis untuk menyesatkan akal fikiran manusia.

Imam Ahmad dalam kitab ***az-Zuhd*** meriwayatkan daripada **Ibnu Syihab az-Zuhri**, iblis bertanya kepada Nabi Isa a.s.: "Wahai anak Maryam! Bukankah musibah tidak akan menimpamu kecuali dengan ketentuan Allah?"

Nabi Isa menjawab: "Benar, wahai musuh Allah."

Iblis berkata lagi: "Kalau begitu, cubalah engkau naik ke puncak gunung, lalu lemparkanlah dirimu dari atasnya. Lihat, adakah engkau mati atau tidak?"

Nabi Isa menjawab: "Wahai musuh Allah! Sesungguhnya Tuhan boleh menguji hamba-Nya, tetapi hamba tidak boleh menguji Tuhannya."

Imam adz-Dzahabi dalam ***Tazkiratul Huffaz*** menceritakan ucapan seorang tokoh tabiin yang bernama **Mutharif ibnu asy-Syikhir,** "Seseorang tidak boleh naik ke atas bukit lalu melemparkan dirinya sendiri dan berkata, ini telah ditakdirkan oleh Allah. Akan tetapi, dia seharusnya sentiasa berusaha dan berhati-hati.

Jika selepas itu dia tetap ditimpa musibah, dia meyakini bahawa itu merupakan ketentuan Allah SWT."

Maqam redha memberikan pesanan yang sangat jelas bahawa tugasan seorang hamba hanyalah **merancang** dan **berusaha** sekuat tenaga, manakala **hasil** dan **natijah** diserahkan sepenuhnya kepada ketentuan Allah SWT.

Hasil dan natijah diserahkan sepenuhnya kepada ketentuan Allah SWT.

Jika hasil itu baik, dia bersyukur atas anugerah Allah SWT. Jika hasil tidak sesuai dengan apa yang diharapkan, dia tidak pernah berputus asa. Sebaliknya, dia yakin bahawa ketentuan itu lebih baik untuknya kerana ada hikmah besar di sebalik musibah tersebut.

Syurga Dunia

Semua musibah dan kemalangan tentunya memang menyakitkan. Namun, tidak ada musibah yang lebih pahit dan menyakitkan daripada musibah yang menembus ke dalam hati manusia.

Musibah sekecil mana sekalipun, jika ditanggapi dengan hati yang panik dan memberontak, maka musibah itu akan membesar sehingga terlalu berat untuk ditanggung.

Semakin dia meratapi kemalangan tersebut, semakin sukar dia keluar darinya.

Seorang ulama tabiin yang bernama **Maimun bin Mahran** pernah berkata, "Seseorang yang tidak redha dengan ketentuan Allah, maka tidak ada penawar yang dapat mengubati kebodohannya."

Sebaliknya, musibah sebesar mana sekalipun, jika ia dihadapi dengan ketabahan dan lapang dada, maka ia akan larut di dalam keluasan hati itu. Ibarat setitis air kencing yang dituang ke dalam lautan luas untuk merosakkan kesuciannya. Titisan najis itu

tentu sahaja tidak dapat mengeruhkan lautan tersebut, malahan ia akan larut di dalam keluasan air lautan yang suci dan menyucikan.

Apabila hati berserah kepada ketentuan Allah, maka mata hati dan fikiran akan dapat dengan jernih melihat jalan keluar dari kesulitan yang dialaminya.

Musibah Terasa Manis

Apabila redha tertanam di hati, musibah akan terasa manis. **Abu Bakar bin Thahir** berkata, "Redha adalah mengusir kebencian dari dalam hati sehingga kegembiraan dan kebahagiaan sahaja yang terdapat di dalamnya."

Seorang 'abidah terkenal yang bernama **Rabi'ah al-'Adawiah** pernah ditanya, "Bilakah seseorang telah mencapai maqam redha?"

Dia menjawab, "Apabila bergembira dengan musibah yang menimpanya sepertimana dia bergembira dengan nikmat yang diterimanya."

Ucapan Rabi'ah ini agak mustahil dilakukan oleh orang-orang seperti kita. Namun, hal itu tidak sukar bagi hamba-hamba Allah yang telah menanam keimanan sempurna di dalam hatinya sebagaimana kisah 'Urwah bin al-Zubair tadi.

Imam al-Ghazali dalam ***Ihya'*** menceritakan bahawa seseorang melihat luka yang terdapat di kaki Imam Wasi' bin Hibban. Lalu ia berkata, "Setiap kali aku melihat luka ini, aku sangat kasihan kepadamu."

Sejak luka ini keluar di kakiku, aku selalu bersyukur.

Wasi' bin Hibban yang telah mencapai maqam redha menjawab: "Sejak luka ini keluar di kakiku, aku selalu bersyukur. Ini adalah kerana Allah SWT tidak menjadikan luka ini di dalam mataku."

Pendek kata, orang yang memiliki sifat redha di hati akan sentiasa merasakan **kebahagiaan yang tidak terkira**. Segala sesuatu yang ditemuinya di dunia ini akan dilihat begitu indah dan terasa begitu manis.

Benar sekali sabda Nabi SAW, "Akan merasakan bahawa manisnya iman; seseorang yang redha Allah sebagai tuhannya, Islam sebagai agamanya, dan Muhammad SAW sebagai rasulnya." Hadis riwayat Muslim daripada 'Abbas bin Abdul Muthalib.[40]

Dalam hadis riwayat Abu Daud daripada Abu Said al-Khudri, Rasulullah SAW juga bersabda:

مَنْ قَالَ: رَضِيْتُ بِاللهِ رَبًّا، وَبِالْإِسْلَامِ دِيْنًا، وَبِمُحَمَّدٍ رَسُولًا؛ وَجَبَتْ لَهُ الْجَنَّةُ.

Maksudnya: *Sesiapa yang berkata: 'Aku redha Allah sebagai Tuhanku, Islam sebagai agamaku, dan Nabi Muhammad SAW sebagai nabi dan rasulku,' maka dipastikan baginya Syurga.*[41]

Tidak mustahil dengan sikap redha ini, ia akan merasakan bahawa syurga dunia sebelum Syurga Akhirat. Sebagaimana ucapan Imam Abdul Wahid bin Zaid, "Sikap redha ialah pintu (menuju) Allah yang terbesar dan syurga dunia."

Hamba Redha, Allah Redha

Allah SWT sentiasa memperlakukan kita sepertimana kita memperlakukan-Nya. Apabila seorang hamba telah redha kepada semua ketentuan-Nya, maka itu menjadi suatu petanda bahawa Allah SWT telah meredhai orang itu sebagai hamba-Nya yang berbakti.

Imam al-'Arif billah Abu al-Qasim al-Qusyairi (w. 465H) berkata di dalam kitab **Risalah**-nya: "Ketahuilah, seseorang hamba hampir tidak mungkin redha kepada (ketentuan) Allah melainkan setelah Allah redha kepadanya.

40 *Sahih Muslim*, kitab *al-Iman*, no. 151.
41 *Sunan Abi Daud*, kitab *al-Witr*, no. 1529.

Firman Allah SWT:

﴿ رَّضِيَ ٱللَّهُ عَنۡهُمۡ وَرَضُواْ عَنۡهُ ﴾

Maksudnya: *Allah redha terhadap mereka dan mereka pun redha kepadanya.*

(*Surah al-Bayyinah* 98: 8)

Namun sebaliknya, jika kita tidak meredhai apa yang telah Allah tentukan pada diri kita, sama ada yang berkaitan dengan bentuk tubuh kita, keadaan orang tua, pasangan atau anak kita, sifat kerjaya kita, atau perkara-perkara lain yang terdapat di dalam diri kita, maka itu petanda bahawa kita belum menjadi hamba-hamba Allah yang memperoleh redha-Nya.

Semoga kita menjadi hamba-hamba yang redha kepada semua takdir Allah, sehingga Allah meredhai semua amal ibadah yang kita persembahkan.

Bab 10

Saya Tidak Tahu

Seorang lelaki menempuh perjalanan yang sangat melelahkan dari Maghrib ke Madinah. Dia membawa beberapa soalan yang hendak ditanyakan kepada Imam Malik. Soalan ini diberikan oleh penduduk kampungnya untuk mendapat jawapan langsung daripada Imam Ahli Madinah yang termasyhur itu.

Dengan menaiki seekor keldai, perjalanan ini mengambil masa berminggu-minggu bahkan berbulan-bulan lamanya.

Setibanya di Madinah, dia segera mendatangi **majlis Imam Malik**. Di hadapan semua hadirin, lelaki ini segera menyampaikan soalannya. Jawapan Imam Malik sungguh tidak disangka, "Saya tidak tahu. Masalah ini belum pernah terjadi di negeri kami. Guru-guru kami tidak pernah berbicara tentang masalah ini. Kamu kembali pada esok hari."

Pada keesokan harinya, lelaki itu kembali sambil memimpin keldai yang menjadi kenderaannya. Dia telah bersiap-siap untuk kembali ke negerinya. Dia berkata: "Wahai Imam Malik! Bagaimana (jawapan bagi) soalan saya." Imam Malik menjawab: "Aku masih belum tahu jawapannya."

Orang itu berkata: "Wahai Abu Abdillah! Soalan ini diberikan oleh penduduk kotaku di Maghrib. Mereka berkata bahawa tidak ada orang yang lebih 'alim daripada tuan di muka bumi ini. Apakah yang harus aku katakan kepada mereka nanti?"

Sekali lagi Imam Malik menjawab dengan bersahaja: "Apabila kamu telah kembali kepada mereka, beritahu mereka bahawa Malik tidak tahu."

Berhati-hati

Kisah ini saya dapatkan daripada sebuah kitab karangan **al-Qadhi 'Iyadh** (w. 544H) yang bertajuk ***Tartibul-Madarik wa Taqribul-Masalik li Ma'rifati A'lami Ashabi Malik***.

Jika tidak tahu jawapan atas sesuatu persoalan, beliau tidak memaksakan diri untuk menjawabnya.

Dalam kisah inspiratif ini, kita melihat **Imam Malik bin Anas** sangat berhati-hati dalam menjawab persoalan tentang agama yang diajukan kepadanya. Jika tidak tahu jawapan atas sesuatu persoalan, beliau tidak memaksakan diri untuk menjawabnya. Sebaliknya, tanpa malu-malu beliau mengucapkan kalimat, "Saya tidak tahu."

Imam Malik pernah berkata, "Jika seseorang mengabaikan (kalimat) saya tidak tahu, maka ia telah jatuh ke dalam kebinasaan."

Padahal siapa yang tidak tahu keluasan ilmu Imam Malik bin Anas? Beliau seorang pakar hadis yang diakui kekuatan

hafazannya sekaligus seorang mujtahid yang sangat disegani. Imam asy-Syafi'i berkata, "Apabila datang (perbahasan tentang) hadis, maka Malik bintangnya."

Beliau telah menjadi rujukan fatwa di Madinah selama bertahun-tahun sehingga banyak menarik pelajar dari pelbagai pelosok dunia untuk menimba ilmu daripadanya.

Ucapan "Saya tidak tahu" ternyata ***bukan suatu kehinaan*** *di mata ulama-ulama Islam, melainkan suatu kebanggaan. Setiap kali menghadapi soalan yang tidak diketahui (atau diragukan) jawapannya, mereka segera mengucapkan kalimat ini.*

Ibnu al-Jawzi bercerita di dalam kitab ***Manaqib Imam Ahmad*** daripada Ahmad bin Muhammad al-Marwazi, "Aku banyak bertanya soalan kepada Imam Ahmad bin Hanbal, beliau menjawabnya dengan saya tidak tahu."

Kalimat ini juga melambangkan **sikap berhati-hati seorang 'alim** ketika berbicara atas nama agama. Dia sedar bahawa agama ini berasal daripada Allah SWT yang telah menurunkan wahyu-Nya kepada Rasulullah SAW dalam bentuk al-Quran dan as-Sunnah.

Tanpa keizinan yang jelas daripada pemilik syariat, setiap orang tidak boleh berbicara sembarangan tentang hukum halal dan haram mengikut keinginannya.

Firman Allah SWT:

﴿ وَلَا تَقُولُوا۟ لِمَا تَصِفُ أَلْسِنَتُكُمُ ٱلْكَذِبَ هَٰذَا حَلَٰلٌ وَهَٰذَا حَرَامٌ لِّتَفْتَرُوا۟ عَلَى ٱللَّهِ ٱلْكَذِبَ ۚ إِنَّ ٱلَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى ٱللَّهِ ٱلْكَذِبَ لَا يُفْلِحُونَ ﴿١١٦﴾ ﴾

Maksudnya: *Dan janganlah kamu mengatakan terhadap apa yang disebut-sebut oleh lidahmu secara dusta, 'ini halal dan ini haram', untuk mengada-adakan kebohongan terhadap Allah. Sesungguhnya orang-orang yang mengada-adakan kebohongan terhadap Allah tiadalah beruntung.*

(*Surah an-Nahl* 16: 116)

Kalimat ini juga mencerminkan tentang kesedaran diri orang tersebut terhadap hakikat kemanusiaannya yang serba kekurangan. Setinggi dan sebanyak mana ilmu seseorang itu, pasti ada perkara-perkara tertentu yang tidak diketahuinya. Kesedaran ini menjadi motivasi dirinya untuk terus belajar dan mengkaji.

***Said bin Jubair** berkata, "Seseorang disebut cerdik pandai (ulama) selama ia terus belajar. Apabila ia telah meninggalkan ilmu dan berasa cukup dengan apa yang ia miliki, pada saat itu ia telah menjadi orang jahil."*

Pendapat Peribadi

Jika kita perhatikan lembaran-lembaran sejarah, kita akan melihat bahawa setiap aliran bidaah yang terlahir di dalam Islam berasal daripada orang-orang yang memasukkan pendapat peribadinya (*ra'y*) ke dalam agama ini. Hal itu terjadi pada **Ma'bad al-Juhani** (pembangun mazhab Qadariyyah), **Jahm bin Safwan** (pembangun mazhab Jahami), **Washil bin 'Atha'** (pembangun mazhab Muktazilah) dan lain-lain.

Sikap ini juga jelas kelihatan pada tokoh-tokoh aliran sesat kontemporari pada hari ini dengan dalih "ijtihad", "pembaharuan", "kontekstualisasi" atau istilah-istilah canggih lainnya.

Kebalikan dari itu, sikap para ulama yang teguh keilmuannya (*ar-rasikhun fil 'ilmi*) adalah sentiasa merujuk kepada al-

Quran dan as-Sunnah dengan menggunakan metode *istinbat* yang diakui kesahihannya sambil berhati-hati sebelum membuat kesimpulan.

"Sering kali aku menunggu selama tiga tahun sebelum membuat kesimpulan atas suatu hukum."

Imam Ibnu al-Jawzi meriwayatkan daripada Imam Ahmad bin Hanbal, "Sering kali aku menunggu selama tiga tahun sebelum membuat kesimpulan atas suatu hukum."

Adapun menjawab berdasarkan cadangan peribadi, maka para ulama ini sentiasa berusaha untuk meninggalkannya sama sekali. Dalam kitab ***Siar A'lam an-Nubala'*** karya al-Dzahabi, Imam 'Atha' bin Abi Rabah (tokoh ulama tabiin) pernah ditanyakan suatu soalan. Lalu beliau menjawab: "Saya tidak tahu."

Orang yang bertanya itu berkata, "Mengapa engkau tidak menjawab dengan pendapatmu sendiri?" 'Atha' menjawab, "Aku malu kepada Allah jika seseorang mengamalkan pendapatku sebagai suatu hukum agama."

Takut Fatwa

Para ulama berasa takut setiap kali diajukan soalan kerana khuatir memasukkan pendapat peribadi ke dalam agama Allah tanpa sengaja.

Al-Khatib al-Baghdadi meriwayatkan dalam kitab ***al-Faqih wal Mutafaqih*** daripada 'Atha' bin al-Saib (seorang tabiin) katanya, "Aku pernah melihat suatu kaum (maksudnya para sahabat Nabi SAW), jika salah seorang mereka ditanyakan suatu soalan, ia menjawabnya sambil gementar."

Al-Khatib juga meriwayatkan daripada **Muhammad bin Sirin** (seorang imam tabiin di Basrah), bahawa setiap kali beliau ditanyakan hukum halal dan haram, raut wajahnya segera berubah, seolah-olah ia bukan Ibnu Sirin yang dahulu.

Begitu juga **Imam Malik** sebagaimana riwayat Abu Shalt, "Setiap kali Imam Malik ditanya tentang suatu fatwa, beliau berasa seolah-olah berada di antara Syurga dengan Neraka."

Ketakutan yang dirasai oleh para ulama besar ini lahir daripada kesedaran mereka bahawa berbicara tentang hukum agama bererti sedang berbicara atas nama Allah dan Rasul-Nya.

Maka sudah pasti, pada Hari Hisab nanti Allah akan meminta pertanggungjawaban daripada setiap fatwa dan jawaban yang mereka sampaikan itu.

Al-Khatib al-Baghdadi meriwayatkan daripada Imam Abu Hanifah katanya, "Sesiapa yang berbicara tentang ilmu (agama), namun ia tidak berasa bahawa suatu hari nanti Allah akan bertanya kepadanya, mengapa engkau berkata seperti itu?, Maka sungguh murah diri dan agamanya."

"Orang yang paling memahami fatwa ialah orang yang paling enggan menjawabnya.

Beliau juga meriwayatkan daripada **Sufyan bin 'Uyainah**, "Orang yang paling memahami fatwa ialah orang yang paling enggan menjawabnya. Orang yang paling jahil tentang fatwa ialah orang yang paling sering menjawabnya."

Menangis

Al-Khatib meriwayatkan bahawa suatu hari, Rabi'ah bin Abdurahman (guru Imam Malik) dilihat sedang menangis dengan sedihnya. Dia ditanya, "Mengapa engkau menangis? Adakah engkau sedang ditimpa suatu musibah?"

Rabi'ah menjawab, "Tidak. Aku menangis kerana pada hari ini orang-orang yang tidak berilmu diminta fatwa tentang agama.

Telah terjadi musibah yang sangat besar dalam agama Islam."

Rabi'ah menangis pada masa fuqaha masih banyak dan hati-hati masih bersih. Dia melihat fenomena itu sebagai musibah besar yang sedang menimpa agama Islam.

Saya membayangkan, andai Rabi'ah bin Abdurahman hidup pada hari ini, lalu melihat bagaimana hukum Islam dibahaskan dalam media elektronik, media cetak dan Internet, saya yakin kesedihan pasti membunuh beliau.

Al-Hafiz ibnu Hajar menceritakan bahawa Hafs bin Humaid bertanya kepada Imam Ibnu al-Mubarak,

"Aku melihat seseorang membunuh orang lain. Bolehkah aku berasa di dalam hati bahawa diriku lebih baik daripadanya?"

Ibnu al-Mubarak berkata,

"Perasaan ini lebih berat daripada dosa orang itu."

Bab 11

Merendah untuk Meninggi

Anda mungkin pernah mendengar seorang tokoh pemikir dan pembaharu Islam dari Turki bernama **Said an-Nursi** (w. 1960M). Beliau digelari Badiuzzaman "pujaan sepanjang masa" kerana pengaruhnya yang sangat besar bagi umat Islam dalam **Kerajaan Turki Uthmani**.

Hingga hari ini, beliau terkenal sebagai seorang ulama pada abad ke-19M yang gigih membela al-Quran daripada serangan musuh-musuhnya atas nama sains dan kemodenan.

Saya pernah membaca sebuah buku kecil karangan beliau yang diterjemahkan ke dalam bahasa Arab. Saya yakin beliau adalah seorang ulama yang telah Allah kurniakan hikmah kepadanya. Ini adalah kerana kata-katanya sangat menyentuh hati.

Fikiran saya berkata, "Ini baru terjemahan kata-katanya sahaja. Bagaimanakah ucapan asalnya yang keluar daripada lidah beliau sendiri?"

Dalam suatu pengajian di Masjid al-Iman di Damsyik Syria, saya mendengar **Syeikh Dr Mohd Said Ramadhan al-Buti** menceritakan bahawa Badiuzzaman Said Nursi ini asalnya hanyalah seorang pelajar biasa. Hafazan dan kecerdasannya pun biasa-biasa sahaja. Tidak ada kelebihan yang beliau miliki mengatasi pelajar-pelajar lain di sekolahnya. Perubahan ketara dapat dilihat pada diri beliau setelah berlakunya kejadian seperti berikut ini.

Suatu hari, seorang pengemis berpakaian lusuh dan hina mendatangi madrasah tempat Said an-Nursi menuntut ilmu. Seorang demi seorang pelajar dihampiri oleh pengemis itu untuk meminta sedikit makanan bagi mengisi perutnya yang kelaparan.

Namun, setiap pelajar segera menjauhi daripada pengemis tersebut kerana mereka geli dan jijik melihat penampilannya.

Beliau makan bersama pengemis itu dengan penuh tawaduk sambil berbual lama dengannya.

Berbeza dengan rakan-rakannya, Said al-Nursi berasa sangat kasihan. Beliau segera turun dari biliknya lalu memberikan bekalan makanan yang dibuat oleh ibunya kepada pengemis itu. Beliau makan bersama pengemis itu dengan penuh tawaduk sambil berbual lama dengannya. Tidak ada perasaan geli dan jijik, apatah lagi keangkuhan di dalam hatinya.

Setelah beberapa hari, seisi madrasah menyaksikan "kelahiran baru" Said an-Nursi. Beliau menjadi pelajar yang sangat cerdas dan penuh hikmah.

Beberapa tahun selepas hari itu, seluruh Turki Usmani menyaksikan tokoh ini memimpin gerakan **Risalat el-Nur** (risalah cahaya) menyebarkan kesedaran Islam di tengah arus sekula-

risme yang sedang menguasai negara itu. Beliau tampil sebagai seorang ulama dan pemimpin negara yang disegani. Ajaran-ajaran hikmahnya bukan sahaja terus bersinar hingga ke hari ini, bahkan ke akhir zaman nanti dengan izin Allah SWT.

Tawaduk

Kisah ini saya dengar beberapa tahun yang lalu namun masih segar di ingatan. Setiap kali mengingatkan kisah ini, fikiran saya teringat dengan hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

مَا نَقَصَتْ صَدَقَةٌ مِنْ مَالٍ، وَمَا زَادَ اللَّهُ عَبْدًا بِعَفْوٍ إِلَّا عِزًّا. وَمَا تَوَاضَعَ أَحَدٌ لِلَّهِ إِلَّا رَفَعَهُ اللَّهُ.

Maksudnya: *Sedekah tidak akan mengurangi harta. Sifat maaf tidak akan menambahkan apa-apa pun selain kemuliaan. Sesiapa yang tawaduk kerana Allah, maka Allah pasti meninggikannya.* [42]

Dalam hadis riwayat **Imam Ahmad** daripada Abu Said al-Khudri, Rasulullah SAW bersabda, "Sesiapa yang merendahkan dirinya kerana Allah satu darjat, maka Allah akan meninggikannya hingga menempatkannya di 'Iliyyin yang tertinggi. Sesiapa yang meninggikan dirinya (takabur) satu darjat, maka Allah akan terus merendahkannya hingga meletakkan namanya bersama orang-orang yang sangat rendah (*asfalasafilin*)." Hadis ini disahihkan oleh Ibnu Hibban.

Syaitan sentiasa membisikkan bahawa sikap merendahkan diri kepada orang lain hanya akan menurunkan darjat kita di mata mereka.

Oleh sebab takut menjadi hina, kita enggan berbicara dengan orang-orang yang kita anggap rendah atau melakukan pekerjaan yang biasa dilakukan orang-orang yang hina.

42 *Sahih Muslim*, kitab *al-Bir wa ash-Shilah*, no. 6592.

Hadis-hadis ini dan kisah hidup **Badiuzzaman Said an-Nursi** membantah bisikan syaitan itu. Apabila kita memilih sikap merendah diri, pada hakikatnya kita sedang meninggikan darjat kita di sisi Allah dan di mata manusia. Said an-Nursi merendah dirinya kepada seorang pengemis sekali, lalu Allah meninggikan namanya hingga ke akhir zaman.

Angkuh dan Sombong

Sebaliknya, apabila seseorang bersikap angkuh, ia sebenarnya sedang menghinakan dirinya sendiri di mata Allah dan di mata manusia. Semakin kerap ia menyombongkan diri, semakin rendah dirinya di sisi manusia.

Mereka pura-pura kagum di hadapannya, namun segera mencemuh dan mentertawakannya apabila ia tidak lagi bersama mereka.

Sesiapa yang menyombongkan dirinya, maka Allah akan terus merendahkannya.

Imam al-Baihaqi meriwayatkan dalam kitab ***Syu'ab al-Iman*** daripada Umar bin al-Khattab katanya, "Sesiapa yang bertawaduk kerana Allah, maka Allah akan mengangkat darjatnya. Ia sangat hina di mata sendiri, namun sangat mulia di mata orang lain. Sesiapa yang menyombongkan dirinya, maka Allah akan terus merendahkannya. Sehingga ia menjadi sangat besar di matanya sendiri, namun sangat hina di mata orang lain. Bahkan ia lebih hina di sisi mereka daripada seekor khinzir atau anjing."

Hormati Semua Orang

Sikap merendah diri dapat kita mulai dengan cara merubah pandangan kita kepada orang lain. Kita tidak boleh lagi menjadikan

pakaian, kenderaan dan penampilan luaran seseorang menjadi penentu sikap kita kepadanya. Tidak juga asal-usul dan negeri asal orang tersebut. Kita mesti **menghormati semua manusia** kerana ia adalah makhluk yang dimuliakan Allah di dalam al-Quran.

Firman Allah SWT:

﴿ ۞ وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِيٓ ءَادَمَ ﴾

Maksudnya: *Dan sungguh kami telah muliakan anak-anak Adam.*

(*Surah al-Isra'* 17: 70)

Bagi tujuan ke arah sikap merendah diri, kita harus membuang "perasaan lebih baik daripada orang lain". Kita harus selalu menyedari bahawa orang yang kita anggap hina itu boleh jadi sangat mulia di sisi Allah SWT.

Imam Muslim meriwayatkan daripada Abu Hurairah, bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Berapa banyak orang yang sangat kusut sentiasa ditolak dari pintu-pintu rumah, namun kalau ia berdoa, pasti Allah kabulkan permintaannya."[43]

Dalam kitab ***az-Zuhd al-Kabir***, Imam al-Baihaqi meriwayatkan dengan sanadnya hingga ke tokoh tasawuf besar di Mesir bernama **Zun Nun al-Misri**:

> "Sesungguhnya Allah menyimpan tiga perkara di dalam tiga perkara. Allah menyimpan kemurkaan di dalam kemaksiatan, menyimpan keredhaan di dalam ketaatan, dan menyimpan walinya di antara sekalian manusia.
>
> Maka janganlah engkau meremehkan maksiat walau sekecil mana sekalipun, kerana siapa tahu di dalamnya terdapat murka Allah.

43 *Sahih Muslim*, kitab *al-Bir wa ash-Shilah*, no. 6682.

Janganlah engkau menghina hamba Allah walau seorang sekalipun, kerana siapa tahu ia adalah wali Allah.

Janganlah engkau meremehkan ketaatan walau sekecil mana sekalipun, kerana siapa tahu di dalamnya terdapat redha Allah.

Janganlah engkau menghina hamba Allah walau seorang sekalipun, kerana siapa tahu ia adalah wali Allah."

Pendosa

Kita seharusnya merendah diri meskipun semasa berhadapan dengan pelaku dosa besar. Kita tidak boleh berasa lebih baik daripadanya, apatah lagi menghinanya. Ini adalah kerana kita tidak tahu bagaimana akhir kehidupan kita dan akhir kehidupan dirinya.

Tidak mustahil orang itu akan bertaubat sebelum matinya lalu mendapat husnul khatimah. Tidak mustahil juga kita akan berubah sebelum mati lalu terjerumus ke dalam dosa yang dilakukannya itu, nauzubillah...

Dalam hadis riwayat at-Tirmizi daripada Muadz bin Jabal, Rasulullah SAW bersabda, "Sesiapa yang menghina seseorang kerana dosa yang pernah dilakukannya, maka ia tidak akan mati sebelum melakukan dosa tersebut."[44]

Diceritakan bahawa suatu ketika Nabi Isa a.s. sedang berjalan bersama seorang muridnya. Tiba-tiba seorang lelaki yang terkenal dengan suka bermaksiat mengikuti mereka dari belakang. Murid Nabi Isa menoleh kepada orang itu dengan penuh kebencian. Lalu ia berdoa di dalam hati, "Ya Allah, janganlah Engkau himpunkan diriku bersama orang ini."

44 *Sunan at-Tirmizi*, kitab *az-Zuhd*, no. 2505. Beliau berkata: "Ini hadis hasan gharib, dan sanadnya tidak bersambung. Khalid bin Ma'dan tidak berjumpa Muadz bin Jabal."

Nabi Isa tiba-tiba menoleh kepada muridnya dan berkata, "Doamu telah dikabulkan. Allah menerima taubat orang itu dan mengusir dirimu. Pergilah engkau dari sisiku."

Kita sememangnya membenci kemaksiatan. Namun, kebencian kita kepada maksiat tidak bererti membenci dan menghina orang yang melakukannya. Sering kali sikap negatif ini membuatkan orang itu semakin jauh daripada agama.

Sebaliknya, kita harus membuka hati kita untuk mengasihi lalu memberi nasihat yang tulus kepadanya. Kelembutan sentiasa memberi kesan dalam merubah orang lain dan juga membawa impak yang lebih besar daripada kekerasan dan penghinaan.

Lebih Berat

Merasakan diri lebih baik daripada orang lain adalah penyakit yang sangat berbahaya. Sifat ini akan menutup hati dan telinga kita daripada menerima nasihat dan kata-kata yang berguna untuk kebaikan kita di dunia dan di Akhirat.

Jika tidak segera diubati, penyakit hati ini akan membawa kita kepada pelbagai kerugian dan kerosakan yang lebih berat daripada apa yang diakibatkan oleh dosa-dosa zahir.

Al-Hafiz Ibnu Hajar menceritakan bahawa Hafs bin Humaid bertanya kepada Imam Ibnu al-Mubarak: "Aku melihat seseorang membunuh orang lain. Bolehkah aku berasa di dalam hati bahawa diriku lebih baik daripadanya?"

Penyakit hati ini akan membawa kita kepada pelbagai kerugian dan kerosakan.

Ibnu al-Mubarak berkata: "Perasaan ini lebih berat daripada dosa orang itu."[45]

Semoga Allah SWT membersihkan kita daripada semua penyakit hati ini.

45 *Fathul Bari* 11/401.

Bab 12

Tahun Baru, Hidup Baru

Pada saat ini, kita telah memasuki tahun baru hijrah. Masa-masa ini adalah saat yang paling tepat untuk merenungkan kembali hala tuju hidup kita terutama yang berkaitan dengan prinsip dan nilai yang menjadi asas aktiviti kita. Begitu juga persepsi dan cara pandangan kita dalam melihat kehidupan.

Bukanlah mustahil apabila panduan hidup kita selama ini sebenarnya salah, atau kabur, sehingga menyebabkan pelbagai permasalahan hidup yang menyeksa diri kita sendiri.

Berhubung dengan perkara ini, saya mengajak anda sekalian untuk merenungi kisah berikut ini. Kisah ini saya ambil daripada kitab ***Tahzib al-Kamal fi Asma' ar-Rijal*** karangan al-Hafiz Jamaluddin al-Mizzi apabila menceritakan kisah hidup seorang pakar hadis dan fiqah pada abad kedua hijrah di Makkah, iaitu Abu Muhammad Sufyan bin ' Uyainah al-Hilali.

Suatu hari, seorang lelaki mendatangi **Sufyan bin 'Uyainah** untuk mengeluhkan keadaan hidupnya. Dia berkata, "Wahai Abu Muhammad! Aku mengeluhkan sikap isteriku. Ia memperlakukanku dengan sangat buruk. Seolah-olah, aku adalah orang yang paling hina dan tidak berharga di matanya."

Apabila mendengar keluhan lelaki ini, Ibnu 'Uyainah tertunduk diam. Beliau sekian lama tidak mengucapkan satu kalimat pun. Lalu beliau mengangkat kepalanya dan berkata, "Apa motivasi kamu apabila menikahi isterimu itu? Apakah engkau ingin mendapat kemuliaan kerana status keluarganya?"

Lelaki itu mengiyakan.

Ibnu 'Uyainah berkata, "Orang yang menginginkan kemuliaan, akan diberikan kehinaan. Orang yang menginginkan kekayaan, akan diberikan kefakiran. Orang yang menginginkan kesolehan, Allah akan menghimpunkan untuknya kemuliaan dan kekayaan."

Lalu beliau bercerita, "Saya memiliki tiga orang adik-beradik, iaitu Muhammad, Imran dan Ibrahim. Muhammad anak sulung, Imran anak bongsu, dan aku anak kedua.

Apabila Muhammad hendak bernikah, ia menginginkan kemuliaan. Lalu ia mencari pasangan daripada keluarga yang lebih tinggi status sosialnya. Akhirnya, ia diperlakukan dengan sangat hina oleh isteri dan keluarga isterinya.

Imran menginginkan kekayaan, maka ia mencari pasangan yang berasal daripada keluarga yang kaya. Akhirnya, ia jatuh dalam kefakiran. Mereka merampas semua hartanya, dan tidak meninggalkan sedikit pun untuk dirinya."

Imran menginginkan kekayaan, maka ia mencari pasangan yang berasal daripada keluarga yang kaya.

Ibnu 'Uyainah berkata lagi, "Beberapa lama kemudian, kebetulan Ma'mar bin Rasyid datang ke negeri kami. Lalu aku meminta nasihat daripadanya sambil menceritakan kisah kedua-dua saudaraku itu. Lalu beliau menyampaikan kepadaku hadis Yahya bin Ja'dah, 'Seorang wanita dinikahi kerana empat perkara, iaitu kerana hartanya, kemuliaannya, kecantikannya dan amal solehnya. Maka carilah wanita yang soleh, nescaya engkau akan beruntung.' Hadis daripada Aisyah, 'Wanita yang paling besar keberkatannya ialah orang yang paling sedikit pembiayaannya.' Lalu aku mencari untuk diriku seorang wanita solehah, serta yang paling ringan biaya pernikahannya, untuk melaksanakan sunah Nabi SAW. Akhirnya, lalu Allah menghimpunkan bagiku kemuliaan, kekayaan dan kesolehan."

'Wanita yang paling besar keberkatannya ialah orang yang paling sedikit pembiayaannya.'

Niat Kita, Hidup Kita

Kisah ini mengajarkan sesuatu yang sangat berharga, "Niat amatlah penting dalam menentukan hidup kita. Allah memperlakukan kita sesuai dengan niat kita." Tidak terkira berapa banyak orang yang sengsara di dalam mengharungi bahtera hidup ini lantaran keliru memasang niat di awal perjalanan.

*Orang yang "**tersalah niat**" dalam mencari harta akan hidup bagai hamba sahaya. Ia melihat wang dan kekayaan sebagai tujuan utama sehingga sentiasa dibayangi kefakiran dan takut miskin.*

Abu Hazim Salamah bin Dinar berkata, "Allah mewahyukan kepada dunia bahawa sesiapa yang melayanimu, maka penatkanlah dirinya. Sesiapa yang melayani-Ku, maka layanilah dia." Diriwayatkan oleh al-Baihaqi dalam ***az-Zuhd al-Kabir***.

Orang yang "tersalah niat" dalam belajar, menghabiskan hidupnya untuk perkara sia-sia. Ia membuang tenaga untuk mengejar ijazah, bukan untuk menimba ilmu. Padahal selembar kertas hanya memberikan kemuliaan palsu, bukan hakiki.

Kaum Muslimin khususnya, dan masyarakat dunia umumnya, memuliakan seseorang kerana sumbangan yang diberikan, bukan kerana ijazah yang dipegang.

Jika dakwah berakhir dengan kebencian, mesti ada yang salah dalam motif dan niat awal dakwah tersebut.

Orang yang "tersalah niat" dalam berdakwah akan **hidup dalam kebencian**. Masyarakat membencinya dan ia membenci mereka. Hakikat dakwah ialah simpati yang lahir dalam hati seseorang lalu mendorongnya untuk menyelamatkan manusia daripada kesesatan dan kebinasaan. Jika dakwah berakhir dengan kebencian, mesti ada yang salah dalam motif dan niat awal dakwah tersebut.

Pakar Dunia, Jahil Akhirat

Yang paling rosak ialah orang yang "tersalah niat" dan juga yang "tidak memiliki niat", dalam menjalani kehidupan di muka bumi ini. Orang seperti ini tidak sedar arah dan tujuan hidupnya. Bagi mereka, hidup ini tidak lain dari setakat silih berganti siang dan malam. Tidak ada hisab yang mesti disiapkan, dan tidak ada misi yang mesti dilaksanakan.

Hidup seperti ini ialah hidup manusia yang tertutup mata hatinya. Mereka sangat pandai dalam urusan dunia, namun sangat jahil tentang urusan Akhirat.

Firman Allah SWT:

Maksudnya: *Mereka mengetahui yang lahir daripada kehidupan dunia sedangkan mereka sangat lalai tentang Akhirat.*

(*Surah ar-Rum* 30: 7)

*Ayat ini sebenarnya berbicara tentang **sifat orang-orang kafir**, namun sayangnya ayat ini berlaku juga untuk sebahagian profesional Muslim pada masa ini.*

Mereka sangat pakar dalam politik, sains, muzik, ekonomi dan pelbagai ilmu sekular lainnya, namun tidak mengetahui apa-apa yang berkaitan dengan hukum halal-haram dalam keluarga, muamalat dan ibadahnya. Malah, perkara-perkara fardu ain pun banyak yang belum mereka fahami.

Keadaan ini pernah digambarkan oleh **Imam Hasan al-Basri** sebagai berikut: "Oleh sebab kepandaiannya, salah seorang daripada mereka mampu mengetahui kadar emas hanya dengan mengetuk dengan jari. Namun, ia tidak boleh melakukan solat dengan benar." Disebutkan oleh al-Hafiz Ibnu Kathir dalam **Tafsir**-nya.

Orang yang Lurus Niatnya

Hidup ini adalah pentas untuk membuktikan kehambaan dan penyerahan dirinya kepada Allah SWT.

Bagi orang yang "lurus niatnya", hidup ini adalah pentas untuk membuktikan kehambaan dan penyerahan dirinya kepada Allah SWT. Dengan bangga ia berkata,

Firman Allah SWT:

Maksudnya: *Sesungguhnya solatku, ibadatku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah, Tuhan semesta alam.*

(*Surah al-An'am* 6: 162)

Ucapan ini kemudiannya dipraktikkan dalam setiap ucapan dan perbuatan yang ia lakukan sehari-hari.

Bagi orang seperti ini, hidup hanya bermakna apabila ia digunakan untuk memperoleh kebahagiaan Akhirat. Setiap kali bekalan Akhiratnya bertambah, hatinya bergembira meskipun simpanan dunianya berkurangan.

Hidup orang ini selalu dipenuhi dengan ketenangan dan kebahagiaan di bawah naungan tawakal dan sangka baik kepada Allah SWT.

Sayidina Abu Darda' berkata, "Orang yang tidak tahu nikmat Allah melainkan makanan dan minuman sahaja, bererti ilmunya sangat sedikit dan ia akan hidup dalam seksaan. Sesiapa yang tidak pernah berasa cukup daripada dunia, maka tidak ada dunia baginya."

Apabila perhatian seorang hamba tertuju kepada Akhirat, maka Allah akan menjaga hajatnya dan mengayakan hatinya.

Hasan al-Basri berkata, "Apabila perhatian seorang hamba tertuju kepada Akhirat, maka Allah akan menjaga hajatnya dan mengayakan hatinya. Apabila perhatiannya tertuju hanya kepada dunia, maka Allah akan memperbanyak masalahnya dan menjadikan kefakiran di depan matanya. Ia akan bangun pagi dalam keadaan fakir, dan masuk ke petang dalam keadaan fakir." Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dalam kitab ***az-Zuhd***.

Konsep kejayaan bagi orang seperti ini bukan diukur dengan kekayaan dan jawatan, apatah lagi ijazah dan banyak pengikut. Akan tetapi, kejayaan hakiki adalah apabila seseorang mampu menggunakan kekayaan dan jawatannya, ijazah dan karismanya untuk **melaksanakan hukum Allah SWT**. Inilah kejayaan hakiki yang jika terdapat pada diri seseorang, maka boleh kita iri kepadanya.

> ***Rasulullah SAW*** *bersabda, "Tidak boleh iri hati kecuali kepada dua orang manusia iaitu, seseorang yang Allah berikan kepadanya harta, lalu ia habiskan untuk kebaikan. Seseorang yang diberikan hikmah, lalu ia laksanakan dan ajarkan kepada manusia." Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim.*[46]

Hijrah

Pada awal tahun baru ini, mari kita merenung sejenak dan mengajukan beberapa soalan asas tentang hidup kita. Adakah niat dan visi hidup yang kita pegang selama ini benar?

Yang lebih penting lagi, apakah target yang mesti anda raih selama beberapa puluh tahun hidup anda di dunia ini?

Ke manakah arah hidup kita? Apakah ukuran kejayaan yang menjadi panduan kita?

Yang lebih penting lagi, apakah *target* yang mesti anda raih selama beberapa puluh tahun hidup anda di dunia ini?

Setiap orang mempunyai jawapan yang berbeza-beza. Tuliskan jawapan anda besar-besar dan tampalkan di dinding bilik anda.

46 *Sahih al-Bukhari*,kitab *al-'Ilm*, no. 73, *Sahih Muslim*, kitab *Fadhail al-Qur'an*, no. 1896.

Apabila anda lakukan ini, maknanya anda telah melangkah setapak di jalan hijrah menuju Allah dan rasul-Nya. Terpulang kepada anda, apakah anda ingin meneruskan perjalanan bersejarah ini atau berhenti di tengah jalan sahaja.

Bab 13

Sederhana Dalam Membenci

Membela orang yang dicintai adalah suatu tindakan yang mulia. Namun, membela musuh yang sedang dizalimi adalah jauh lebih mulia. Sikap ini cerminan hati yang mampu menundukkan nafsunya kepada hukum Allah SWT.

Menyentuh tentang perkara ini, saya teringat akan sebuah kisah benar yang berlaku di Mesir sejak masa dahulu. Ia membabitkan dua orang tokoh ulama di kota tersebut, iaitu **Ibnu Daqiq al-'Ied** dan **Ibnu binti al-A'az**. Oleh sebab-sebab tertentu, hubungan kedua-duanya diwarnai dengan kebencian dan konflik yang cukup panas.

Pada suatu hari, Ibnu binti al-A'az melakukan kesalahan yang tidak dapat dimaafi oleh Sultan dan Wazir. Lalu mereka berpakat untuk menghukum mati ulama ini dengan menciptakan tuduhan palsu bahawa ia telah murtad.

Tuduhan itu dituliskan pada selembar surat yang diedarkan kepada setiap tokoh besar di Mesir. Seorang demi seorang menurunkan tandatangan sebagai tanda setuju atas kandungan surat tersebut.

Ibnu Daqiq al-'Ied menjadi tokoh yang terakhir yang akan menerima surat tersebut. Jika beliau turut bersetuju, maka Ibnu binti al-A'az yang selama ini memusuhinya, tidak akan selamat daripada hukuman mati.

Apabila menerima surat itu, Ibnu Daqiq al-Ied membaca isinya dengan teliti. Beliau mengambil masa yang cukup lama untuk memahami apa yang tertulis di dalamnya. Semua tokoh yang hadir menggesanya untuk segera menandatangani surat tersebut. Namun, beliau tidak mengendahkan mereka, malah meneruskan bacaannya dengan penuh khusyuk.

"Tidak halal bagiku menandatangani surat ini."

Setelah selesai membaca, Ibnu Daqiq al-'Ied mengangkat kepalanya dan berkata, "Tidak halal bagiku menandatangani surat ini."

Kata-kata ini sangat mengejutkan. Semua orang tidak menyangka sikap ini yang akan ditampilkan Ibnu Daqiq al-Ied terhadap orang yang membenci dan memusuhinya. Mereka menyangka Ibnu Daqiq al-'Ied akan menggunakan kesempatan ini untuk menyingkirkan orang tersebut selama-lamanya.

Lalu seorang merayu kepadanya dengan berkata: "Tuan, lakukanlah demi Paduka Sultan dan Wazir." Apabila mendengarkan kata-kata itu, Ibnu Daqiq al-'Ied menjadi sangat marah. Beliau berkata: "Aku tidak akan ikut serta membunuh seorang Muslim!"

Sikap tegas ini menggagalkan konspirasi jahat tersebut sekali gus meninggikan nama Ibnu Daqiq al-Ied di mata umat Islam hingga hari ini.

Etika Bermusuhan

Setiap orang berada di antara **dua golongan manusia**, iaitu kekasih yang mencintainya dan musuh yang membencinya. Hati kita terasa dekat kepada yang pertama, dan terasa jauh daripada yang kedua. Namun, tahukah kita, apakah garis panduan cinta dan benci yang mesti kita turuti sebagai seorang Muslim?

Sesungguhnya Islam bukan hanya mengajar etika berkawan, namun juga etika berlawan. Prinsip terpenting yang menjadi asas kedua-dua etika ini adalah "keadilan (moderat)."

Islam melarang kita melampau dalam mencinta dan membenci hingga membutakan mata kita daripada melihat kebenaran.

Firman Allah SWT:

﴿ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ كُونُواْ قَوَّٰمِينَ لِلَّهِ شُهَدَآءَ بِٱلْقِسْطِۖ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَـَٔانُ قَوْمٍ عَلَىٰٓ أَلَّا تَعْدِلُواْ ٱعْدِلُواْ هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰۖ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَۚ إِنَّ ٱللَّهَ خَبِيرٌۢ بِمَا تَعْمَلُونَ ٨ ﴾

Maksudnya: *Wahai, orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang selalu menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi dengan adil. Janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum, mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, kerana adil itu lebih dekat kepada takwa. Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.*

(*Surah al-Ma'idah* 5: 8)

Sayidina Ali bin Abi Thalib pernah berkata, "Cintailah kekasihmu sekadarnya sahaja, siapa tahu ia akan menjadi musuhmu suatu hari nanti. Bencilah musuhmu sekadarnya sahaja, siapa tahu ia akan menjadi kekasihmu suatu hari nanti." Diriwayatkan oleh **al-Hafiz Ibn Abi Syaibah** dalam **al-Musannaf**.

Ucapan ini dinisbahkan kepada Nabi SAW namun melalui pelbagai sanad yang sangat lemah.

Apabila Kebencian Melampaui Garis Moderat

Dari sini, kita dapat melihat bahawa Islam memerintahkan kita untuk mengawal kecintaan dan kebencian dalam batasan moderat (adil).

Jika kebencian melampaui garis moderat, kita akan hidup dalam deraan psikologi yang sangat menyeksa.

Kita tidak dapat menerima kenyataan bahawa orang itu memiliki kelebihan walau sekecil mana sekalipun.

Setiap kali mendengar nama orang yang kita benci, hati dan fikiran kita menjadi keruh. Jika seseorang memujinya, hati kita menjadi panas.

Kita tidak dapat menerima kenyataan bahawa orang itu memiliki kelebihan walau sekecil mana sekalipun. Lalu kita segera mencari-cari keburukan orang itu untuk diceritakan kepada semua orang.

Hati kita juga dipenuhi dengan pelbagai sangkaan buruk terhadap setiap perkataan dan perbuatan daripada orang tersebut. Kita sukar untuk percaya bahawa ia mampu berbuat baik, bahkan mampu berniat baik!

Pada peringkat yang lebih parah, kita bukan sahaja membenci orang yang kita benci ini, bahkan juga turut membenci setiap orang yang berkawan dengannya. Setiap hari, semakin bertambah bilangan orang-orang yang kita benci. Akhirnya, kita hidup bersama banyak musuh dan sedikit kawan. Maka hati kita selalu dipenuhi dengan keresahan.

Akhirnya, kita hidup bersama dengan banyak musuh dan sedikit kawan. Maka hati kita selalu dipenuhi dengan keresahan.

Kebencian yang berlebihan hanya akan merosakkan diri sendiri. Oleh itu, **al-Hasan al-Basri** berkata, "Berpadalah dalam mencintai, dan berpadalah dalam membenci. Sungguh banyak orang yang binasa kerana berlebihan dalam mencintai. Sungguh banyak orang yang binasa kerana berlebihan dalam membenci." Diriwayatkan al-Baihaqi dalam ***Syu'ab al-Iman***.

Beberapa Soalan

Kalau begitu, bagaimanakah kita melaksanakan prinsip moderat dalam membenci? Kita boleh mulai dengan memikirkan kembali sebab kebencian yang sedang kita simpan kepada seseorang. Ajukan soalan di dalam hati, "Mengapakah aku membencinya?"

Sering kali seseorang tidak tahu mengapa ia membenci orang lain. Ia hanya merasakan kebencian setiap kali melihat atau mendengar nama orang tersebut. Namun, jika ditanyakan sebab kebenciannya, ia tidak dapat menjawab dengan jelas dan meyakinkan.

Sikap "membenci tanpa sebab" ini tentu sahaja sangat jauh daripada keadilan. Bahkan orang seperti ini sebenarnya sedang menderita sakit jiwa yang perlu diubati dengan segera.

Ada juga orang yang membenci kerana ikut-ikutan. Fenomena ini biasanya terjadi dalam kes kebencian yang bermotifkan politik dan membabitkan orang awam. Sama seperti sebelumnya, sikap ini juga bukan sikap Islam yang patut ada dalam diri seorang Muslim.

Sesetengah orang tahu mengapa ia membenci orang lain. Mungkin kerana ucapan atau perbuatan orang itu yang pernah melukai perasaannya. Bagi orang seperti ini, ia harus mengajukan soalan, "Apakah kebencian itu berpatutan dengan kesalahannya?"

Sering kali, **kebencian kita jauh lebih besar daripada kesalahannya**. Perkara yang sangat remeh berubah menjadi konflik yang berpanjangan kerana ego masing-masing. Kita enggan mengalah dan bertolak ansur, padahal sikap ini sangat digalakkan oleh agama kita. Orang yang lebih dulu bertolak ansur ialah orang yang lebih dicintai oleh Allah daripada kedua-dua orang yang bersengketa itu.

Rasulullah SAW bersabda:

لاَ يَحِلُّ لِرَجُلٍ، أَنْ يَهْجُرَ أَخَاهُ فَوْقَ ثَلاَثِ لَيَالٍ. يَلْتَقِيَانِ، فَيُعْرِضُ هٰذَا وَيُعْرِضُ هٰذَا، وَخَيْرُهُمَا الَّذِيْ يَبْدَأُ بِالسَّلاَمِ.

Maksudnya: *Tidak halal bagi seorang Muslim menjauhi saudaranya lebih daripada tiga hari. Keduanya berjumpa, namun saling berpaling antara satu sama lain. Orang yang terbaik di antara keduanya adalah yang lebih dahulu mengucapkan salam.*

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim daripada Abu Ayyub)[47]

47 *Sahih al-Bukhari*, kitab *al-Adab*, no. 6077.

Ibnu Daqiq al-'Ied

Batasan moderat dalam mencinta dan membenci tidak mudah dilihat oleh semua orang. Batasan ini hanya jelas dilihat apabila emosi dan ego telah tunduk kepada al-Quran dan as-Sunnah seperti yang terjadi pada diri Ibnu Daqiq al-'Ied yang saya ceritakan sebelum ini.

Kenalkah anda, siapakah tokoh besar ini? Beliau ialah Taqiyuddin Ali bin Wahb al-Qusyairi. Beliau dilahirkan pada tahun 625H di Hijaz, lalu menghabiskan usianya dalam menuntut ilmu agama dengan bersungguh-sungguh. Beliau dikenali sebagai ulama yang sedikit berbicara namun banyak beribadah. Beliau sangat zuhud, warak dan penuh takwa kepada Allah SWT.

Semua sifat mulia ini terserlah pada kisah yang saya sebutkan di atas. Apabila menceritakan kisah ini, **al-Hafiz as-Sakhawi** berkata, "Betapa tidak? Beliau pernah berkata, Tidaklah aku mengucapkan atau melakukan sesuatu melainkan setelah aku siapkan jawapanku di hadapan Allah SWT kelak." Tokoh besar ini wafat di Mesir pada tahun 695H.

Ya Allah, kami memohon agar dapat menjaga keadilan dalam cinta dan benci. Jagalah mata hati kami daripada dibutakan oleh keduanya. Ini adalah kerana buta mata hati merupakan seburuk-buruk musibah yang engkau timpakan kepada hamba-Mu di muka bumi ini. Amin ya rabbal 'alamin.

Riwayat Imam at-Tirmizi daripada Ibnu Abbas r.a. bahawa Nabi SAW pernah berpesan kepadanya:

"Wahai anak! Aku akan mengajarkan kepadamu beberapa kalimat. Jagalah Allah, maka Allah akan menjagamu."

(*Sunan at-Tirmizi*, kitab *Sifat al-Qiyamah*, no. 2516. Imam at-Tirmizi berkata: "Ini adalah hadis hasan sahih.")

Bab 14

Rahsia Hidup Sihat

Tokoh yang akan saya ceritakan kali ini adalah seorang pakar fiqah mazhab asy-Syafi'i yang hidup pada abad kelima hijrah. Beliau telah banyak menulis buku. Salah satunya ialah sebuah buku kecil yang bertajuk ***Ghayatul Ikhtisar*** yang masih menjadi rujukan hingga hari ini.

Kitab ini disyarahkan oleh ramai ulama seperti Syeikh Taqiyuddin al-Hisni dalam ***Kifayatul Akhyar fi halli Ghayatil ikhtisar*** dan Syeikh al-Khatib asy-Syarbini dalam ***al-Iqna' fi halli Alfaazi Abi Syuja'***.

Tokoh ini bernama **Ahmad bin al-Husein bin Ahmad al-Ishfahani,** terkenal dengan panggilan **Abu Syuja'**. Syeikh Ibrahim al-Bajuri berkata, "Beliau seorang imam dan ahli ibadah yang soleh. Ilmu dan kesolehannya terkenal hingga seluruh pelosok negeri."

Setiap hari, beliau menyapu lantai masjid, menyalakan lampu dan menjaga makam Nabi SAW.

Beliau pernah menjawat jawatan sebagai qadi dan wazir (menteri) sekian lama. Namun, di akhir hayatnya, beliau meninggalkan semua itu, lalu berzuhud dan mengabdikan diri di Masjid Nabawi. Setiap hari, beliau menyapu lantai masjid, menyalakan lampu dan menjaga makam Nabi SAW. Itulah pekerjaannya seharian hingga wafat pada tahun 488H.

Syeikh Ibrahim al-Bajuri dalam ***Hasyiah***-nya bercerita bahawa usia Imam Abu Syuja' ini sangat panjang, iaitu hingga 160 tahun! Walaupun sudah sangat tua, namun tidak ada satu pun anggota tubuhnya yang rosak. Pendengaran, penglihatan, dan ingatannya tetap sihat seperti seorang pemuda.

Apabila ditanya, apakah rahsianya? Ulama ini menjawab, "Saya menjaga anggota badan ini daripada maksiat pada masa muda, lalu Allah menjaganya pada masa tua."

Jagalah Allah, Allah akan Menjagamu

Hidup seorang ulama adalah perwujudan al-Quran dan hadis. Jawapan imam besar ini segera mengingatkan saya kepada riwayat Imam at-Tirmizi daripada Ibnu Abbas r.a. bahawa Nabi SAW pernah berpesan kepadanya, "Wahai anak! Aku akan mengajarkan kepadamu beberapa kalimat. Jagalah Allah, maka Allah akan menjagamu."[48]

Menurut **al-Hafiz Ibnu Rajab al-Hanbali**, "menjaga Allah" ertinya menjaga semua ketentuan dan hak Allah, juga menjaga perintah dan larangan-Nya.

48 *Sunan at-Tirmizi*, kitab *Sifat al-Qiyamah*, no. 2516. Imam at-Tirmizi berkata: "Ini adalah hadis hasan sahih."

Perkara-perkara yang mesti dijaga antara lain adalah solat, bersuci, dan kewajiban-kewajiban lainnya. Begitu juga, janji dan sumpah yang pernah diucapkan. Ia juga dituntut untuk menjaga fikiran, lidah, kemaluan dan seluruh anggota badan daripada melakukan maksiat.

Orang yang dapat memenuhi semua ini bererti telah menghadirkan Allah di depan matanya, lalu timbul rasa malu untuk melakukan sesuatu maksiat.

Dalam hadis yang disahihkan oleh al-Hakim daripada **Ibnu Mas'ud**, Rasulullah SAW bersabda, "Sesiapa yang malu kepada Allah dengan sebenar-benarnya, maka ia akan menjaga kepala berserta isinya, menjaga perut dan kandungannya, dan selalu mengingati maut dan kebinasaan. Sesiapa yang menginginkan Akhirat, maka ia meninggalkan kemewahan dunia. Sesiapa yang melakukan ini, maka ia telah malu kepada Allah dengan sebenar-benarnya."[49]

Apabila seseorang melakukan ini dengan baik, iaitu "menjaga hak-hak Allah SWT", maka Allah akan "menjaga dirinya" sebagai balasan daripada amalan tersebut. Ini adalah kerana balasan Allah selalu disesuaikan dengan jenis amalan yang dilakukan oleh hamba.

Menurut **Ibnu Rajab**, penjagaan Allah ini terbahagi kepada dua bentuk.

- **Pertama,** Allah menjaga kemaslahatan dunianya sehingga tubuhnya selalu sihat dan kuat, juga keluarga dan keturunannya.
- **Kedua**, Allah menjaga akidahnya sehingga ia meninggal dunia dalam iman. Tidak mustahil kedua-duanya diberikan kepada seorang hamba sebagaimana yang terjadi pada diri Imam Abu Syuja dalam kisah di atas.

49 *Al-Mustadrak*, kitab *ar-Riqaq*, no.8080.

Beberapa Ulama

Setelah mengkaji lebih lanjut, saya menemukan bahawa keutamaan ini ternyata bukan sahaja diberikan kepada Abu Syuja, bahkan beberapa ulama lain pernah melalui pengalaman yang serupa.

Salah seorang daripadanya ialah **Imam Abu Tayyib Tahir bin Abdillah at-Tabari** (w. 450H) sebagaimana terdapat dalam kitab ***Tabaqat asy-Syafiiah al-Kubra***. Beliau hidup hingga berusia 102 tahun, namun tidak berkurang hafazannya dan kekuatan tubuhnya walau sedikit pun.

Apabila ditanya, beliau menjawab, "Bagaimana tidak? Aku tidak pernah bermaksiat dengan salah satu daripada anggota tubuhku jua."

Al-Hafiz Abu Nuaim al-Isfahani meriwayatkan dalam ***Hilyat al-Awlia'*** daripada Abu Abdillah al-Hasyimi, Aku berziarah ke rumah Tawus bin Kisan (seorang ulama tabiin di Yaman). Tiba-tiba anaknya keluar untuk menyambut kedatanganku. Beliau seorang yang sangat tua.

Aku bertanya: "Apakah engkau Thawus?"

Ia menjawab: "Bukan. Aku anaknya."

Aku berkata: "Jika engkau ini anaknya, pastilah Thawus orang yang sudah nyanyuk."

Ia menjawab: "Seorang alim tidak akan pernah nyanyuk."

Kiasan

Apabila kita renungkan perkara ini dengan lebih mendalam, sebenarnya logik untuk perkara tadi sangatlah sederhana. Setiap alat yang diciptakan untuk tujuan tertentu, keadaannya akan tetap terjaga dengan baik selama mana ia digunakan sesuai dengan tujuannya.

Namun, apabila ia telah berlaku penyimpangan daripada tujuan tersebut, maka kerosakan akan cepat sekali menimpanya.

Lihatlah sebuah komputer, apabila ia digunakan sesuai dengan tujuan penciptaannya, iaitu untuk memudahkan manusia dalam pekerjaan dan menyimpan data, maka keadaannya akan lebih baik dan tahan lama.

Keadaan ini berbeza dengan komputer yang sering digunakan untuk permainan dan membuka laman-laman *web* lucah di Internet. Komputer yang sering disalahgunakan seperti ini akan mengandungi pelbagai virus yang akan mengganggu kerja alat ini, bahkan suatu hari nanti akan memadamkannya sama sekali.

Begitu juga tubuh manusia. Allah SWT menciptakannya sebagai alat yang kita gunakan untuk menyembah-Nya dan menjadi khalifah di muka bumi ini. Selagi kita menggunakan anggota tubuh kita sesuai dengan tujuan ini, maka keadaannya akan terus terjaga.

Namun, apabila seseorang menggunakannya menyimpang dari tujuan asalnya, lalu mengikut nafsu dan memperbanyak maksiat, maka kerosakan akan cepat tiba.

Itulah sebabnya kita melihat pelbagai penyakit menimpa atas orang-orang yang menyimpang daripada perintah Allah SWT dan suka bermaksiat. Sebahagian daripada penyakit itu belum ditemui penawar hingga hari ini.

Mengabaikan Allah, Allah akan Mengabaikannya

Balasan Allah selalu disesuaikan dengan amalan yang dilakukan oleh hamba-Nya. Sesiapa yang memuliakan Allah, maka Allah akan memuliakannya. Sesiapa yang mengabaikan Allah, maka Allah akan mengabaikannya.

Ibnu Rajab bercerita, suatu hari seorang ulama salaf melihat seseorang yang sudah sangat tua sedang mengemis dan meminta-minta kepada manusia.

Ulama itu berkata, "Orang ini mengabaikan Allah pada masa mudanya, maka Allah mengabaikannya pada masa tuanya."

Semoga Allah SWT memberi taufik dan hidayah kepada kita agar dapat menjaga perintah dan larangan Allah sehingga Allah menjaga kita di dunia dan Akhirat.

Bab 15

Perbezaan Suatu Kenyataan

Sebagai seorang tokoh rujukan umat Islam, nama **Imam Malik bin Anas** sangat harum di sisi penguasa Abbasiyyah di Baghdad. **Khalifah Abu Ja'far al-Mansur** (w. 158H) sangat mengagumi dan menghormati beliau.

Suatu ketika, Khalifah al-Mansur datang ke Makkah untuk melaksanakan ibadah haji, beliau segera meminta Imam Malik untuk berjumpa dengannya. Lalu kedua-duanya berdiskusi tentang pelbagai perkara mengenai hukum agama.

Jelas sekali, khalifah sangat teruja dengan keluasan ilmu yang dimiliki oleh Imam Ahli Madinah ini.

Lalu khalifah al-Mansur berkata, "Saya berniat untuk memperbanyak *al-Muwatta* (kitab hadis dan fiqah karangan Imam Malik) dan mengutusnya ke seluruh negeri. Lalu aku memerintahkan

semua rakyat untuk melaksanakan isinya dan meninggalkan kitab-kitab yang lain. Menurutku, mazhab yang benar adalah mazhab Ahli Madinah."

Abu Ja'far al-Mansur seorang khalifah yang sangat tegas dan disegani. Jika beliau memerintahkan sesuatu, tidak ada yang berani membantahnya. Kali ini, beliau bertekad untuk menjadikan kitab *al-Muwatta* satu-satunya rujukan dalam hukum Islam, dan menjadikan fatwa Imam Malik sebagai satu-satunya fatwa yang mengikat seluruh masyarakat.

Namun, bagaimanakah tindak balas Imam Malik terhadap tawaran ini?

Beliau berkata, "Wahai Amirul Mukminin! Janganlah engkau laksanakan niat ini. Sesungguhnya masyarakat kita telah mempunyai pendapat sendiri-sendiri, mereka juga membaca hadis dan memiliki riwayat. Setiap orang bebas mengamalkan pendapat yang menurutnya benar, sesuai dengan fatwa para sahabat Nabi SAW. Mencabut amalan dan pendapat yang selama ini diyakini bukan perkara mudah. Maka biarkanlah setiap orang melaksanakan pendapat yang menjadi pilihan mereka masing-masing."

Jawapan ini sangat bijaksana. Apabila mendengarnya, Khalifah al-Mansur tidak jadi melaksanakan niatnya itu. Beliau berkata, "Demi Allah, andai engkau setuju, nescaya aku akan segera melaksanakan niat ini."

Menolak Perbezaan, Menolak Kenyataan

Kisah ini diceritakan oleh al-Qadhi 'Iyad al-Yahsubi dalam kitab ***Tartibul Madarik***, lalu diceritakan kembali oleh al-Hafiz Abu Abdillah adz-Dzahabi dalam ***Siar A'lam An-Nubala'***. Apabila membaca kisah ini, kekaguman saya semakin besar kepada Imam

Malik bin Anas. Beliau benar-benar tokoh ulama yang patut menjadi ikutan umat hingga hari ini.

Dalam kisah ini, beliau mengajarkan kita untuk menyedari bahawa perbezaan pendapat adalah sebuah kenyataan yang tidak dapat dinafikan. Orang yang tidak dapat menerima perbezaan, pada hakikatnya, ia tidak mampu menerima kenyataan.

Imam Malik insaf sepenuhnya dan sedar bahawa pendapat beliau bukan satu-satunya pendapat. Jika kita memiliki pendapat yang kita yakini kebenarannya, bahkan rela berkorban untuk mempertahankannya, maka orang lain pun boleh melakukan perkara yang sama.

Oleh itu, kita harus menerima kenyataan ini dengan lapang dada dan menghindari sikap "menang sendiri" apatah lagi "memaksakan pendapat sendiri".

Walhal, Allah telah menegaskan bahawa keragaman pendapat merupakan sesuatu yang memang disengajakan. Firman Allah SWT:

﴿ وَلَوْ شَآءَ رَبُّكَ لَجَعَلَ ٱلنَّاسَ أُمَّةً وَٰحِدَةً ۖ وَلَا يَزَالُونَ مُخْتَلِفِينَ ﴿١١٨﴾ إِلَّا مَن رَّحِمَ رَبُّكَ ۚ وَلِذَٰلِكَ خَلَقَهُمْ ۗ وَتَمَّتْ كَلِمَةُ رَبِّكَ لَأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنَ ٱلْجِنَّةِ وَٱلنَّاسِ أَجْمَعِينَ ﴿١١٩﴾ ﴾

Maksudnya: *Kalau Tuhanmu menghendaki, tentu Dia menjadikan manusia umat yang satu, tetapi mereka sentiasa berselisih pendapat, kecuali orang-orang yang diberi rahmat oleh Tuhanmu. Dan untuk itulah Allah menciptakan mereka. Kalimat Tuhanmu (keputusan-Nya) telah ditetapkan: Sesungguhnya Aku akan memenuhi Neraka Jahannam dengan jin dan manusia (yang derhaka) semuanya.*

(*Surah Hud* 11: 118-119)

Dua Macam Ikhtilaf

Walaupun perbezaan pendapat (ikhtilaf) mesti diraikan, namun **tidak semua pendapat** boleh diiktiraf atas prinsip keseragaman.

Para ulama telah lama menggariskan, apabila ikhtilaf itu mengenai prinsip-prinsip agama (usul) seperti perkara-perkara asas dalam akidah atau hukum yang telah ditetapkan dengan ijmak, maka ikhtilaf ini berkaitan dengan sesat atau lurus.

Namun, jika ikhtilaf itu berkaitan dengan perkara-perkara cabang (furu'), maka tidak boleh ada tuduhan sesat atau kufur di sini.

Akan tetapi, kita hanya boleh menilai salah satu daripada pendapat itu sebagai lemah atau salah, tanpa membawa label sesat atau kufur.

Imam Ibnu Nujaim al-Hanafi berkata dalam kitab ***al-Asybah wan Nazha'ir***, "Apabila kita ditanya tentang mazhab kita dan mazhab lain yang bertentangan dengan mazhab kita di dalam perkara-perkara furu', kita mesti menjawab bahawa mazhab kami **benar**, namun **boleh jadi** salah. Mazhab orang lain **salah**, namun **boleh jadi** benar. Namun, jika kita ditanya tentang akidah kita dan akidah orang-orang yang bertentangan dengan kita, wajib kita menjawab bahawa akidah kita benar dan akidah selain kita batil (sesat)."

"Ini pendapat saya, ia benar namun boleh jadi salah. Itu pendapat si polan, ia salah namun boleh jadi benar."

Kes-kes khilafiah yang berlaku di dalam masyarakat kita kebanyakannya berkaitan dengan perkara-perkara furu'. Maka sikap yang kita tampilkan seharusnya adalah berlapang dada sambil berkata, "Ini pendapat saya, ia benar namun boleh jadi salah. Itu pendapat si polan, ia salah namun boleh jadi benar."

Cukup itu sahaja, tanpa perlu tuduhan-tuduhan negatif yang menimpakan label "sesat" dan

"bidaah" selagi masalah yang diperselisihkan hanya berkisar dalam perkara-perkara yang tidak menyentuh prinsip-prinsip keislaman.

Sekali tuduhan ini keluar dari lidah kita, kalimat itu akan terus membelenggu kita hingga Hari Pembalasan nanti.

Sikap Salaf

Apabila kita mencuba untuk mengkaji sejarah, lalu melihat sikap para ulama salaf dalam perselisihan yang berkaitan dengan masalah-masalah furu' seperti ini, ternyata semangat keterbukaan dan persatuan selalu mewarnai diskusi mereka. Sikap Imam Malik yang saya ceritakan di atas tidak lain dari sekadar kelanjutan sikap ulama sahabat dan tabiin yang hidup beberapa dekad sebelum beliau.

Semangat keterbukaan dan persatuan selalu mewarnai diskusi mereka.

Sikap seperti itu misalnya diceritakan oleh **Abu Said al-Khudri r.a.**, "Kami pernah berperang bersama Nabi SAW pada 16 Ramadhan. Sebahagian kami berpuasa, sebahagian yang lain berbuka. Maka orang yang berpuasa tidak mencela orang yang berbuka, dan orang yang berbuka tidak menyalahkan orang yang berpuasa." Hadis sahih diriwayatkan oleh Imam Muslim.[50]

Para sahabat memang pernah melalui perselisihan akibat perbezaan pendapat. Namun, perselisihan itu selalu diusahakan agar setakat perbincangan sahaja tanpa menimbulkan perpecahan dalam barisan umat. Hal itu nampak jelas dalam kisah perselisihan yang terjadi antara **Sayidina Uthman** dan **Abdullah bin Mas'ud** berikut ini.

50 *Sahih Muslim*, kitab *as-Siyam*, no. 2615.

Abu Daud meriwayatkan, ketika Khalifah Uthman memimpin jemaah haji dari Madinah, beliau melakukan solat Zuhur empat rakaat sewaktu mabit di Mina. Apabila berita ini didengari oleh Abdullah bin Mas'ud, beliau menyesali tindakan ini.

Beliau berkata, "Aku solat bersama Nabi SAW di Mina dua rakaat (qasar), aku solat bersama Abu Bakar dua rakaat, dan aku solat bersama Umar dua rakaat." Jadi, Uthman di mata Ibnu Mas'ud sedang menyalahi sunah.

Namun begitu, sejurus tiba waktu solat, Ibnu Mas'ud melakukan solat Zuhur empat rakaat seperti yang dilakukan Khalifah Uthman. Seseorang segera berkata kepadanya, "Engkau mencela Uthman kerana solat empat rakaat, tapi kenapa engkau melakukannya juga?" Beliau menjawab, "Perpecahan sangat buruk."[51]

Maka demikianlah sikap Ibnu Mas'ud, begitu juga sikap Ibnu Umar. Imam Muslim meriwayatkan daripada Nafi daripada Ibnu Umar katanya, "Rasulullah solat di Mina 2 rakaat, juga Abu Bakar dan Umar sesudahnya. Begitu juga Uthman pada awal pemerintahannya, lalu beliau solat 4 rakaat setelah itu."

Nafi berkata, "Maka setiap kali Ibnu Umar solat bersama imam, beliau melakukannya 4 rakaat. Namun, jika solat sendirian, beliau melakukannya 2 rakaat."[52]

Namun, perbezaan pendapat ini tidak mendorong kedua-duanya untuk memisahkan diri daripada jemaah, atau menciptakan jemaah sendiri.

Ibnu Mas'ud atau Ibnu 'Umar memang tidak sependapat dengan Uthman. Namun, perbezaan pendapat ini tidak mendorong kedua-duanya untuk memisahkan diri daripada jemaah, atau menciptakan jemaah sendiri. Kedua-duanya juga tidak melabel Uthman dengan pelbagai gelaran buruk seperti "meninggalkan sunah", "ahli bidaah", atau sebagainya.

51 *Sunan Abi Daud*, kitab *al-Manasik*, no. 1960.
52 *Sahih Muslim*, kitab *Solat al-Musafirin*, no. 1592.

Kedua-dua tokoh ini hanya menyampaikan riwayat yang mereka tahu, lalu tetap bergabung bersama umat Islam. Akibatnya, perbezaan pendapat tidak menyebabkan keretakan dalam barisan.

Sikap ini sungguh berbeza dengan sikap kita pada masa ini. Setiap kali melihat pendapat yang berlainan, hati kita terlalu sempit untuk menerima perbezaan, lalu lidah kita sangat mudah melahirkan tuduhan. Akibatnya, perbezaan selalu berakhir dengan perpecahan yang tidak dapat dirujuk kembali selama-lamanya. La hawla wala quwwata illa billah....

Akibatnya, perbezaan selalu berakhir dengan perpecahan yang tidak dapat dirujuk kembali selama-lamanya.

Sampaikan Sunah, Jangan Bertengkar

Sering kali kita meyakini bahawa pendapat kita benar-benar seiring dengan hadis Nabi SAW, sementara amalan dan pendapat orang lain telah menyalahi sunah itu. Hati kita terasa gatal untuk menunjukkan keunggulan pendapat kita dan membongkar kelemahan orang lain. Apabila kita melakukan itu, tiba-tiba permusuhan yang kita peroleh, bukannya penerimaan.

Kebiasaannya memang begitu, yang terhasil daripada sikap pertengkaran. Hati manusia tidak suka disalahkan, namun ia mungkin terbuka untuk pemberitahuan.

Pertengkaran meskipun didasari semangat "menegakkan sunah" tidak akan menghasilkan apa-apa selain pertengkaran.

Dalam kitab ***al-Adab asy-Syar'iah*** karya Ibnu Muflih al-Hanbali, al-Abbas bin Ghalib al-Warraq berkata kepada pemimpin ahli Hadis dan ahli Sunnah di Baghdad, Imam Ahmad bin Hanbal, "Jika aku

berada dalam suatu majlis, dan tidak ada yang mengetahui sunnah (hadis) di dalam majlis itu kecuali diriku, lalu seorang ahli bidaah berbicara. Bolehkah aku membantahnya?"

Imam Ahmad berkata: "Beritahukanlah sunah itu, namun jangan bertengkar."

Al-Warraq mengulangi soalannya beberapa kali, namun Imam Ahmad tetap melarangnya. Beliau tidak menyukai pertengkaran walau "atas nama sunnah dan hadis" sekalipun.

Setelah didesak berkali-kali, akhirnya Imam Ahmad berkata: "Aku melihatmu orang yang suka bertengkar!"[53]

Semoga Allah memberikan kebijaksanaan di hati kita semua dalam menghadapi perselisihan pandangan secara damai dan penuh hikmah.

53 Kisah hampir sama saya temukan terjadi pada diri Imam Malik. Ibn Rajab bercerita dalam *Jami al-Ulum wal Hikam* hal. 115: Imam Malik membenci perdebatan dalam sunnah pula. Haitham bin Jamil berkata, "Aku berkata kepada Malik: Wahai Abu Abdillah! Seseorang yang alim dalam sunnah, bolehkah ia berdebat tentangnya? Beliau menjawab, Tidak. Akan tetapi, beritahukanlah sunnah itu. Jika diterima, maka baguslah, jika tidak, maka diamlah."

Bab 16

Bangga Menjadi Hamba Allah

Saya masih ingat ketika pertama kali membaca rantaian sanad yang menghubungkan diri saya dengan kitab "*Sunan at-Tirmizi*". Saya begitu gembira melihat nama-nama ulama yang tercantum di dalamnya sambil membayangkan kebesaran jiwa dan ketinggian ilmu mereka. Salah seorang daripada sekian nama itu sangat saya kenali, iaitu **Abdul Wahab bin Ahmad asy-Sya'rani.**

Beliau seorang ulama Mesir yang dilahirkan pada tahun 898H dan wafat pada tahun 973H. Beliau berjumpa dengan Imam ahli hadis di Mesir: Jalaluddin as-Suyuthi, dan belajar dengan ulama-ulama terkenal seperti Syeikh Zakaria al-Anshari, Nashiruddin al-Laqani, Syihabuddin ar-Ramli dan lain-lain.

Pendek cerita, asy-Sya'rani kemudian terkenal sebagai seorang ulama Mesir yang memiliki banyak murid. Malah, tokoh-tokoh besar kerajaan juga sering berkunjung ke tempatnya.

Saya teringat akan suatu kisah. Suatu hari, Perdana Menteri Ali Pasya berkata kepadanya, "Besok aku akan menghadap sultan. Jika engkau mempunyai hajat yang hendak disampaikan kepadanya, beritahulah kepada kami."

Bagaimanakah jawaban asy-Sya'rani?

Sebagai ulama yang bangga dengan kedudukannya di sisi Allah, beliau hanya tersenyum lalu berkata, "Alhamdulillah, kami tidak memerlukan apa-apa daripada sultan. Namun, jika engkau mempunyai hajat yang hendak disampaikan kepada Allah, beritahu kepada kami."

Namun, jika engkau mempunyai hajat yang hendak disampaikan kepada Allah, beritahu kepada kami.

Apabila Ali Pasya mendengar kata-kata itu, dia menunduk beberapa lama. Lalu ia berkata, "Astaghfirullah. Kalian sangat bergantung kepada Allah, sementara kami sangat bergantung kepada hamba-Nya. Kalian yang lebih benar kerana Allah memiliki semua kerajaan di langit dan di bumi."

Darjat Faqih

Kebanyakan manusia pada hari ini, begitu buta mata hatinya sehingga mereka melihat kelebihan duniawi sebagai satu-satunya ukuran kemuliaan dan kebanggaan. Harta dan pangkat menentukan status sosial. Semakin banyak harta dan semakin tinggi jawatan atau pangkat, maka semakin berlagak kedudukannya dalam pergaulan masyarakat.

Semua orang tahu dan yakin bahawa semua kenikmatan duniawi ini tidak abadi. Oleh sebab itu, ia tidak layak menjadi ukuran kemuliaan.

Mengapa berbangga dengan kemuliaan yang hanya beberapa saat sahaja dan diikuti dengan kehinaan selama-lamanya?

Berhubung dengan perkara ini, Rasulullah SAW pernah bersabda: "Pada Hari Kiamat nanti, akan didatangi seseorang penduduk dunia yang paling berbahagia. Lalu ia dicelupkan ke dalam Neraka beberapa saat, dan ditanyakan kepadanya: "Pernahkah engkau merasakan kenikmatan walau hanya sedikit?" Ia menjawab: "Tidak pernah wahai Tuhan." Hadis riwayat Muslim.[54]

"Celupan" sesaat di Neraka ternyata melupakan semua kenikmatan yang dirasakan sepanjang hidupnya di dunia.

Atas dasar ini, orang-orang yang terbuka mata hatinya tidak pernah bangga dengan kelebihan duniawi yang dimilikinya. Jika melihat orang lain yang memiliki kelebihan ini, ia tidak kagum apatah lagi iri hati hendak menyamainya.

Ia selalu teringat akan ucapan **al-Hasan al-Basri** (w. 110H) katanya, "Jika seseorang berusaha untuk mengalahkanmu dalam urusan dunia, maka kalahkanlah ia dalam urusan Akhirat." Riwayatkan Imam Ahmad dalam kitab ***az-Zuhd*.**

"Jika seseorang berusaha untuk mengalahkanmu dalam urusan dunia, maka kalahkanlah ia dalam urusan Akhirat."

Imam asy-Sya'rani melakukan itu dengan ucapan tegas namun sopannya kepada pejabat tertinggi kerajaan. Ketika orang tertipu dengan kedudukannya di sisi manusia, asy-Sya'rani menyedarkan dengan membanggakan kedudukannya di sisi Allah.

Kata-kata ini hanya lahir daripada hati yang benar-benar faqih. Sebagaimana makna asalnya, fiqah bererti memahami bentuk dan roh ajaran agama dengan mendalam. **Abu Hamid al-Ghazali** dalam ***Ihya'*** berkata, "Darjat yang paling rendah bagi seorang faqih (pakar fiqah) adalah beliau meyakini bahawa Akhirat lebih baik daripada dunia."

54 *Sahih Muslim*, kitab *sifat al-Qiyamah wa al-Jannah wa an-Nar*, no. 7088.

Semakin mendalam pengetahuannya tentang agama, semakin hatinya menyedari kebesaran Allah SWT sehingga melahirkan rasa hormat, takut dan juga cinta kepada-Nya.

Mujahid bin Jabr (w. 101H) berkata, "Faqih (ahli fiqah) ialah orang yang takut kepada Allah SWT."

Imam al-Hasan al-Basri (w. 110H) juga berkata, "Faqih ialah orang yang zuhud terhadap dunia, selalu mengharapkan Akhirat, menyedari dosa-dosanya dan sentiasa beribadah kepada Allah SWT." Semua ini diriwayatkan Imam Ahmad dalam kitab ***az-Zuhd***.

Indahnya Menjadi Hamba Allah

Semakin hatinya mengenali Allah, semakin ia bangga menjadi hamba-Nya. Allah ialah Tuhan pemilik alam semesta dan seisinya. Pangkat-Nya berada jauh di atas semua pangkat.

Menjadi hamba-Nya, apatah lagi diakui sebagai hamba yang berbakti, merupakan kehormatan besar bahkan kedudukan paling berpengaruh di semesta raya wujud ini.

Itulah rahsia mengapa Allah menyebut Muhammad SAW sebagai hamba-Nya dalam ayat yang bercerita tentang perjalanan Israk dan Mikraj.

Firman Allah SWT:

﴿ سُبْحَٰنَ ٱلَّذِىٓ أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِۦ لَيْلًا مِّنَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ إِلَى ٱلْمَسْجِدِ ٱلْأَقْصَا ﴾

Maksudnya: *Maha Suci Allah yang telah memperjalankan hamba-Nya pada suatu malam dari Masjidilharam ke Masjidilaqsa.*

(*Surah al-Isra'* 17: 1)

Oleh sebab itulah, Allah memanggil kaum Mukminin kesayangan-Nya dengan sebutan hamba-hamba-Ku:

Maksudnya: *Wahai, hamba-hamba-Ku! Tiada kekhuatiran terhadapmu pada hari ini dan tidak pula kamu bersedih hati.*

(*Surah az-Zukhruf* 43: 68)

Pakar tafsir yang terkenal daripada **Tunisia Syeikh M. Thahir bin 'Asyur** berkata, "Allah sering kali menyebutkan kaum Mukmin dengan gelaran hamba yang di-mudhaf-kan kepada-Nya untuk menunjukkan kehormatan dan kedekatan."

Betapa indahnya menjadi hamba Allah SWT lalu mendengar panggilan ilahi "wahai hamba-Ku". Keindahan itu melahirkan kepuasan dan kenikmatan di dalam hati melebihi kenikmatan apa-apa yang ada di muka bumi ini.

Bangga Menjadi Muslim

Kenikmatan dan kebahagiaan yang dirasai oleh seorang faqih jauh lebih tinggi daripada kenikmatan yang dirasai oleh mana-mana manusia.

Ibrahim bin Adham pernah berkata, "Andai raja-raja dan putera-putera mahkota mengetahui kebahagiaan dan kenikmatan hidup kami, nescaya mereka akan berusaha merebutnya walau perlu dengan peperangan."

Maka tidak mungkin seorang faqih seperti ini melihat tokoh-tokoh dunia dengan mata kagum, lalu mencari pelbagai cara untuk mendekatkan diri kepadanya walau perlu dengan menjual idealisme dan kesucian agamanya.

Maka tidak mungkin seorang faqih seperti ini melihat tokoh-tokoh dunia dengan mata kagum.

Abdullah bin 'Amr bin al-'Ash berkata, "Sesiapa yang membaca al-Quran, namun ia masih berasa bahawa orang lain memiliki sesuatu yang lebih berharga daripada apa yang dimilikinya, maka ia telah menghina sesuatu yang Allah hormati dan menghormati sesuatu yang Allah hinakan."

(Diriwayatkan **Ibnu al-Mubarak** dalam kitab ***az-Zuhd wa ar-Raqa'iq***)

Sebaliknya, kita selalu menyaksikan jiwa besar para ulama yang sentiasa menjaga kehormatan diri dan agamanya. Bagi mereka, nikmat Islam satu-satunya kebanggaan yang patut disyukuri.

Al-Hakim dalam ***al-Mustadrak*** meriwayatkan ucapan Umar bin al-Khattab yang sangat faqih, "Allah telah memuliakan kita dengan Islam. Jika kita mencuba memuliakan diri dengan selainnya, Allah akan menghinakan kita."

Hammad bin Zaid bercerita, "Ayyub pernah bersahabat dengan Yazid bin al-Walid. Ketika Yazid menjadi khalifah, Ayyub berdoa: Ya Allah, buatlah ia melupakan diriku." Kisah ini dapat ditemui dalam kitab ***Tazkiratul Huffaz*** karya adz-Dzahabi.

Ayyub yang dimaksud di sini ialah **Ayyub bin Abi Tamimah as-Sakhtiani**, seorang ulama tabiin pakar hadis dan fiqah di Basrah. Beliau salah seorang guru hadis Imam Malik. Al-Bukhari dan Muslim banyak sekali meriwayatkan hadis melalui jalurnya.

Dalam kitab ***Manaqib Imam Ahmad bin Hanbal***, **Ibnu al-Jawzi** meriwayatkan daripada Said bin Ya'qub katanya, "Ahmad bin Hanbal pernah menulis surat kepadaku (isinya): Bismillahirrahmanirahim. Daripada Ahmad kepada Ya'qub. Dunia ini penyakit, penguasa penyakit, dan ulama adalah doktornya. Jika engkau melihat seorang doktor menarik penyakit kepada dirinya, maka jauhilah ia. Wassalam."

Jiwa Pendakwah

Setiap ad-da'i ilallah (pendakwah yang mengajak manusia kembali kepada Allah) wajib bersifat faqih dan meyakini kebaikan dakwah-nya.

Alasannya sederhana, seorang penjual harus meyakini kelebihan barang jualannya. Jika tidak begitu, ia tidak akan pernah menjadi penjual yang berjaya.

Zun Nun al-Misri berkata:

"Tiga tanda keyakinan adalah melihat Allah pada segala sesuatu, merujuk kepada-Nya pada segala sesuatu, dan meminta bantuan daripada-Nya dalam segala sesuatu."

Bab 17

Antara Yakin dengan Cuba-cuba

Apabila membaca kisah orang-orang soleh, ia memberi keinsafan kepada diri kita. Mereka ialah manusia biasa yang dianugerahkan kemampuan yang luar biasa.

Tidak ada perbezaan antara kita dengan mereka selain keyakinan yang terdapat di dalam hati. Keyakinan itulah yang membezakan diri kita dengan mereka.

Berbicara tentang keyakinan ini, saya pernah terbaca mengenai sebuah kisah yang berlaku kepada seorang ulama tabiin yang hidup di Mesir suatu ketika dahulu. Ulama itu bernama **Haywah bin Syuraih**, kuniahnya Abu Zur'ah, at-Tujibi. Beliau wafat pada tahun 158H.

Ulama ini sangat terkenal sifat soleh, warak dan banyak ilmu. Mungkin itu sebabnya, Allah berkenan memberikan kelebihan tertentu sebagai karamah pada dirinya.

Al-Hafiz adz-Dzahabi dalam ***Tazkiratul Huffaz*** meriwayatkan bahawa setiap bulan, Haywah menerima pemberian kerajaan sebanyak 60 dinar. Setiap kali menerima wang ini, beliau tidak kembali ke rumahnya sebelum menyedekahkan kesemua wang itu.

Namun begitu, setiap kali tiba di rumah, beliau akan mendapati bahawa wang tersebut ada di bawah sejadahnya semula.

Seorang saudaranya mengetahui kejadian ini. Lalu ia mencuba meniru perbuatan Haywah, iaitu bersedekah dengan semua wang yang ia miliki, lalu segera kembali ke rumahnya untuk mendapatkan kembali wang itu. Namun, apabila melihat ke bawah sejadahnya, ia tidak menemukan wang tersebut.

Aku memberikan wang itu kepada Allah dengan yakin, sementara engkau memberikannya dengan cuba-cuba.

Orang ini segera mengeluhkan perkara itu kepada Haywah. Setelah mendengar kisahnya, Haywah menjelaskan rahsia bagaimana perbezaan itu boleh terjadi, "Aku memberikan wang itu kepada Allah dengan yakin, sementara engkau memberikannya dengan cuba-cuba."

Keyakinan dan Keajaiban

Antara **keyakinan** dengan **mencuba-cuba** memang **berbeza**. Orang yang bekerja dengan keyakinan merasakan ketenteraman di dalam hati kerana mempercayai sepenuhnya janji-janji ilahi. Lalu sifat ini mendorongnya untuk bekerja dengan rajin dan menyumbangkan wang tanpa rasa takut sedikit pun.

Syaitan yang sentiasa menakut-nakutkan manusia dengan kefakiran tidak dapat menghalanginya daripada melaksanakan perintah Allah SWT.

Setiap orang yang memiliki keyakinan seperti ini akan menjadi orang yang paling kuat di dunia. Tiada apa yang dapat mematahkan pendiriannya, apatah lagi membeli akidahnya. Tambahan pula, bantuan Allah selalu dekat daripada dirinya.

Setiap orang yang memiliki keyakinan seperti ini akan menjadi orang yang paling kuat di dunia.

Kisah Affan bin Muslim

Saya teringatkan peristiwa *Fitnah Khalq* al-Quran yang terjadi pada tahun 218H di Baghdad dan sekitarnya. **Muktazilah** berjaya menghasut **Khalifah al-Makmun** untuk memaksa setiap ulama yang hidup pada masa itu mengakui bahawa al-Quran ialah makhluk. Padahal akidah ini bercanggah dengan akidah salaf yang menjadi pegangan semua ulama, iaitu al-Quran adalah firman Allah bukan makhluk.

Imam Tajuddin as-Subki bercerita di dalam ***Thabaqat asy-Syafiiah*** bahawa orang pertama yang diuji dalam fitnah ini ialah 'Affan bin Muslim, seorang ahli hadis di Basrah. Apabila dihadapkan kepada Khalifah, dan dipaksa mengakui akidah sesat ini, beliau menolaknya dengan tegas. Khalifah segera menghentikan wang seribu Dinar yang biasa diberikan kepadanya setiap bulan.

***'Affan bin Muslim** tetap teguh dengan pendiriannya. Padahal beliau banyak memiliki anggota keluarga yang mesti dinafkahinya. Dengan yakin, beliau berkata, "Rezeki kita berasal daripada Allah SWT."*

Diceritakan, bahawa pada malam harinya, seseorang tak dikenali mengetuk pintu Affan bin Muslim. Lalu orang ini memberikan seribu Dinar kepadanya dan berkata, "Aku akan memberimu seribu Dinar setiap bulan. Semoga Allah meneguhkan dirimu sebagaimana engkau meneguhkan agama ini."

Keyakinan sentiasa beriringan dengan keajaiban.

Keyakinan dan Tamadun

Keajaiban ini bukan sahaja berlaku kepada seorang atau dua orang individu, namun ia juga boleh berlaku kepada satu bangsa. Siapa yang mengkaji sejarah tamadun Islam akan melihat suatu pola yang konsisten, iaitu setiap kali kaum Muslimin berada di tingkat keyakinan yang tertinggi, pada masa yang sama, mereka berada di tingkat ketamadunan yang tertinggi.

Tokoh-tokoh pemimpin yang berjaya **mengeluarkan umat Islam daripada kemiskinan kepada kekayaan** ialah orang-orang yang memiliki keyakinan yang paling kuat kepada Allah. Mereka misalnya Umar bin al-Khattab, Umar bin Abdul Aziz, Harun ar-Rasyid, Mahmud az-Zanki, dan juga Solahuddin al-Ayyubi.

Umat Islam terus-menerus mengalami kekalahan hingga hari ini.

Apabila keyakinan itu mulai luntur, empayar Islam turut mengalami kemunduran. Umat Islam terus-menerus mengalami kekalahan hingga hari ini.

Kita belum lagi menemukan seorang pemimpin yang memiliki keyakinan kuat seperti tokoh-tokoh yang telah disebutkan seperti di atas.

Mungkin sebab itulah, Nabi SAW bersabda, "Sesungguhnya sesuatu yang paling aku takuti bagi umatku adalah **kelemahan yakin.**" Diriwayatkan oleh **Ibnu Abi Dunia** dan **ath-Thabarani** dengan sanad yang dapat disahihkan sesuai mazhab Ibnu Hibban.

Kata-kata Penuh Keyakinan

Seorang Muslim sejati hidup dalam keyakinan. Ia yakin kepada Allah, juga kepada dirinya. Setiap kali melakukan sesuatu pekerjaan, ia akan melakukannya dengan penuh keyakinan. Setiap kali mengucapkan sesuatu, ia akan mengucapkannya dengan penuh keyakinan.

Otak manusia bekerja ibarat sebuah superkomputer yang sangat canggih.

Otak manusia bekerja ibarat sebuah superkomputer yang sangat canggih. Ia memproses setiap kata yang kita masukkan (input) lalu merealisasikannya dalam bentuk aktiviti zahir.

Apabila kata-kata itu tegas dan jelas, maka otak kita dapat melaksanakan tugasnya segera dengan baik.

Jika kita masukkan **kata-kata yang penuh keyakinan**, seperti "saya akan melakukan ini", maka otak segera memproses perintah itu secara automatik. Lalu otak **mengirimkan pesan kepada seluruh anggota tubuh** kita agar mereka mewujudkan kata-kata itu dengan sempurna.

Namun, apabila kalimat yang kita masukkan tidak jelas, iaitu **dipenuhi dengan keraguan dan ketidakyakinan** seperti "saya akan cuba melakukannya", maka otak kita sukar memproses perintah ini dan mengaplikasikannya dalam bentuk perbuatan. Akibatnya, tubuh manusia tidak dapat melakukan tugasan itu dengan sebaik-baiknya.

Malah, sejak awal ia telah membayangkan kegagalan lalu mencari-cari alasan untuk memaafkannya. "Saya sudah mencuba, agaknya ini bukan nasib saya."

Karakter Muslim

Ragu-ragu dalam bertindak bukanlah karakter Muslim sejati. Islam sangat mementingkan keyakinan dan meletakkannya sebagai asas kehidupan setiap Muslim di atas muka bumi ini.

Sejak awal, kita wajib menyatakan keyakinan itu dengan kalimat: "Aku bersaksi bahawa tidak ada tuhan selain Allah, dan aku bersaksi bahawa Muhammad ialah rasul Allah."

Kalimat "bersaksi" adalah simbol keyakinan yang sangat kuat, seolah-olah ia melihat Allah dan rasul-Nya dengan mata kepala sendiri, lalu menyatakan keimanan itu kepadanya.

Andai seseorang menggantikan ucapan "bersaksi" ini dengan kalimat "Saya akan mencuba untuk bersaksi...", nescaya imannya tidak sah. Kita dituntut untuk yakin, bukan untuk mencuba-cuba.

Dalam akad nikah, apabila wali mengucapkan ijab, "Aku nikahkan engkau dengan puteriku yang bernama fulanah dengan mas kahwin tunai", kita mesti menjawab dengan tegas dan yakin, "Saya terima nikahnya."

Andai kita berkata, "Saya akan cuba...", kita belum sah menjadi suami. Bahkan belum layak menjadi orang yang akan menanggung pelbagai tugasan berat sebagai suami dan ayah.

Bahkan belum layak menjadi orang yang akan menanggung pelbagai tugasan berat sebagai suami dan ayah.

Jika agama kita mengajarkan keyakinan seperti ini setiap kali melakukan pekerjaan, mengapa kita masih lagi menunjukkan keraguan?

Lakukan setiap pekerjaan yang telah direncanakan dengan penuh keyakinan seolah-olah kita telah hampir berjaya. Jika kita telah memulainya dengan keyakinan, maka Allah akan menyempurnakannya dengan cara yang tidak kita sangka-sangka.

Nabi SAW bersabda, "Sesungguhnya sesuatu yang paling aku takuti bagi umatku adalah kelemahan yakin."

Pelajari Keyakinan

Keyakinan seperti yang dimiliki Haywah bin Syuraih dan 'Affan bin Muslim memang bukan mudah. Namun begitu, ia boleh dipelajari dan dilatih.

Khalid bin Ma'dan berkata, seorang tokoh ulama tabiin yang sangat besar dan terkenal di negeri Syam, "Pelajarilah keyakinan hingga engkau menguasainya sepertimana engkau mempelajari al-Quran. Sesungguhnya aku sendiri sedang mempelajarinya." Diriwayatkan oleh **Imam Ibnu Abi ad-Dunia** dalam kitab ***al-Yaqin***.

Setelah sekian lama berlatih, sedikit demi sedikit kita akan merasakan keyakinan itu di dalam hati. Sebahagian daripada tanda-tanda keyakinan akan melekat di dalam diri kita.

Zun Nun al-Misri berkata, "Tiga tanda keyakinan adalah melihat Allah pada segala sesuatu, merujuk kepada-Nya pada segala sesuatu, dan meminta bantuan daripada-Nya dalam segala sesuatu."

Ya Allah, kami meminta keyakinan yang dapat menghalangi kami daripada bermaksiat, meringankan bagi kami semua musibah duniawi, menyelamatkan kami daripada api Neraka dan memasukkan kami ke dalam Syurga. Amin ya Rabbal 'Alamin.

Bab 18

Prasangka Menutupi Kejayaan

Abu Bakar Muhammad bin at-Tayb al-Baqillani** (w. 403H) seorang ulama yang sangat cerdas. Sejak muda, beliau sangat rajin menimba ilmu daripada pelbagai ulama, antara lain Abul Hasan al-Bahili, seorang pakar ilmu kalam dan murid kepada Imam Ahli Sunnah wal Jamaah, Abul Hasan al-Asy'ari. Kecerdasan kedua-dua tokoh ini menjadi perbincangan seluruh negeri.

Pada masa itu, Sultan yang berkuasa iaitu **Fanakhusru al-Buwaihi**, yang bergelar *"Adud ad-Daulah"*. Beliau adalah seorang raja yang cerdas, cintakan ilmu, dan menyukai ulama.

Setiap minggu, diadakan suatu majlis perdebatan (munazarah) di istana yang dihadiri oleh ahli kalam, filsuf, juga para sasterawan.

Tokoh-tokoh muktazilah merupakan pembesar dalam majlis ini disebabkan kemahiran mereka dalam berdebat. Mereka antara lain ialah **al-Qadi Bisyr bin Husein, al-Ahdab** dan **Muhammad bin Syuja'**.

Suatu hari, al-Baqillani dan gurunya menerima sepucuk surat daripada Sultan. Kandungan suratnya adalah mengundang kedua-dua tokoh Ahli Sunnah ini untuk hadir bersama dalam perdebatan ilmiah bersama tokoh-tokoh kalam dan filsuf yang berada di majlis itu.

Kedua-dua orang guru dan murid ini segera berbeza pandangan dalam menyahut undangan tersebut. Salah seorangnya sangat berprasangka dan berfikiran negatif, sementara yang lain sangat tulus dan berfikiran positif.

Andai tujuannya ikhlas kerana Allah, nescaya aku akan menyahut undangannya.

Abul Hasan al-Bahili berkata, "Mereka (iaitu Sultan dan tokoh-tokoh Muktazilah) kafir, fasik dan *rawafid*.[56] Tidak halal bagi kita menginjak lantai mereka. Tujuan sultan mengundang kita tidak lain hanya untuk menunjukkan bahawa majlisnya dipenuhi dengan para ulama. Andai tujuannya ikhlas kerana Allah, nescaya aku akan menyahut undangannya."

Sementara itu, al-Baqillani tidak setuju dengan pendapat gurunya ini. Beliau berkata, "Ucapan seperti ini pernah dikatakan oleh Ibnu Kullab dan al-Harits al-Muhasibi; Khalifah al-Makmun fasik dan zalim, kami tidak akan menghadiri majlisnya."

Akibatnya, situasi menjadi semakin teruk hingga terjadi fitnah dan penyeksaan ulama termasuk Imam Ahmad bin Hanbal. Andai mereka bersedia untuk datang dan berdebat, nescaya perkara itu tidak perlu terjadi.

56 *Rawafidh*, jamak daripada: *rafidhah*, iaitu orang-orang yang membenci para sahabat Nabi SAW.

Sekarang engkau, wahai tok guru, bersikap seperti mereka. Aku khuatir akan kembali terjadi peristiwa buruk terhadap para fuqaha di kemudian hari seperti yang terjadi pada diri Ahmad bin Hanbal. Jika engkau menolak pergi, maka aku yang akan pergi."

Lalu Abu Bakr al-Baqillani bertolak ke Syiraz untuk memenuhi undangan sultan. Majlis ilmiah kali itu sangat bersejarah. Buat julung-julung kalinya terjadi perdebatan terbuka tentang pelbagai masalah akidah yang menjadi perselisihan antara Ahli Sunnah dengan Muktazilah.

Perkara-perkara yang diperdebatkan terlalu panjang untuk saya ceritakan di sini. Intinya, kepakaran al-Baqillani dalam tafsir al-Quran, hadis dan sastera Arab bagaikan matahari yang menutupi cahaya bintang-bintang.

Semua tokoh Muktazilah yang selama ini merendahkan Ahli Sunnah terdiam. Tidak ada seorang pun daripada mereka yang berjaya mempertahankan pendapat mereka di hadapan hujah-hujah tokoh ahli hadis ini.

Setelah kejadian itu, pandangan sultan kepada Muktazilah dan tokoh-tokohnya segera berubah. Beliau tidak lagi bersimpati kepada puak ini, justeru beralih kepada mazhab ahli sunnah dan mengangkat al-Baqillani menjadi Qadhi al-Qudhat (Hakim Agung).

Sejak hari itu hingga akhir hayatnya, al-Baqillani terkenal sebagai "pedang sunnah, lisan ummah dan jurucakap ahli hadis dengan metode Abul Hasan al-Asy'ari," sebagaimana pujian al-Qadhi 'Iyad dalam ***Thabaqat al-Fuqaha' al-Malikiah***.

Sejak hari itu hingga akhir hayatnya, al-Baqillani terkenal sebagai "pedang sunnah".

Pintu Kejayaan

Pelajaran penting yang dapat diambil daripada kisah tadi adalah prasangka sering kali menutup pintu kejayaan diri.

Berapa banyak peluang kejayaan yang kita lepaskan begitu sahaja kerana pelbagai fikiran negatif seperti "ini mustahil dilakukan" dan "saya tak mampu".

Berapa banyak rekonsiliasi umat Islam terbantut kerana sangkaan "agenda tersembunyi": "konspirasi": "beza manhaj": "beza parti" dan lain-lain. Padahal, kenyataan tidak selalu segelap yang kita bayangkan.

Saya yakin bahawa tidak banyak orang yang menyebut nama **Abul Hasan al-Bahili**, apatah lagi mengenali beliau pada hari ini. Padahal ilmu dan kesolehannya tidak pernah diragui. Sementara itu, nama al-Baqillani selalu disebut-sebut dengan penuh hormat dalam setiap perbincangan ilmiah yang berkaitan dengan akidah, fiqah, usul, tafsir dan hadis.

Walaupun kelebihan ilmu yang dimiliki al-Baqillani melebihi gurunya, namun sikap beliau yang berani mengambil peluang tanpa membiarkan buruk sangka menutup langkahnya.

Jika itu yang terjadi, tidak mustahil suatu hari nanti Ahli Sunnah wal Jamaah akan pupus ditelan zaman.

Saya yakin andai pada hari itu al-Baqillani bersetuju dengan gurunya, lalu meninggalkan peluang untuk membela sunnah di hadapan sultan, nescaya dominasi Muktazilah akan semakin kuat. Ahli Sunnah hanya menjadi mazhab pinggiran yang dianuti oleh orang-orang "kampung" sahaja. Jika itu yang terjadi, tidak mustahil suatu hari nanti, Ahli Sunnah wal Jamaah akan pupus ditelan zaman.

Pintu Ilmu

> *Sikap penuh prasangka ini juga seringkali menutupi pintu ilmu pengetahuan.*

Sikap penuh prasangka ini juga seringkali menutupi pintu ilmu pengetahuan. Saya sering melihat orang-orang tertentu pada masa ini yang berfikiran sangat negatif, lalu enggan mendengar, apalagi menerima, pendapat ulama yang dilihatnya berbeza "manhaj" daripadanya.

Sikap seperti ini jika dilakukan oleh orang awam bukanlah suatu masalah. Malah, ia akan menjadi suatu bencana yang sangat besar apabila orang-orang yang "terpelajar" bersikap seperti orang-orang awam.

Sikap ini tentu sahaja akan merugikan diri sendiri. Ambillah pelajaran daripada seorang ulama tabiin di Madinah bernama **Abu Salamah bin Abdirahman bin 'Auf az-Zuhri** (w. 94 H). Beliau sentiasa menyalahi pendapat-pendapat Abdullah bin Abbas, lalu menutup diri daripada setiap ilmu yang berasal daripada sahabat Nabi yang pakar tafsir ini. Pada akhir hayatnya, Abu Salamah menyesal dan berkata, "Andai aku tidak keras kepada Ibnu Abbas, nescaya aku akan mengeluarkan daripadanya ilmu yang sangat banyak."

Kita dituntut untuk selalu bersikap terbuka. Dengarkan terlebih dahulu suatu ucapan, setelah itu, kita bebas memilih untuk menerima atau menolak. Ini adalah kerana hikmah kadang-kadang keluar dari sumber yang tidak kita sangka-sangka.

At-Tirmizi dan **Ibnu Majah** meriwayatkan daripada Nabi SAW:

اَلْكَلِمَةُ الْحِكْمَةُ، ضَالَّةُ الْمُؤْمِنِ. فَحَيْثُ وَجَدَهَا فَهُوَ أَحَقُّ بِهَا.

Maksudnya: *Kata-kata hikmah adalah milik orang Mukmin yang hilang. Di mana ia menemukannya, maka ia lebih berhak untuk mengambilnya.*[57]

Bahaya Buruk Sangka

Setelah mengetahui akibat buruk yang ditimbulkan oleh sifat buruk sangka ini, kita mengerti mengapa Allah SWT menyuruh kita untuk menjauhinya.

Firman Allah SWT:

﴿ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱجْتَنِبُوا۟ كَثِيرًا مِّنَ ٱلظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ ٱلظَّنِّ إِثْمٌ ﴾

Maksudnya: *Wahai orang yang beriman, jauhilah kebanyakan daripada prasangka. Sesungguhnya sebahagian prasangka adalah dosa.*

(*Surah al-Hujurat* 49: 12)

Ayat ini mengisyaratkan bahawa tidak semua prasangka adalah dosa. Sebahagiannya memang dibolehkan sebab ia melahirkan sikap waspada dan berhati-hati. Namun begitu, kebanyakan prasangka selalu beriringan dengan sifat-sifat tercela.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Berjaga-jagalah kamu daripada prasangka. Sesungguhnya prasangka adalah bisikan yang paling dusta." Riwayat al-Bukhari dan Muslim.[58]

57 Sunan at-Tirmizi, Kitab *al-'Ilm*, no. 2687, Sunan Ibn Majah, kitab *az-Zuhd*, no. 4169. At-Tirmizi berkata: "Ini hadis gharib, kami tidak mengenalnya melainkan daripada jalur ini. Ibrahim bin al-Fadhl al-Makhzumi lemah dalam hadis."

58 *Sahih al-Bukhari*, kitab *an-Nikah*, no. 5143, *Sahih Muslim*, kitab *al-Bir wa ash-Shilah*, no. 6536.

Dari sini, para ulama menetapkan buruk sangka sebagai sebuah maksiat batin. Malah, mereka mengatakan bahawa kebiasaannya, jika sifat ini semakin parah dan tidak segera ditinggalkan, akan mengakibatkan penutup usia yang buruk (*su'ul khatimah*).

Imam asy-Syafi'i berkata, "Sesiapa yang ingin menutup hidupnya dengan kebaikan, maka jagalah selalu sangkaan baik kepada manusia."

Selain itu, buruk sangka merupakan cerminan hati yang sangat kotor. Seorang pencuri selalu berasa khuatir dan menyangka bahawa orang yang dilihatnya jangan-jangan ialah polis. Sehingga setiap teguran selalu didengarinya seperti pekikan untuk menangkapnya.

Buruk sangka merupakan cerminan hati yang sangat kotor.

Begitu juga apa yang terjadi pada jiwa orang-orang munafik. Allah SWT menceritakan bahawa mereka menyangka setiap teriakan selalu ditujukan kepada mereka.[59] Kekotoran hati melahirkan buruk sangka di dalam fikiran.

Bersih Hati

Saya selalu berasa kagum dan iri setiap kali melihat seseorang yang tidak pernah berburuk sangka kepada orang lain.

Jika ia orang awam, maka ia lebih saya sukai daripada kaum terpelajar yang fikirannya penuh dengan sangkaan buruk kepada orang lain. Ini adalah kerana orang seperti ini tentulah memiliki hati yang sangat bersih. Ia tidak akan mampu menjaga sangkaan baik sebelum memiliki hati dan jiwa yang bersih daripada sifat-sifat keji.

59 Surah al-Munafiqun(63) ayat 4.

Selain menikmati kejayaan dunia, orang seperti ini akan mudah melalui hisab di Akhirat kelak. Allah SWT tidak akan menghukum seseorang kerana berbaik sangka, namun Allah akan menghisab dan menghukumnya kerana buruk sangka yang ia lakukan kepada orang lain.

"Bukan Urusan Saya."

Pada abad ke-11 Hijriah, kerajaan Islam Turki Uthmani, menyaksikan seorang ulama besar yang bernama **Syeikh Muhammad Sa'dudin bin Hasan Khan at-Tabrizi** (w. 1008H). Ketinggian ilmu dan kekuatan hafazan beliau menjadi sumber kekaguman semua ulama pada masa itu.

Diceritakan bahawa beliau pernah menjawab ratusan permasalahan hukum dan fatwa melalui hafalannya tanpa membaca buku terlebih dahulu.

Kelebihan dengan kesolehan dan kecerdikan yang luar biasa ini, beliau memangku Jabatan Syeikh al-Islam (mufti negara) yang ke-22 di dalam kerajaan Turki Uthmani.

Pada suatu hari, Khalifah Turki yang bernama **Sultan Ahmad I** mengirim sepucuk surat rasmi kepada Syeikh Sa'dudin untuk bertanya, "Apakah kekurangan yang terdapat di negara ini (sehingga kita mengalami kemunduran dan kekalahan daripada musuh) padahal Allah menjanjikan kemenangan bagi umat Islam?"

Syeikh yang bijak ini segera menulis jawabannya, "Bukan urusan saya." Sultan Ahmad menjadi sangat marah apabila membaca jawaban tersebut. Dia menyangka bahawa Syeikh Sa'dudin mengabaikan pertanyaan penting ini.

Sultan Ahmad segera memerintahkan Syeikh Sa'dudin menghadap pada saat itu juga, lalu memarahinya dengan sangat keras. Dia berkata, "Mengapa kau mengabaikan pertanyaanku? Beraninya kau berkata, bukan urusan saya untuk suatu masalah yang sangat penting?"

Kalimat "bukan urusan saya" inilah penyebab utama kemunduran umat Islam.

Dengan tenang, si mufti menjelaskan, "Saya tidak mengabaikan pertanyaan tuanku. Sebaliknya, saya menjawab pertanyaan tersebut dengan sangat teliti. Kalimat "bukan urusan saya" inilah penyebab utama kemunduran umat Islam.

Jika setiap individu – sama ada pejabat di dalam kerajaan ataupun rakyat biasa - hanya mementingkan diri sendiri, dan berkata "bukan urusan saya" setiap kali melihat pemasalahan umat, maka kemunduran demi kemunduran, dan kekalahan demi kekalahan akan menimpa umat Islam secara berterusan."

Setelah memahami ucapan Syeikh yang penuh makna, Sultan Ahmad menjadi sangat malu. Lalu dia segera meminta maaf kepada Syeikh Sa'dudin dan memberikan hadiah yang banyak kepada beliau.

Simpati

Jawaban Syeikh Sa'dudin sungguh tepat menusuk jantung permasalahan. Kalimat "bukan urusan saya" merupakan ekspresi sikap tidak ambil peduli terhadap permasalahan yang sedang melanda masyarakat. Kalimat ini juga menandakan kematian hati nurani sehingga tidak lagi merasakan kesedihan dan kesulitan yang melanda orang lain.

Jika sikap ini terus tumbuh dan merebak di jiwa sesebuah bangsa, maka hal ini menjadi petanda keruntuhan bangsa tersebut.

Sikap hanya **mementingkan diri sendiri** (*egoisme*) dan tidak peduli kepada orang lain dan umat secara keseluruhan tidak pernah ada pada zaman Nabi SAW. Sebaliknya, Baginda mengajarkan agar setiap individu di dalam masyarakat Islam bersimpati terhadap individu lain sehingga aktif memainkan peranannya dalam membangunkan umat. **Rasulullah SAW** bersabda:

تَرَى الْمُؤْمِنِيْنَ فِيْ تَرَاحُمِهِمْ وَتَوَادِّهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ، كَمَثَلِ الْجَسَدِ. إِذَا اشْتَكَى عُضْوًا، تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ جَسَدِهِ بِالسَّهَرِ وَالْحُمَّى.

Maksudnya: *Perumpamaan kaum Mukminin dalam cinta-kasih mereka ibarat sesusuk tubuh. Jika satu anggota menderita sakit, sesusuk tubuh akan berasa demam dan tak boleh tidur.*

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)[60]

Kemudian, Rasulullah SAW mewujudkan hal itu dengan mengikat tali persaudaraan sesama penduduk Madinah sehingga setiap Muslim merupakan saudara bagi Muslim yang lain dan keduanya dapat saling membantu menghadapi cabaran hidup yang mendatang.

60 *Sahih al-Bukhari*, kitab *al-Adab*, no. 6011, *Sahih Muslim*, kitab *al-Bir wa ash-Shilah*, no.6585.

Hasilnya, umat Islam di bawah pimpinan Nabi SAW merupakan umat yang mampu menikmati hidup suka dan duka bersama. Keadaan ini berterusan walaupun Baginda Rasulullah SAW telah wafat.

Umar bin al-Khattab

Pada masa **Umar bin al-Khattab** menjadi khalifah, ahli Madinah pernah mengalami **zaman kemarau** (kekeringan) yang membinasakan semua tumbuhan. Selama berbulan-bulan, semua penduduk hidup dalam kelaparan. Selama itu juga, Umar tidak dapat tidur atau berehat.

Pemimpin ini terus bersusah hati hingga jatuh sakit dan badannya semakin kurus. Setiap orang yang melihatnya berkata, "Andai kemarau ini berlangsung beberapa bulan lagi, Umar pasti mati."

Beberapa waktu kemudian, sebuah kafilah yang membawa bahan makanan berupa daging, mentega dan roti datang dari Mesir. Tanpa berfikir panjang, Umar segera membahagi-bahagikan makanan tersebut kepada masyarakat tanpa mengambil sedikit pun daripadanya.

Makanan khalifah mesti lebih lazat daripada makanan rakyat biasa, fikirnya.

Umar berkata kepada pemimpin kafilah itu, "Kamu makan bersamaku di rumah nanti."

Orang itu segera membayangkan pelbagai hidangan lazat yang akan ia santap di rumah khalifah. Makanan khalifah mestilah lebih lazat daripada makanan rakyat biasa, fikirnya. Ia jadi bersemangat membahagi-bahagikan makanan itu bersama Umar.

Siang harinya, Umar dan pemimpin kafilah itu pulang ke rumah dengan keadaan sangat lapar dan lelah. Umar

segera meminta makanan siangnya dihidangkan. Tidak lama kemudian, makanan pun disediakan.

Hidangan yang tersedia hanya beberapa potongan roti kasar dengan sepinggan minyak zaitun saja.

Betapa terperanjatnya pemimpin kafilah itu ketika melihat hidangan yang tersedia hanya beberapa potongan roti kasar dengan sepinggan minyak zaitun saja. Tidak ada daging juga mentega.

Dia bertanya kepada Umar, "Mengapakah engkau memberiku makanan seperti ini?"

Umar menjawab, "Aku memberimu makanan yang aku makan."

Dia bertanya lagi, "Mengapakah engkau tidak mengambil sebahagian daripada daging dan makanan tadi?"

Umar menjawab, "Aku bersumpah tidak akan mencicipi daging dan mentega sebelum semua rakyatku kenyang makan kedua-duanya."

Tiga Sahabat

Sikap simpati terhadap orang lain ini, tampil dalam bentuk yang sangat indah dalam kisah berikut. Tiga orang sahabat Nabi SAW, yang bernama **Ikrimah bin Abi Jahl**, **Suhail bin 'Amr** dan **al-Harits bin Hisyam**, mengalami luka parah setelah Perang Yarmuk.

Ikrimah berasa kehausan. Tiba-tiba **seseorang** membawakan segelas air untuknya. Namun, apabila mengangkat gelas itu ke mulutnya, dia melihat Suhail bin 'Amr yang juga sedang kehausan. Lalu dia berkata, "Berikan air ini untuk Suhail."

Air itu dibawa kepada Suhail. Namun, apabila hendak minum, dia melihat al-Harits bin Hisyam yang juga sedang kehausan. Lalu dia berkata,"Berikan air ini untuk al-Harits."

Ketika air itu hendak dibawa kepada al-Harits, ternyata sahabat Nabi ini telah meninggal dunia. Orang yang membawa air itu segera berlari kepada Suhail. Ternyata ia pun sudah wafat. Ketika ia berlari ke tempat Ikrimah, ia menemui sahabat ini pun baru saja menghembuskan nafasnya yang terakhir.

Teori Ibnu Khaldun

Sikap penuh empati ini – bersama sikap positif lainnya yang terdapat pada diri para sahabat Nabi SAW - membawa mereka menjadi pemimpin dunia yang sangat dihormati.

Sampai berabad-abad kemudian, generasi penerus kaum Muslimin menikmati kemakmuran dan kemajuan peradaban sebagai kelanjutan usaha para pendahulu mereka.

Seorang pakar sosiologi Muslim **Abu Zaid Abdurahman Ibnu Khaldun** (w. 808 H) menjelaskan hasil kajiannya bahawa setiap bangsa yang mana setiap individunya berlumba-lumba mengamalkan akhlak mulia seperti dermawan, memaafkan kesalahan, menepati janji, membantu orang-orang lemah, menjamu tetamu, menghormati cerdik pandai, menghargai orang-orang yang lebih tua dan nilai-nilai positif lainnya, maka bangsa itu berpotensi untuk menjadi penguasa dunia.[61]

Kata-kata ini terbukti kebenarannya pada masyarakat awal Islam. Mereka menjadi bangsa yang maju dan terhormat di dunia selama berabad-abad akibat daripada kesungguhan mereka berpegang kepada nilai-nilai positif ini.

Sehingga suatu ketika, Khalifah Harun ar-Rasyid pernah menghadiahkan Charlemane Raja Perancis, sebuah penemuan kaum Muslimin berupa jam automatik yang boleh berbunyi.

61 *Al-Muqaddimah* hal. 146.

Kononnya jam ini bukan sahaja membuatkan Raja Perancis dan para kakitangannya kehairanan, bahkan mereka mengira bahawa jam ini bekerja kerana digerakkan oleh syaitan dan jin.

Bahkan mereka mengira bahawa jam ini bekerja kerana digerakkan oleh syaitan dan jin.

Senario ini cukup untuk menunjukkan betapa kontras peradaban Islam dan Eropah pada masa itu.

Bidaah Egoisme

Ibnu Khaldun mengatakan bahawa, "Sebaliknya, jika Allah hendak meruntuhkan sesuatu bangsa, maka Allah akan membiarkan penduduk bangsa itu melakukan perbuatan-perbuatan tercela dan menelusuri jalan-jalan keburukan, sehingga hilanglah keutamaan politik daripada mereka sama sekali. Mereka akan terus mundur hingga hilang kekuasaan daripada tangan mereka dan beralih kepada bangsa lain... Kajilah bangsa-bangsa besar dalam sejarah, anda akan membuktikan kebenaran ucapan kami ini."

Ucapan ini kembali terbukti kebenarannya di dalam masyarakat Muslim.

Kedudukan terhormat yang dinikmati oleh kaum Muslimin selama berabad-abad itu mulai hilang dan berpindah kepada bangsa lain sejak lahirnya bidaah "egoisme" dalam generasi baru umat Islam.

Abdullah bin Umar berkata, "Pernah datang kepada kami suatu masa yang mana setiap orang tidak pernah berasa lebih berhak terhadap wang Dinar dan Dirhamnya daripada saudara seislamnya. Namun pada masa ini, Dinar dan Dirham lebih dicintai oleh seseorang daripada saudaranya sendiri." Diriwayatkan al-Bukhari dalam ***al-Adab al-Mufrad***.

...maka Allah akan menimpakan kepada kalian kehinaan yang tidak akan dicabut lagi hingga kamu kembali kepada (ajaran) agamamu.

Sejak kelahiran bidaah ini, umat Islam terus mengalami kemunduran dalam pelbagai bidang sebagai perwujudan ancaman Allah SWT.

Imam Ahmad dan **Abu Daud** meriwayatkan daripada Ibnu Umar, Rasulullah SAW pernah bersabda, "Jika kalian telah berjual beli secara *'inah*, dan mengambil ekor lembu, dan suka dengan bercucuk tanam sehingga meninggalkan jihad, maka Allah akan menimpakan kepada kalian **kehinaan** yang tidak akan dicabut lagi hingga kamu kembali kepada (ajaran) agamamu."[62]

Maknanya, jika kalian terlena dengan perniagaan, penternakan dan pertanian sehingga mengabaikan kewajiban berjuang (jihad) demi agama dan umat, maka kehinaan akan segera ditimpakan kepada umat Islam seluruhnya.

Satu-satunya cara untuk mengembalikan kehormatan tersebut adalah kembali berpegang teguh kepada ajaran agama yang menjunjung tinggi kebersamaan dan membenci egoisme.

Peduli Umat

Dengan demikian, kita harus sedar bahawa sikap tidak peduli umat ini, penyakit yang akan menghancurkan diri kita sendiri. Setiap orang harus menyedari sepenuh hati bahawa dirinya tidak akan selamat jika masyarakat di sekitarnya telah hancur.

Jadi, kita harus menjaga masyarakat demi menyelamatkan diri kita sendiri. Mulailah membuka mata terhadap setiap permasa-

62 *Sunan Abi Daud*, kitab *al-Ijarah*, no. 3462.

lahan yang dihadapi oleh masyarakat kita dan bersama-sama memikirkan solusinya.

Sebagai seorang Muslim, kita dituntut untuk meluaskan fikiran dan meningkatkan perhatian sehingga melampaui diri, masa dan tempat kita berada – bahkan melampaui semua benda yang ada di dunia ini.

Ibnu 'Asakir di **Tarikh Dimasyq** meriwayatkan daripada Sa'id bin 'Abdul Aziz at-Tanukhi: "Sesiapa yang tidak peduli dengan urusan kaum Muslimin, maka ia bukan bahagian daripada mereka."

Ucapan ini juga diriwayatkan daripada Nabi SAW namun dengan sanad-sanad yang tidak sahih, Ibnu al-Jawzi dan adz-Dzahabi menilainya sebagai palsu.

***Sayidina Ali bin Abi Thalib** pernah berkata, "Orang yang hanya berfikir untuk sesuatu yang masuk ke dalam perut (seperti makanan dan minuman), maka nilai orang itu tidak lebih daripada sesuatu yang keluar dari perut (najis)."*

Syeikh Ali al-Khawwas (seorang wali Allah abad ke-10 Hijriah) berkata: "Sesiapa yang mampu tertawa, bergurau dengan isterinya, mengenakan pakaian mewah atau pergi bercuti sementara kaum Muslimin ditimpa musibah, maka ia dan binatang sama saja."

Setiap orang yang mengkaji perkembangan dunia Islam di negaranya (apalagi di negara-negara lain) pasti menyedari bahawa umat ini sedang menghadapi masa-masa yang sangat berat. Kerosakan moral dalam kalangan pemuda, kebodohan dan kemiskinan yang sentiasa menghimpit dan mengancam kewujudan umat.

Kerosakan moral dalam kalangan pemuda, kebodohan dan kemiskinan yang sentiasa menghimpit dan mengancam kewujudan umat.

Kaum Muslimin benar-benar sedang memerlukan bantuan dan tindakan anda. Maka sudah sampai masanya untuk anda menghulurkan tangan dan berhenti berkata, "Bukan urusan saya!"

Bab 20

Berikan Makanan Halal untuk Anak

Setiap pengkaji mazhab asy-Syafi'i pasti mengenali nama **Imam Abdul Malik bin Abdullah bin Yusuf al-Juwaini** (419-478 H), lebih dikenali dengan panggilan Imam al-Haramain. Beliau seorang ulama besar mazhab asy-Syafi'i yang banyak berjasa dalam perkembangan ilmu-ilmu keislaman di dunia Islam abad ke-5 Hijriah.

Imam ahli hadis yang hidup bersamanya di kota Nisabur, **al-Hafiz Abdul Ghafir al-Farisi**, memujinya dengan berkata, "Beliau imam bagi semua imam secara mutlak, disepakati keimamannya di belahan timur dan barat."

Cukup untuk menunjukkan kebesaran beliau, Hujjatul Islam Abu Hamid al-Ghazali pergi dari kota Thus ke Nisabur untuk menimba ilmu daripadanya.

Kebesaran ini tidak dapat dipisahkan daripada jasa besar ayahnya (Imam Abdullah bin Yusuf al-Juwaini) yang sangat memerhatikan pertumbuhan jiwa anaknya jauh sebelum anak itu dilahirkan. Sejak bernikah, Imam al-Juwaini selalu memastikan nafkah yang diberikan kepada isterinya benar-benar halal dan bersih daripada syubhat, apalagi haram.

Setelah anaknya lahir, beliau juga tidak pernah mengizinkan orang lain menyusui anaknya selain daripada isterinya. Hal ini untuk memastikan tubuh anak itu tidak bercampur sesuatu yang tidak dapat dipastikan kehalalannya.

Ayahnya sangat marah. Lalu dia membalikkan tubuh bayi itu, menekan perutnya.

Imam Ibnu Khillikan dalam kitab ***Wafayat al-A'yan*** bercerita bahawa suatu hari ayah Imam al-Haramain pulang dari kerja dan mendapati isterinya sedang sakit. Dia melihat seorang jirannya sedang menyusui anaknya yang sedang menangis. Ayahnya sangat marah. Lalu dia membalikkan tubuh bayi itu, menekan perutnya, bahkan memasukkan jari ke dalam mulutnya sehingga anak itu memuntahkan apa yang diminumnya.

Al-Juwaini berkata, "Saya lebih suka melihat anak ini mati daripada tubuhnya dirosakkan dengan susu orang lain yang tidak diketahui kehalalannya."

Lebih kurang begitulah kisah sebagaimana yang diceritakan oleh Imam Tajuddin as-Subki dalam ***Thabaqat asy-Syafi'iah al-Kubra***.

Makna Halal

Pada bulan suci Ramadhan ini, saya sengaja memilih bahasan tentang makanan halal agar kita mengkaji semula apa yang kita makan dan apa yang kita berikan kepada keluarga kita.

Masalah ini sangat penting kerana Rasulullah SAW bersabda, "Sesungguhnya Allah Maha Baik (*Thayyib*) dan hanya menerima yang baik-baik sahaja. Sesungguhnya Allah SWT memerintahkan kaum Mukminin (perintah yang sama) dengan para rasul.

Firman Allah SWT:

﴿ يَٰٓأَيُّهَا ٱلرُّسُلُ كُلُوا۟ مِنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ وَٱعْمَلُوا۟ صَٰلِحًا ﴾

Maksudnya: *Wahai rasul-rasul! Makanlah daripada makanan yang baik-baik, dan kerjakanlah amal yang soleh.*[63]

Firman Allah SWT lagi:

﴿ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُلُوا۟ مِن طَيِّبَٰتِ مَا رَزَقْنَٰكُمْ ﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah di antara rezeki yang baik-baik yang kami berikan kepadamu.*[64]"

Diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abu Hurairah.[65]

Dari sini, ***Imam Ahmad*** *berpendapat bahawa makan merupakan aspek terpenting dalam agama.*

Imam al-Ghazali dalam ***Ihya'*** bercerita, suatu hari Imam Ahmad mendengar sahabatnya yang bernama Yahya bin Ma'in bergurau dengan berkata, "Aku tak pernah meminta kepada manusia. Andai syaitan sekalipun memberiku sesuatu, aku akan makan." Maksudnya, dia tidak akan menolak pemberian daripada sesiapa pun.

Mendengar kata-kata ini, Imam Ahmad menjadi sangat marah lalu menolak untuk berjumpa dengan Ibnu Ma'in selama berhari-

63 Surah al-Mu'minun (23) ayat 51.
64 Surah al-Baqarah (2) ayat 172.
65 *Sahih Muslim*, kitab *az-Zakat*, no. 2346.

hari. Lalu Ibnu Ma'in meminta maaf dan berkata: "Aku hanya bergurau."

Ahmad berkata: "Engkau bergurau dengan ajaran agama? Tidakkah engkau tahu bahawa makan itu bahagian daripada agama?"

Allah mendahulukan makan daripada amal soleh.

Firman Allah SWT:

﴿ يَٰٓأَيُّهَا ٱلرُّسُلُ كُلُوا۟ مِنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ وَٱعْمَلُوا۟ صَٰلِحًا ﴾

Maksudnya: *Makanlah daripada makanan yang baik-baik dan kerjakanlah amal yang soleh.*

(*Surah al-Mu'minun* 23: 51)

*Adapun "**halal**", maka secara bahasa, ia membawa makna "**lepas daripada sesuatu**". Misalnya kalimat "halla min ihramihi" ertinya terlepas daripada segala yang diharamkan dalam haji.*

Jadi, kita boleh menyimpulkan bahawa "makanan yang halal" bererti makanan yang telah benar-benar terlepas daripada unsur-unsur larangan yang menyebabkannya menjadi haram, sama ada yang berkaitan dengan zat makanan itu (seperti babi dan arak), ataupun yang berkaitan dengan cara memperolehnya (seperti rasuah dan riba).

Syubhat

Selain halal dan haram, terdapat bahagian ketiga yang terletak di antara kedua-duanya. Rasulullah SAW menamakan bahagian ketiga ini dengan "*umur musytabihat*" (perkara-perkara yang samar) atau syubhat.

"Sesiapa yang meninggalkan perkara-perkara yang syubhat, maka ia telah membersihkan kehormatan diri dan agamanya. Sesiapa yang jatuh ke dalam syubhat, maka ia terjatuh ke dalam haram." Riwayat al-Bukhari dan Muslim daripada an-Nu'man bin Basyir.[66]

Rasulullah SAW dan tokoh-tokoh salafussoleh kita selalu memastikan hanya makanan halal yang masuk ke dalam tubuh mereka. Imam al-Bukhari meriwayatkan bahawa Baginda SAW pernah mengeluarkan kurma zakat yang dimakan oleh cucu beliau yang masih kecil sambil bersabda, "Akh, akh. Tidakkah engkau tahu bahawa keluarga Muhammad tidak dihalalkan makan zakat?"[67]

Imam al-Bukhari juga meriwayatkan bagaimana Sayidina Abu Bakar pernah memaksa dirinya memuntahkan makanan yang beliau makan setelah diberitahu bahawa makanan tersebut mengandungi unsur syubhat.

Dalam ***Siar A'lam an-Nubala*** diceritakan ucapan **Bisyr bin al-Harits**: "Hanya sepuluh orang ulama sahaja yang makan makanan halal. Mereka berusaha agar tidak memasukkan ke dalam perut mereka kecuali yang halal, walaupun harus makan tanah dan pasir."

Hanya sepuluh ulama sahaja yang makan makanan halal.

Abu Bakar al-Maqaridhi bertanya: "Siapakah mereka?"

Bisyr berkata, "Sufyan (ats-Tsauri), Ibrahim bin Adham, al-Fudhail bin 'Iyadh dan anaknya (iaitu Ali bin al-Fudhail), Sulaiman al-Khawas, Yusuf bin Asbath, Abu Mua'wiyah Najih al-Khadim, Huzaifah al-Mar'asyi, Dawud al-Tha'i dan Wuhaib bin al-Ward."

Bisyr bin al-Harits ini dikenali dengan panggilan "Bisyr al-Hafi", seorang ulama yang zahid dan hidup semasa dengan Imam Ahmad bin Hanbal. Sepuluh nama yang ia sebutkan ini merupakan ulama-ulama besar yang pernah ia jumpai di pelbagai negara.

66 *Sahih al-Bukhari*, kitab *al-Iman*, no. 52, *Sahih Muslim*, kitab *al-Musaqat*, no. 4094.
67 *Sahih al-Bukhari*, kitab *az-Zakat*, no. 1491.

Halal dan Spiritual Anak

Kita semua tahu bahawa makanan yang dimakan oleh seorang anak sangat menentukan pertumbuhan tubuh dan otaknya. Kita harus tahu juga bahawa status makanan tersebut (apakah halal atau haram) sangat vital dalam perkembangan akhlak dan spiritualnya.

Makanan halal yang masuk ke dalam tubuh akan berubah menjadi tenaga murni yang melahirkan pelbagai kesan positif. Salah satu kesan terbesarnya adalah kelembutan hati yang menjadi modal utama keutamaan akhlak.

Dalam kitab ***Thabaqat al-Hanabilah*** diceritakan bahawa Umar bin Salleh suatu ketika bertanya kepada Imam Ahmad bin Hanbal, "Wahai, Abu Abdillah! Hati ini dapat menjadi lembut dengan apa?"

Imam Ahmad memandangnya cukup lama, lalu menunduk. Beliau kemudian berkata, "Dengan apa? Dengan memakan (makanan) yang halal."

Apabila hati telah lembut, maka seluruh anggota badan terasa ringan untuk melakukan ketaatan. Hal ini disepakati oleh semua ulama akhlak dan pengkaji hati manusia.

Jika engkau memasukkan ke dalamnya makanan yang halal, maka akan terbit amal soleh dari semua anggota tubuh.

Imam Muhammad bin Dawud ad-Daqqi berkata, "Perut adalah tempat makanan. Jika engkau memasukkan ke dalamnya makanan yang halal, maka akan terbit amal soleh daripada semua anggota tubuh. Jika engkau masukkan ke dalamnya makanan yang syubhat, maka akan tersamar jalan Allah daripadamu. Jika engkau

memasukkan makanan yang haram, maka akan wujud hijab antara dirimu dengan Allah SWT."

Kesan makanan haram terhadap akhlak dan perangai manusia juga dijelaskan oleh **Imam Sahl bin Abdillah at-Tustari**, "Sesiapa yang makan makanan yang haram, anggota tubuhnya akan melakukan maksiat, mahu tidak mahu, sedar atau tak sedar. Sesiapa yang makan makanan halal, semua anggota tubuhnya akan tunduk kepadanya dan ia akan diberikan taufik menuju perbuatan baik."

Bahkan tidak mustahil ia akan berjalan ke arah gejala sosial yang memalit muka keluarganya.

Dari sini, kita boleh menyimpulkan bahawa seorang anak yang sejak kecil selalu makan makanan haram atau syubhat, perkembangan akhlak dan spiritualnya akan terjejas. Bahkan tidak mustahil ia akan berjalan ke arah gejala sosial yang memalit muka keluarganya.

Setiap kali saya membaca kisah-kisah penyimpangan remaja masa kini yang berkaitan dengan seks bebas, penyalahgunaan dadah, kekerasan dan kes-kes lainnya, terdetik pertanyaan di benak saya, "Adakah semua ini berkaitan dengan makanan mereka makan sejak kecil?" Boleh jadi, terutama dalam sistem kehidupan moden kita yang tak boleh lepas daripada riba.

Peranan ibu bapa dalam menghindari terjadinya penyimpangan remaja ini sangat penting, salah satunya dengan memastikan nafkah halal sahaja yang diberikan kepada anak-anaknya.

Jika anda benar-benar sayang kepada anak anda, maka jadikan ucapan Ibnu al-Mubarak sebagai kaedah pencarian rezeki, "Menolak satu Dirham yang syubhat jauh lebih baik daripada bersedekah dengan 600 ribu Dirham."

Tergagap

Kembali kepada kisah **Imam al-Haramain** sebagaimana yang diceritakan oleh Ibnu Khillikan dan Tajuddin as-Subki.

Suatu ketika dalam suatu majlis diskusi, tiba-tiba Imam al-Haramain terlihat agak tergagap dalam menjawab pertanyaan. Belum pernah terjadi hal itu selama beliau menghadiri semua majlis diskusi dan perdebatan.

Lalu seseorang bertanya tentang sebab kegagapan tersebut. Imam al-Haramain menjawab, "Ini kesan daripada sisa-sisa susu yang aku minum pada hari itu."

Bab 21

Baiki Hubunganmu dengan Allah

Tokoh kita kali ini seorang ulama besar di Baghdad abad ketiga Hijriah. Beliau bernama **Muhammad bin Aslam**, panggilannya, Abu al-Hasan al-Tusi, seorang imam ahli hadis yang bergelar al-hafiz dan syaikhul Islam.

Al-Hafiz Abu Nu'aim al-Ishbahani dalam *Hilyat al-Awlia'* berkata, "Beliau sangat mengikuti atsar (hadis) dan menjauhi pendapat peribadi. Beliau dianugerahi kefasihan, balaghah, zuhud dan qanaah. Beliau mengalahkan semua musuhnya dengan hujah dan selalu berusaha untuk memperbaiki diri dan keadaannya."

Diriwayatkan mengenai Ibnu Aslam ini, setiap hadis yang beliau ketahui, segera dilaksanakan meskipun hadis tersebut lemah sanadnya. Beliau juga sangat kuat beribadah di tempat yang tersembunyi daripada pandangan manusia.

Beliau berkata: "Andai aku boleh melakukan ibadah tanpa dilihat oleh kedua malaikatku, nescaya aku akan melakukannya kerana takut dengan sifat riak."

Setiap malam, beliau selalu bermunajat sambil menangis hingga pagi.

Setiap malam, beliau selalu bermunajat sambil menangis hingga pagi. Lalu setiap kali hendak keluar rumah, beliau segera membasuh muka dan bercelak mata agar tidak ada yang mengetahui perbuatan tersebut. Demikianlah hubungan baik yang terbina antara Ibnu Aslam dengan Tuhannya.

Semua penduduk Baghdad pada masa itu sangat mencintai dan menghormati Ibnu Aslam, sehingga sering kali kebesarannya disamakan dengan Imam Ahmad bin Hanbal. Abu Nu'aim meriwayatkan bahawa pada hari kematiannya, kelihatan ratusan ribu bahkan jutaan manusia berdatangan untuk mengiringi jenazahnya ke perkuburan.

Melihat akan hal itu, **Imam Ahmad bin Nasr al-Khuza'i** berkata kepada murid-muridnya, "Wahai saudara-saudaraku sekalian! Perbaikilah hubunganmu dengan Allah SWT. Tidakkah kamu melihat (Ibnu Aslam ini), ketika beliau memperbaiki hubungannya dengan Allah, maka Allah lalu memperbaiki berjuta-juta manusia melalui dirinya."

Hubungan dengan Allah

Kata-kata Ahmad bin Nasr ini sangat mengena di hati saya. Benar ucapannya, jika kita menginginkan perubahan dalam masyarakat, maka mulailah dengan memperbaiki terlebih dahulu hubungan kita kepada Allah SWT.

Sebelum memulakan pekerjaan, kita dituntut untuk membetulkan niat terlebih dahulu dan menjadikan redha Allah sebagai sasaran tertinggi yang mesti diraih. Apabila niat telah lurus, maka cinta Allah sangat dekat dengan dirinya. Jika Allah telah mencintai seseorang, maka Allah akan membuat semua hamba-Nya mencintai orang itu.

Sebagaimana hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim daripada Nabi SAW, "Jika Allah telah mencintai seorang hamba, Jibrail menyeru di langit, sesungguhnya Allah telah mencintai polan, maka cintailah dia. Lalu semua penghuni langit segera mencintainya. Kemudian diletakkan baginya penerimaan (qabul) di atas bumi."[68]

Seorang ulama tabiin di Madinah yang bernama **Abu Hazim Salamah bin Dinar** pernah berkata, "Tidaklah seseorang memperbaiki hubungannya dengan Allah SWT, melainkan Allah akan memperbaiki hubungannya dengan semua hamba-Nya. Tidaklah ia merosakkan hubungannya dengan Allah, melainkan Allah akan merosakkan hubungannya dengan semua hamba-Nya."

Ikhlas selalu menjadi rahsia di sebalik kejayaan para ulama dan murabbi besar di dunia dalam membuat perubahan dalam masyarakat.

Saya sebutkan di sini kebesaran Imam Malik bin Anas, ulama Madinah yang menjadi rujukan umat Islam pada zamannya hingga kini.

Seorang muridnya yang bernama Abdullah bin Maslamah al-Qa'nabi berkata, "Saya melihat bahawa Allah SWT tidak mengangkat nama Malik bin Anas melainkan kerana rahsia (*sarirah*) yang terdapat antara dirinya dengan Allah SWT."

Begitu juga pandangan murid Imam Malik yang lain iaitu Abdullah bin al-Mubarak, "Saya melihat Imam Malik termasuk orang-

68 *Sahih al-Bukhari*, kitab *Bad' al-Khalq*, no. 3209, *Sahih Muslim*, kitab *al-Bir wa ash-Shilah*, no. 6705.

orang yang khusyuk. Allah mengangkatnya kerana ibadah rahsia yang beliau lakukan. Sering kali aku mendengar beliau berkata, "Siapa yang ingin dibukakan pintu hatinya, diselamatkan daripada kesakitan maut dan kengerian Hari Kiamat, maka hendaklah ibadahnya dalam sembunyi lebih banyak daripada ibadahnya yang dilihat (orang lain)."

Kedua-dua ucapan ini dapat anda temukan dalam kitab ***Tartib al-Madarik*** karya **Imam al-Qadhi 'Iyadh**.

Sebaliknya, setiap pekerjaan yang dilakukan agar dipuji manusia dan bukan kerana Allah hanya akan menimbulkan kebencian.

Setiap kali hendak solat, ia memakai wangian yang sangat harum lalu meninggikan suaranya ketika membaca surah.

Imam al-Baihaqi di dalam kitab ***Syu'ab al-Iman*** meriwayatkan daripada al-'Ala bin Ziyad, "Ada seorang lelaki yang selalu riak dengan amal ibadahnya. Setiap kali hendak solat, ia memakai wangian yang sangat harum lalu meninggikan suaranya ketika membaca surah. Namun, setiap kali ia berjumpa dengan manusia, semuanya mencaci maki dan membencinya.

Tidak lama kemudian, ia mendapat hidayah dan mulai menyembunyikan ibadahnya. Sejak saat itu, setiap kali berjumpa dengan manusia, mereka selalu memuji dan mendoakannya."

Mengenal Allah

Membina hubungan selalu dimulai dengan perkenalan. Tidak mungkin seseorang dapat menjalin hubungan mesra dengan pihak lain jika ia sendiri belum mengenalinya. Begitu juga bagi orang yang hendak menjalin hubungan baik dengan Allah SWT, maka ia harus mengenali tuhannya ini terlebih dahulu.

Mengenali Allah SWT dapat dimulai dengan merenungkan ayat-ayat al-Quran dan hadis yang bercerita tentang zat dan sifat Allah SWT, merasakan kebesaran Allah dengan bertafakur tentang keajaiban makhluk-makhluk ciptaan-Nya, dilanjutkan dengan usaha berterusan dalam pembersihan hati daripada sifat-sifat tercela agar dapat menerima cahaya Ilahi dengan jernih.

Seseorang yang ingin mengenal Allah SWT hendaklah selalu berzikir menyebut nama-Nya pada setiap waktu dan kesempatan.

Abu al-Qasim al-Qusyairi meriwayatkan ucapan gurunya al-**Ustaz Abu Ali ad-Daqqaq**, "Zikir ialah rukun yang sangat kuat dalam perjalanan menuju Allah SWT, bahkan ia adalah tiang utama jalan ini. Seseorang tidak akan sampai kepada Allah SWT melainkan dengan melazimkan zikir."

Ketika seorang pendakwah (*da'i*) melazimkan zikir dengan lisan dan hatinya, maka hal itu akan melahirkan sifat muraqabah, iaitu kesedaran bahawa Allah sentiasa mengawasi ucapan, perbuatan bahkan bisikan hatinya yang tersembunyi sekalipun.

Justeru, ia selalu berusaha menjaga dirinya daripada perkara-perkara yang dibenci Allah SWT ketika melakukan dakwahnya seperti niat menyakiti atau menghina orang lain, *ghibah*, riyak, hasad, cinta populariti dan lain-lain. Semua ini adalah penyakit-penyakit hati yang dapat merosakkan hubungannya dengan Allah, sekali gus menyuburkan benih-benih permusuhan dalam hubungannya dengan sesama manusia.

Semua ini adalah penyakit-penyakit hati yang dapat merosakkan hubungannya dengan Allah.

Syeikh Abu Usman al-Hiri berkata, "Abu Hafs berpesan kepadaku: 'Apabila engkau duduk (untuk berceramah) kepada manusia,

maka hendaknya ucapanmu itu ditujukan untuk hati dan dirimu sendiri. Jangan tertipu dengan perhimpunan manusia di sekitarmu kerana mereka memerhatikan zahirmu, sementara **Allah mengawasi batinmu**.'"

Akhlak Seorang 'Arif

Setelah seseorang memiliki pengetahuan mendalam tentang Allah SWT (ma'rifatullah), maka secara automatik akan terbit di dalam dirinya sifat-sifat istimewa yang membezakannya dengan manusia yang lain. Sifat-sifat itu antara lain ialah takut (*khauf*) dan hormat (*haibah*) kepada Allah.

> ***Ahmad bin 'Asim al-Anthaki*** *berkata, "Semakin seseorang mengenali Allah, maka semakin ia takut kepada-Nya."*

Sifat lain yang lahir juga adalah sikap penuh kasih sayang (rahmat) kepada semua makhluk ciptaan Tuhan, terutama saudara-saudaranya yang seagama. Setiap orang yang bergaul dengannya hanya akan merasakan kelembutan, ketenangan dan kedamaian meskipun berkali-kali mereka menyakiti perasaan dan tubuhnya.

Zun Nun al-Misri berkata, "Bergaul dengan seorang yang 'arif (orang yang mengenal Allah SWT) seperti bergaul dengan Allah; iaitu ia akan selalu menyambutmu dengan kesabaran dan kelembutan sebagaimana akhlak Allah SWT."

Ucapan ini mengisyaratkan sebuah hadis Nabi SAW:

مَا أَحَدٌ أَصْبَرُ عَلَى أَذًى سَمِعَهُ مِنَ اللهِ. يَدَّعُوْنَ لَهُ الْوَلَدَ، ثُمَّ يُعَافِيْهِمْ وَيَرْزُقُهُمْ.

Maksudnya: *Tidak ada seorang pun yang lebih penyabar daripada Allah SWT. Mereka menyekutukan-Nya dan menisbahkan anak ke-*

pada-Nya, namun Allah tetap memberikan mereka kesihatan dan rezeki.

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim daripada Abu Musa al-Asy'ari)[69]

Saya rasa itulah sebab mengapa salah satu sifat Rasulullah SAW sebagai seorang pendakwah yang berjaya menarik manusia menuju hidayah Allah SWT dengan cara berlemah lembut dan tidak pernah kasar kepada sesiapa pun.

Allah SWT memuji sifat itu dengan firman-Nya:

﴿ فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ ٱللَّهِ لِنتَ لَهُمْ ۖ وَلَوْ كُنتَ فَظًّا غَلِيظَ ٱلْقَلْبِ لَٱنفَضُّوا۟ مِنْ حَوْلِكَ ﴾

Maksudnya: *Maka disebabkan rahmat daripada Allah, kamu berlaku lemah lembut terhadap mereka. Sekiranya kamu bersikap keras lagi berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri daripada sekelilingmu.*

(*Surah Ali 'Imran* 3: 159)

Sifat ini hanya lahir dari hati yang sangat mengenali Tuhannya lalu berusaha menerapkan sifat-sifat-Nya di dalam kehidupan.

Lari daripada Allah

Akhirnya, tugasan dakwah merupakan lanjutan daripada tugas Rasulullah SAW dalam **menunjukkan jalan** bagi manusia yang ingin kembali kepada Tuhannya. Maka tugas ini sangat memerlukan penerapan sempurna sifat-sifat dan manhaj nabawi dalam diri dan pelaksanaannya agar mendapat hasil yang diredhai oleh Allah dan rasul-Nya.

69 *Sahih al-Bukhari*, kitab *al-Adab*, no. 6099, *Sahih Muslim*, kitab *Sifat al-Munafiqin*, no. 7080.

Sesuatu yang harus ditakuti oleh seorang pendakwah adalah termasuk dalam ucapan yang diriwayatkan daripada **Sayidina Ali bin Abi Thalib r.a.**, "Berapa banyak pendakwah (yang mengajak manusia kembali) kepada Allah, namun ia sendiri lari daripada-Nya."

Semua Ilmu Penting

Kisah berikut ini berkenaan dengan perjalanan hidup seorang ahli hadis bernama **al-Hafiz Abu Bakar Ahmad bin Ibrahim al-Isma'ili** dari kota Jurjan (sekarang berada di kawasan Iran). Beliau seorang ulama yang sangat besar dalam bidang fiqah dan hadis. Buku-buku karangannya sangat banyak antara lain, kitab ***al-Mustakhraj 'ala Sahih al-Bukhari*** yang mendapat pujian ramai ahli hadis. Beliau wafat pada tahun 371H.

Sebagai ahli hadis yang memandang negatif terhadap ahli kalam, tokoh kita ini sangat membenci ilmu kalam dan membenci orang-orang yang mempelajarinya. Padahal sebenarnya tidak ada masalah dengan ilmu ini jika ia digunakan untuk membela ajaran al-Quran dan as-Sunnah dengan hujah-hujah rasional.

Kita kembali kepada kisah Abu Bakar al-Isma'ili. Beliau bercerita, "Suatu hari saya masuk ke kota Ray. Aku segera mendatangi

sebuah masjid untuk melakukan solat dua rakaat. Ketika solat, tiba-tiba aku mendengar suara dua orang lelaki yang sedang berdiskusi tentang ilmu kalam.

Dalam hati aku berasa tidak suka, lalu aku mempercepat solatku agar meninggalkan tempat itu segera.

Namun, tanpa sedar suatu ucapan mereka melekat di hatiku. Mereka berkata, sebenarnya aliran Syiah Ismailiyyah sangat bodoh akalnya. Seorang ulama tidak perlu menyusahkan diri untuk mengajukan dalil ketika berdebat dengan mereka. Cukup sekadar tanyakan "mengapa?", maka mereka tidak akan mampu menjawabnya.

Lalu aku cepat-cepat pergi dari tempat itu.

Tidak lama setelah itu, kebetulan para pengikut aliran Syiah Ismailiyyah di Ghazna terang-terangan menyatakan bahawa mereka keluar daripada agama Islam. Mereka menulis surat kepada Sultan Wasymaker, Penguasa Ghazna (sekarang di Afghanistan), untuk menyatakan pendirian mereka itu. Mereka berkata, "Kami tidak menerima agama Muhammad kecuali jika kamu dapat menunjukkan mukjizat. Jika kamu dapat memperlihatkannya, kami akan kembali kepada agama Islam."

Keadaan ini semakin genting apabila mereka mengutuskan seorang tokoh yang sangat licik untuk mewakili mereka. Orang itu mendatangi Sultan dan berkata kepadanya, "Engkau seorang raja dan penguasa. Seorang raja tidak boleh bersikap seperti orang awam, ia tidak boleh bertaklid dalam akidah. Jadi, ajukanlah bukti-bukti kebenaran agamamu."

Sultan menjawab: "Aku tidak akan berdebat denganmu. Akan tetapi, aku akan memilih seorang ulama daripada rakyatku yang akan berdebat denganmu di hadapanku."

Orang itu segera berkata: "Pilihlah Abu Bakar al-Isma'ili." Ini adalah kerana ia tahu bahawa tokoh ini hanya seorang ahli hadis belaka dan tidak tahu-menahu tentang ilmu kalam. Namun, Sultan yang mengira setiap ulama pasti menguasai semua ilmu, terus segera menjawab: "Memang itu niatku. Ia seorang ulama yang sangat terkenal."

Sultan Wasymaker segera menulis surat perintah untuk membawa Imam Abu Bakar al-Isma'ili dari kota Jurjan ke Ghazna. Mendengar perintah ini, semua ulama di negeri itu putus harapan. Mereka yakin bahawa agama Islam pasti kalah. Dalam hati mereka berkata: "Si kafir ini pasti dapat mengalahkan Imam Abu Bakar al-Isma'ili."

Mereka tidak dapat memberitahu perkara sebenar kepada Sultan kerana takut baginda sultan akan menuduh mereka iri hati. Para ulama ini hanya mampu berdoa kepada Allah agar Dia menolong agama-Nya.

Abu Bakar al-Hafiz berkata: "Setelah menerima surat perintah daripada Sultan, aku tidak dapat menolak. Sepanjang perjalanan aku berkata di dalam hati: *Inna lillah*, bagaimana aku dapat berdebat tentang suatu perkara yang tidak aku kuasai?

Adakah aku harus menjelaskan sendiri kepada Sultan keadaan diriku agar baginda sultan memilih orang lain untuk membela agama Islam?

Aku menyesal kerana seumur hidup tidak pernah mengkaji ilmu kalam. Tiba-tiba aku teringat akan perbualan dua orang lelaki di masjid Ray. Hatiku menjadi kuat kembali. Aku akan menjadikan ucapan mereka sebagai peganganku."

Aku menyesal kerana seumur hidup tidak pernah mengkaji ilmu kalam.

Ketika Abu Bakar al-Hafiz ini tiba di Ghazna, Sultan dan semua rakyat menyambutnya. Tidak lama kemudian, tokoh bidaah itu datang dan segera dipertemukan dengan tokoh

sunnah ini. Sultan berkata kepadanya: "Sila jelaskan mazhabmu agar Imam Abu Bakar mendengarnya."

Dengan penuh semangat, ia segera menjelaskan mazhabnya dengan panjang lebar. Satu persatu prinsip aliran sesatnya disebutkan dengan penuh keyakinan.

Setelah ia menyelesaikan semua yang hendak ia sampaikan, giliran Imam Abu Bakar pula berucap. Beliau tidak berkata apa-apa selain mengajukan satu soalan kepadanya: "Mengapa?"

Apabila mendengarkan soalan ini, tokoh aliran sesat itu terkejut. Ia menyangka Imam di hadapannya ini telah menguasai selok-belok mazhabnya. Ia hanya terdiam dan tidak berani berkata apa-apa lagi. Sultan bersama seluruh rakyat bertakbir melihat kemenangan tersebut.

Imam Abu Bakar al-Isma'ili sangat bersyukur kerana Allah telah menyelamatkannya daripada situasi sulit ini. Ia berkata: "Sejak saat itu, aku termotivasi untuk mengkaji ilmu kalam. Aku yakin bahawa ilmu ini adalah salah satu tiang daripada tiang-tiang agama Islam."

Semua Ilmu Penting

Saya mengambil kisah ini daripada kitab "*al-I'tisham*" karya **Imam Abu Ishaq Ibrahim bin Musa asy-Syathibi** (w. 790H), seorang ahli fiqah mazhab Maliki kesukaan saya. Beliau mengambil kisah ini daripada Imam al-Hafiz Abu Bakar Muhammad bin Ahmad yang terkenal dengan sebutan Ibnu al-'Arabi (w. 543H) dalam kitabnya ***al-'Awashim wal Qawashim***.

Kisah ini biasa saya sampaikan apabila mendengar ucapan negatif daripada rakan-rakan dan murid-murid yang tidak menyukai mata pelajaran tertentu sehingga ia tidak bersemangat untuk

mengkajinya. Seorang murid berkata, "Saya benci ilmu matematik," seorang yang lain berkata, "Saya tidak suka faraid."

Saya pernah berjumpa seorang teman yang enggan mempelajari ilmu kalam dan ilmu falak atas alasan yang tidak relevan sama sekali.

Kepada orang-orang ini, saya mengatakan bahawa semua ilmu penting dipelajari sebab kita tidak pernah tahu, apakah kesulitan yang sedang menunggu kita pada masa hadapan. Boleh jadi, ilmu yang tidak kita sukai itu sangat diperlukan dalam kerjaya kita pada masa akan datang.

Boleh jadi, ilmu yang tidak kita sukai itu sangat diperlukan dalam kerjaya kita pada masa akan datang.

Ilmu Fardhu Kifayah

Bahkan jika kita membuka fikiran kita lebih luas lagi sehingga kita melihat umat Islam sebagai keluarga, maka ilmu-ilmu tertentu hukumnya menjadi wajib kita pelajari.

Itulah sebabnya, Imam al-Ghazali di dalam kitab ***Ihya' 'Ulumiddin*** menegaskan bahawa sebahagian daripada ilmu pengetahuan, meskipun ia bukan daripada ilmu-ilmu agama, hukum mempelajarinya boleh menjadi fardu kifayah. Dalam erti kata, jika seluruh umat meninggalkannya, maka mereka semua berdosa.

Al-Ghazali menjelaskan, sifat utama ilmu kategori ini adalah ia menjadi tumpuan kelangsungan hidup manusia di muka bumi. Sehingga jika diabaikan maka seluruh umat akan mengalami kesukaran hidup. Ilmu-ilmu itu antara lain disebutkan seperti ilmu kedoktoran, matematik, pertanian, politik, jurutera dan lain-lain.

Para ulama sepakat menyatakan bahawa sebahagian daripada umat Islam mesti ada yang menguasai ilmu-ilmu ini sehingga umat tidak lagi memerlukan bangsa lain untuk menguruskan keperluan dasar hidup mereka.

Harmalah bin Yahya meriwayatkan bahawa Imam asy-Syafi'i sangat kecewa dengan sikap kaum Muslimin pada masanya yang mengabaikan ilmu kedoktoran. Beliau berkata, "Mereka telah mengabaikan sepertiga ilmu lalu menyerahkannya kepada Yahudi dan Nasrani."

Asy-Syafi'i juga berkata, "Setelah ilmu halal dan haram, aku tidak mengetahui suatu ilmu yang lebih mulia daripada ilmu kedoktoran. Akan tetapi, ahli kitab telah mengalahkan kita dalam ilmu ini."

Motivasi

Seorang pelajar dalam bidang ilmu apa pun akan merasakan dorongan kejayaan luar biasa jika ia menjadikan perintah agama sebagai motivasi utamanya.

Oleh itu, ia akan menjadikan masa-masa persekolahannya sebagai perjuangan suci (jihad) untuk meninggikan kalimat Allah.

Saya teringat akan kisah seorang pemuda Anshar yang baru berusia 11 tahun yang bernama **Zaid bin Tsabit** di Madinah. Rasulullah SAW pernah memerintahkannya untuk mempelajari bahasa Yahudi untuk menjamin keamanan umat Islam daripada tipu daya mereka. Zaid menerima perintah ini sebagai tugas suci untuk berkhidmat bagi agama Islam dan kaum Muslimin. Akibatnya, dalam waktu 17 hari sahaja, Zaid telah mahir berbahasa Yahudi secara tulisan dan percakapan sekali gus.

Jika dibandingkan dengan diri kita yang bertahun-tahun mempelajari bahasa Arab, bahasa al-Quran dan hadis yang menjadi tumpuan agama kita, namun belum mampu menguasainya juga. Jelas bahawa motivasi belajar kita tidak seperti motivasi yang menggerakkan Zaid bin Tsabit.

Bab 23

Jangan Cepat Menilai

Imam Abdurahman bin 'Amr al-Awza'i (w. 157H) seorang ulama pakar hadis dan fiqah dari Syam. Beliau terkenal telah mencapai darjat ijtihad sehingga memiliki mazhab fiqah tersendiri yang menjadi ikutan penduduk Syam selama ratusan tahun.

Suatu hari, Imam al-Awza'i berjumpa dengan teman karibnya dari Khurasan, yang juga seorang ulama terkenal, **Imam Abdullah bin al-Mubarak** (w. 181 H). Temannya ini terkenal kerana sering kali pergi ke pelbagai negara untuk menuntut ilmu daripada para ulama.

Dalam perbualan, al-Awza'i bertanya kepadanya, "Siapakah ahli bidaah yang sekarang ini sedang keluar di Kufah, namanya Abu Hanifah?"

Ibnu al-Mubarak tidak menjawab soalan ini. Sebaliknya, beliau hanya melontarkan masalah-masalah fiqah yang sangat sukar, lalu

menghuraikannya sambil menyebutkan fatwa-fatwa yang berkenaan dengannya.

Sebagai tokoh fiqah, al-Awza'i mengetahui ketinggian nilai fatwa-fatwa yang disebutkan Ibnu al-Mubarak. Beliau menjadi sangat tertarik lalu bertanya: "Siapakah pemilik fatwa-fatwa ini?"

Ibnu al-Mubarak menjawab: "Seorang ulama yang saya temui di Iraq."

Al-Awza'i berkata lagi: "Ulama ini mestilah seorang pakar fiqah yang hebat. Teruskan menimba ilmu daripadanya."

Lalu Ibnu al-Mubarak berkata: "Ulama itu bernama Abu Hanifah."

Imam al-Awza'i tertegun. Matanya baru terbuka bahawa Abu Hanifah yang selama ini dibencinya ternyata tidak seperti yang disangka.

Beberapa bulan kemudian, al-Awza'i berjumpa dengan Abu Hanifah di Makkah ketika mereka melaksanakan ibadah haji. Ia segera mengambil kesempatan itu untuk bermuzakarah dengannya masalah-masalah fiqah.

Setelah berpisah, al-Awza'i berkata kepada Ibnu al-Mubarak, "Aku iri dengan keluasan ilmu dan kecerdasan lelaki ini. Aku meminta ampun kepada Allah, aku telah melakukan kesalahan yang nyata. Teruslah belajar daripadanya, sesungguhnya ia tidak seperti berita-berita yang aku dengar tentangnya."

Tergesa-gesa

Kisah ini diceritakan oleh Imam Syihabuddin Ahmad bin Hajar al-Haitami (w. 974H) di dalam kitabnya ***al-Khairat al-Hisan fi Manaqib al-Imam Abi Hanifah an-Nu'man***.

Saya menyimpulkan pengajaran yang sangat berharga daripada kisah ini, iaitu jangan mudah menghukum atau menilai sebelum difikirkan dengan sempurna seluruh aspeknya.

Manusia memang makhluk yang suka tergesa-gesa dalam segala perkaranya.[70] Mereka sentiasa ingin meraih keinginan dengan cepat, dan juga mencapai kesimpulan dengan cepat. Untuk sebahagian perkara yang banyak bahagian dan cabangnya, juga terbuka untuk pelbagai versi dan pentafsiran, sikap tergesa-gesa hanya akan membawa akibat yang akan disesali di kemudian hari.

Sikap tergesa-gesa hanya akan membawa akibat yang akan disesali di kemudian hari.

'Amr bin al-'Ash (seorang sahabat Nabi SAW) berkata, "Seseorang hanya akan menuai penyesalan daripada sikap tergesa-gesa."

Islam sangat **membenci sikap terburu-buru** (*al-'ajalah*) dan sangat menganjurkan agar kita selalu **bertenang** (*al-anah)* dalam apa-apa perkara sekalipun. Itulah sebabnya, Islam memberi kesempatan cerai (talak) hingga tiga kali. Islam juga memberi kesempatan bagi pasangan yang bercerai untuk memikirkan keputusannya kembali dengan meletakkan hukum 'iddah.

Begitu juga pelbagai hukum Islam lainnya yang terlalu banyak untuk disebutkan di sini.

Semua ini memberikan pemahaman bahawa Islam ingin kita tidak berucap atau bertindak sebelum memikirkan semua risikonya.

Dalam hadis riwayat Imam Muslim, Rasulullah SAW bersabda kepada Asyaj Abdil Qais: *"Sesungguhnya engkau memiliki dua sifat yang sangat disukai Allah dan rasul-Nya, iaitu penyabar (al-hilm) dan bertenang (al-anah)."*[71]

70 Surah al-Anbiya' (21) ayat 37.
71 *Sahih Muslim*, kitab *al-Iman*, no. 117.

Dalam hadis lain, **Imam at-Tirmizi** meriwayatkan daripada Sahl bin Saad as-Sa'idi bahawa Rasulullah SAW bersabda:

اَلْأَنَاةُ مِنَ اللهِ، وَالْعَجَلَةُ مِنَ الشَّيْطَانِ.

Maksudnya: *Sikap bertenang adalah daripada Allah, dan sikap tergesa-gesa adalah daripada syaitan.*[72]

Maksudnya, wallahu a'lam, sikap tergesa-gesa hanya akan membawa kerosakan dan kehancuran diri sepertimana yang selalu diinginkan oleh syaitan untuk manusia.

Bertenang

Sikap bertenang merupakan ciri yang selalu terdapat dalam diri para ulama salaf yang merupakan tokoh-tokoh ikutan kita. Dalam menetapkan suatu hukum misalnya, mereka selalu memikirkannya berkali-kali sehingga kadang-kadang memerlukan masa yang cukup panjang.

Imam Ahmad bin Hanbal (w. 241H) berkata: "Seringkali aku menghabiskan masa tiga tahun (dalam memikirkan suatu hukum), namun aku tetap belum mendapat jawaban yang meyakinkan."

Sebaliknya, beliau menunduk begitu lama untuk berfikir sambil menggoreskan sebatang kayu ke tanah.

Imam Malik bin Anas (w. 179H) pernah ditanya oleh seseorang tentang makna "Allah beristiwa di atas 'Arsy", beliau tidak segera menjawab soalan ini. Sebaliknya, beliau menunduk begitu lama untuk berfikir sambil menggoreskan sebatang kayu ke tanah. Imam ahli Madinah yang sangat warak ini **tidak berani tergesa-gesa menjawab soalan** yang berkaitan dengan zat dan sifat Allah.

72 At-Tirmizi, kitab *al-Bir wa ash-Shilah*, no. 2012. Beliau berkata: "Ini hadis gharib. Sebahagian ulama memperkatakan Abdul Muhaimin bin Abbas bin Sahl, dan melemahkan hafazannya."

Akhirnya, beliau hanya berkata: "Istiwa' telah maklum, caranya tidak diketahui, bertanya tentangnya adalah bidaah, dan aku rasa engkau (orang yang bertanya) adalah ahli bidaah. Keluarkan ia dari sini."

Lanjutan daripada sikap berhati-hati ini, kita sering mendengar para ulama yang beristikharah terlebih dahulu sebelum memulai penulisan suatu artikel ataupun buku. **Imam al-Bukhari** (w. 256H) melakukan ini, juga **al-Muzani** (murid Imam asy-Syafi'i yang wafat pada 264H) dan **Ibnu Khuzaimah** (w. 311H).

Mereka meminta agar Allah memilih untuknya, adakah harus menuliskan idea yang ada di mindanya itu atau tidak?

Sering kali sebuah tulisan melahirkan fitnah yang tidak berkesudahan dalam masyarakat meskipun niat awal penulisnya cukup baik (bayangkan jika sejak awal lagi niatnya sangat buruk!). Kita tak tahu apa yang akan terjadi, Allah Yang Maha Mengetahui segala-galanya.

Perpecahan

Apabila budaya bertenang dan tidak tergesa-gesa ini hilang, maka sikap tuduh-menuduh bahkan fitnah kelihatan ketara dalam masyarakat. Sebuah berita yang belum dikaji kesahihannya atau tidak sempurna versinya, selalu menjadi landasan untuk menilai negatif saudara sendiri lalu memusuhinya sebagaimana yang terjadi pada kisah di atas.

Padahal, jika kita mahu membuka diri untuk versi lain daripada berita itu, atau berusaha memahami *setting* yang menjadi latar belakang berita itu, boleh jadi fikiran negatif itu tidak akan pernah lahir dalam kepala kita.

Pemuda dari Mesir

Dalam kitab ***Sahih al-Bukhari***, seseorang dari Mesir bertanya kepada Ibnu Umar r.a. tentang Khalifah Uthman bin 'Affan r.a. Penduduk Mesir pada masa itu kebanyakannya sangat membenci khalifah dan berancang untuk memberontak kepada kerajaan.

Lelaki itu berkata: "Benarkah Uthman melarikan diri dalam Perang Uhud?" Ibnu Umar menjawab: "Ya."

Dia bertanya lagi: "Benarkah Uthman juga tidak hadir dalam Perang Badar?" Ibnu Umar menjawab: "Ya."

Dia berkata lagi: "Benarkah Uthman juga tidak hadir dalam peristiwa Bai'atul-Ridwan?" Sekali lagi Ibnu Umar menjawab: "Ya."

Orang itu segera bangkit sambil bertakbir: "Allahuakbar." Dia menyangka bahawa persepsi buruk dan kebenciannya kepada Sayidina Uthman selama ini memang beralasan. Ia semakin yakin bahawa Khalifah Uthman adalah seseorang yang sangat buruk kerana perbuatan-perbuatan keji yang telah disahihkan oleh Ibnu Umar tadi.

Menyedari kesalahfahaman ini, Ibnu Umar segera berkata: "Ke sinilah kamu agar aku jelaskan (perkara sebenarnya). Adapun Uthman lari pada Perang Uhud, maka aku bersaksi bahawa Allah telah memaafkannya (sebagaimana firman Allah dalam Surah Ali Imran (3): 155).

"Kamu akan mendapatkan pahala dan ghanimah perang seperti orang yang menghadiri Perang Badar."

Adapun ketidakhadirannya dalam Perang Badar disebabkan isterinya, Ruqayyah binti Rasulullah SAW, sedang sakit. Rasulullah SAW memerintahkan Uthman merawat isterinya dan bersabda: "Kamu akan mendapatkan pahala dan ghanimah perang seperti orang yang menghadiri Perang Badar."

Adapun ketidakhadirannya pada Bai'atul-Ridwan, disebabkan Rasulullah telah mengutusnya pergi ke Makkah. Andai ada orang lain yang lebih terhormat di kota Makkah daripada Uthman, nescaya Baginda akan mengutus orang itu. Baiah (sumpah setia) itu terjadi setelah kepergian Uthman, Rasulullah bersabda: "Ini tangan Uthman," lalu Baginda menepukkan tangan itu ke tangannya (sebagai tanda baiah Uthman)."

Persepsi tentang Khalifah Uthman bin Affan berbalik 180 darjat apabila berita tentang beliau dijelaskan dengan sempurna, bukan terpecah-pecah. Beliau ternyata seorang tokoh yang sangat mulia di sisi Rasulullah SAW, tidak seperti sangkaan lelaki ini sebentar tadi.

Persepsi tentang Khalifah Uthman bin Affan berbalik 180 darjat apabila berita tentang beliau dijelaskan dengan sempurna.

Lalu Ibnu Umar berkata: "Sekarang, pergilah kamu sambil membawa maklumat ini."[73]

Sering kali kita bersikap seperti lelaki Mesir ini. Kita melihat sesuatu masalah menerusi satu sudut yang tidak sempurna, akhirnya kesimpulan yang kita buat pun turut tidak sempurna.

70 Alasan

Setelah kita meninggalkan sikap tergesa-gesa dalam semua perkara ini, kita akan menjadi orang yang lebih terbuka dalam pergaulan dengan orang lain. Kita melihat kawan dan musuh dengan pandangan baru yang berbeza daripada sebelumnya.

Dunia yang kita diami akan menjadi tempat yang lebih selesa untuk diduduki bersama.

Setiap kali kita melihat seseorang melakukan sesuatu yang kita anggap suatu kesalahan, maka fikiran kita tidak segera membuat

73 *Sahih al-Bukhari*, kitab *Fadhail ash-Sahabah*, no. 3698.

sebarang penilaian sebelum membuat pelbagai andaian untuk memahami tindakan tersebut secara positif.

Sejak dahulu, para ulama kita selalu berkata, "Carilah **70 alasan** untuk memaafkan sikap saudaramu. Jika hatimu tetap enggan menerimanya juga, maka kekerasan hatimu itu yang lebih patut dicela."

Bab 24

Hikmah Tidak Mengenal Usia

Budak kecil memang mentah. Ilmunya belum banyak dan pengalamannya belum matang. Namun begitu, sering kali hikmah keluar dari lidah mereka. Ini adalah kerana hikmah dan kebenaran tidak mengenal usia dan kedudukan.

Dalam ***Siar A'lam an-Nubala'***, **al-Hafiz adz-Dzahabi** menceritakan kisah berikut ini. Ia berkenaan dengan biografi **Imam Muhammad bin Ismail a-Bukhari** (w. 256H), ahli hadis yang sangat terkenal dengan bukunya ***al-Jami' as-Sahih*** (masyhur dengan sebutan ***Sahih al-Bukhari***)".

Pada masa kecilnya, Imam al-Bukhari sering mendatangi majlis seorang ulama hadis bernama ad-Dakhili, untuk menulis hadis daripadanya. Dalam suatu majlis awam, di hadapan seluruh manusia, ad-Dakhili keliru membaca sanad hadis: "Sufyan, daripada Abu az-Zubair, daripada Ibrahim."

Al-Bukhari yang ketika itu berusia 11 tahun segera menegur gurunya. Beliau berkata, "Sanad ini keliru. Abu Zubair tidak pernah meriwayatkan hadis daripada Ibrahim."

Setelah mendengar teguran ini, ad-Dakhili membentaknya. Namun, al-Bukhari tetap yakin dengan ucapannya. Beliau berkata, "Cubalah tuan periksa kembali buku catatan tuan."

Ad-Dakhili segera masuk ke dalam rumahnya untuk merujuk buku catatannya. Tidak lama kemudian, beliau keluar sambil berkata: "Bagaimanakah sanad yang sebenarnya, wahai budak?"

Ad-Bukhari berkata: "Sanad sebenarnya adalah daripada al-Zubair bin 'Adi (bukan Abu al-Zubair), daripada Ibrahim..."

Ad-Dakhili segera mengambil pensel, lalu memperbaiki kitabnya sambil berkata, "Kamu benar."

Persepsi yang Salah

Kisah ini bukan hanya menunjukkan ketelitian al-Bukhari, tetapi juga memperlihatkan ketinggian adab ad-Dakhili. Tidak banyak yang dapat mendengar usul orang yang lebih muda daripadanya, apatah lagi menerima pembenaran daripadanya.

Kebanyakan manusia segera menolak ucapan mereka sambil memperlihatkan "kuasa senioriti" yang dimilikinya. Ia berkata, "Aku lebih banyak makan asam garam daripada kamu!"

Mereka menggandingkan kebenaran dengan usia bahawa yang tua selalu benar dan yang muda selalu salah.

Orang-orang seperti ini memiliki persepsi keliru tentang kebenaran. Mereka menggandingkan kebenaran dengan usia bahawa yang tua selalu benar dan yang muda selalu salah. Padahal, teori ini tentu sahaja tidak selamanya benar.

Persepsi ini selalunya melahirkan sikap tertutup dan pemaksaan kehendak. Berapa banyak ibu bapa yang bersedia mendengar saranan anaknya? Berapa banyak yang berusaha mengambil tahu apa sebenarnya yang mereka inginkan?

Kebanyakan orang yang lebih tua tidak memerlukan saranan daripada yang lebih muda, namun, ia memerlukan tenaganya. Itulah sebabnya mereka sering memerintah, namun jarang meminta saranan.

Sikap ini tentu sahaja tidak sihat. Walau sepandai mana sekalipun seseorang, ia tetap terbuka untuk kesalahan. Oleh itu, ia harus terbuka untuk mendengar saranan daripada orang lain, meskipun orang itu jauh lebih muda daripadanya.

Tanda Tawaduk

Bersedia menerima kebenaran meskipun berasal daripada orang yang lebih muda adalah tanda tawaduk. Ia tidak membawa kehinaan, malah mengundang penghormatan dan kekaguman daripada orang-orang di sekitarnya.

Jika ia seorang ibu bapa, anak-anaknya akan merasakan ketenteraman setiap kali bersamanya. Jika ia seorang pemimpin di tempat kerja, semua pekerja bawahannya akan bekerja dengan ikhlas dan penuh semangat.

Jika ia seorang ulama, maka sifat ini akan menambahkan lagi ilmu dan wibawanya. Imam ahli hadis dan fiqah di Kufah, Waki' bin al-Jarrah, pernah berkata, "Tidak akan sempurna seorang ulama sebelum ia belajar daripada orang yang lebih tua daripadanya, yang lebih muda daripadanya, dan yang seusia dengannya."

Sebaliknya, sikap menolak kebenaran kerana faktor usia adalah satu bentuk kesombongan. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Kesombongan adalah menolak kebenaran dan merendahkan orang lain." Hadis riwayat Muslim.[74]

Orang yang sombong, jauh daripada Allah dan jauh daripada manusia. Jika ia seorang ibu bapa, anak-anaknya tidak menyukai kehadiran dirinya dan selalu ingin menjauh dari rumah. Jika ia seorang pemimpin kerja, setiap pekerja bawahannya berasa tertekan dan selalu mencari alasan untuk melarikan diri. Jika ia seorang ulama, maka semua manusia membencinya sehingga ilmunya tidak bermanfaat untuk orang ramai.

Islam Menghargai Bakat Muda

Sesiapa yang mengkaji sejarah akan melihat bahawa masyarakat Islam generasi awal sangat menghargai bakat-bakat muda. Mereka menghargai suara dan sumbangan seseorang walau semuda mana sekalipun usianya. Masyarakat Islam kala itu tidak menilai seseorang kerana usia dan keturunannya, akan tetapi kerana potensi yang dimilikinya.

Rasulullah SAW pernah menunjuk **'Attab bin Usaid** menjadi pemimpin kota Makkah, padahal usianya masih 17 tahun sahaja. Baginda juga pernah mengangkat Usamah bin Zaid (usia 20 tahun) sebagai kepala pasukan ke negeri Syam, padahal dalam pasukan itu, terdapat orang-orang yang jauh lebih tua dan berpengalaman daripadanya.

Apabila Khalifah Abu Bakar as-Siddiq berniat membukukan al-Quran, beliau segera memilih Zaid bin Tsabit menjadi ketua projek tersebut. Padahal, usia Zaid ketika itu tidak lebih daripada 22 tahun, dan ramai orang yang lebih tua daripadanya.

74 *Sahih Muslim*, kitab *al-Iman*, no. 265.

Selanjutnya, Khalifah Umar bin al-Khattab selalu menyertakan Ibnu 'Abbas dalam mesyuarat tertinggi negara padahal usianya masih 20-an. Malah, Sayidina Umar sering menerima saranan dan nasihat Ibnu Abbas dalam banyak perkara.

Kelebihan Ibnu Abbas

Imam al-Bukhari meriwayatkan bahawa suatu ketika para anggota majlis mesyuarat yang lebih tua tidak setuju dengan sikap Khalifah ini. Mereka berkata: "Mengapakah engkau menyertakan Ibnu Abbas dalam majlis, padahal usianya macam anak-anak kami di rumah?"

Lalu Umar berniat menunjukkan bakat yang dimiliki Ibnu Abbas. Beliau bertanya kepada semua anggota majlis: "Apakah pendapat kamu semua tentang maksud firman Allah SWT:

﴿ إِذَا جَآءَ نَصْرُ ٱللَّهِ وَٱلْفَتْحُ ﴿١﴾ وَرَأَيْتَ ٱلنَّاسَ يَدْخُلُونَ فِى دِينِ ٱللَّهِ أَفْوَاجًا ﴿٢﴾ فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَٱسْتَغْفِرْهُ إِنَّهُۥ كَانَ تَوَّابًۢا ﴿٣﴾ ﴾

Maksudnya: *Apabila telah datang pertolongan Allah dan kemenangan, engkau melihat manusia masuk ke dalam agama Allah dengan berbondong-bondong. Maka bertasbihlah serta memuji Tuhanmu dan mohon ampunlah engkau kepada-Nya. Sesungguhnya dia penerima taubat.*

(*Surah an-Nasr* 110: 1-3)

Mereka menjawab: "Ini sebuah perintah agar kita memuji Allah dan beristighfar apabila mendapat kemenangan."

Lalu Umar bertanya kepada Ibnu Abbas: "Apakah seperti ini menurut kamu, wahai Ibnu Abbas?"

Beliau menjawab: "Tidak. Ini adalah pemberitahuan ajal Rasulullah SAW. (Apabila telah datang pertolongan Allah

dan kemenangan) ertinya: Ini adalah tanda ajalmu. Maka perbanyaklah bertasbih dan beristighfar."

Umar berkata: "Apa yang aku ketahui seperti yang engkau katakan."

Lalu beliau berkata kepada para sahabat yang lain: "Mengapa kamu semua mencela diriku kerana mencintai orang yang memiliki kelebihan sepertimana yang telah engkau saksikan ini?"[75]

Tua tidak selalunya matang dan muda tidak selalunya mentah. Hikmah di tangan Allah, Dia berkuasa memberikannya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya.

Dengarkan Suara-suara Muda

Anak-anak muda adalah aset umat Islam yang tidak ternilai, mereka memiliki potensi besar dalam memajukan umat. Ibnu Abbas pernah berkata, "Tidaklah Allah memberikan ilmu kepada seseorang melainkan pada masa mudanya. Seluruh kebaikan dimiliki oleh para pemuda."

Oleh itu, kita mesti memberi ruangan bagi mereka untuk bersuara dan menyumbangkan buah fikiran segar yang bermanfaat bagi kemajuan umat. Dengarkan dan hormati suara-suara mereka, sebab hikmah kadang-kadang keluar dari tempat yang tidak kita sangka-sangka.

Saya berani menegaskan bahawa **Islam tidak pernah meremehkan suara-suara muda**, apalagi membungkamnya. Siapa yang mengabaikan suara-suara ini maka ia telah menzalimi mereka, merugikan diri sendiri dan merugikan umat Islam.

75 *Sahih al-Bukhari*, kitab *al-Maghazi*, no. 4293.

Bab 25

Menjadi Kismis sebelum Menjadi Anggur

Kisah yang akan dikongsikan ini sering kali saya dengar semasa menuntut di Syria dahulu. Ternyata ia berasal daripada kitab ***al-Asybah wa an-Nazha'ir*** karangan Ibnu Nujaim al-Hanafi, lalu dikisahkan kembali oleh Syeikh Zahid al-Kauthari dalam kitabnya ***Husnu at-Taqadhi fi Sirah Abi Yusuf al-Qadhi***.

Kisah ini mengenai **Imam Ya'qub bin Ibrahim al-Ansari**; masyhur dengan panggilan Abu Yusuf (w. 182H). Beliau murid kesayangan Imam Abu Hanifah. Beliau sangat bijak, hafalannya kuat dan banyak ilmu. Antara ramai murid Abu Hanifah yang lain, Abu Yusuf selalu terkedepan dalam semua perkara.

> *Beliau sangat bijak, hafalan-nya kuat dan banyak ilmu.*

Pada suatu hari, Abu Yusuf berasa ilmu yang dimilikinya sudah mencukupi. Saatnya untuk menjadi tokoh ulama yang sedia menjawab semua permasalahan umat. Lalu beliau meninggalkan

Apabila mengetahui perkara ini, Abu Hanifah berniat menyedarkan muridnya.

majlis Abu Hanifah dan membuka majlis ilmu sendiri. Dalam majlis itu, Abu Yusuf mempersilakan setiap orang untuk menimba ilmu atau mengajukan soalan kepadanya.

Apabila mengetahui perkara ini, Abu Hanifah berniat menyedarkan muridnya. Diam-diam, beliau mengutus seseorang ke majlis Abu Yusuf dengan beberapa soalan untuk mengujinya.

Orang itu berkata kepada Abu Yusuf, "Saya menyerahkan sepotong kain kepada penjahit untuk dijadikan baju. Apabila saya tanyakan, penjahit itu mengingkari pernah menerima kain daripada saya. Namun keesokannya, ia memberi saya kain itu yang telah dijahit menjadi baju. Soalan saya: Adakah ia berhak menerima upah?"

Abu Yusuf menjawab: "Ia berhak menerima upah." Orang itu berkata: "Jawapanmu salah."

Abu Yusuf mengubah jawabannya: "Ia tidak berhak menerima upah." Orang itu kembali berkata: "Jawapanmu salah." Abu Yusuf menjadi sangat bingung.

Orang yang telah dilatih Abu Hanifah ini lalu berkata: "Jawaban yang benar adalah jika baju itu dijahit sebelum ia mengingkari kain, maka ia berhak menerima upah. Namun, jika kain itu dijahit setelah ia mengingkari kain, maka ia tidak berhak."

Orang ini terus mengajukan beberapa soalan lain. Setiap kali Abu Yusuf menjawab, ia menyalahkan jawapannya lalu mengajukan jawapan yang tepat.

Diskusi ini telah menyedarkan Abu Yusuf akan kejahilan dirinya. Beliau ternyata belum layak menjadi seorang ulama, malah masih perlu banyak belajar daripada ulama. Akhirnya, beliau

memutuskan untuk kembali ke majlis ilmu Abu Hanifah untuk melanjutkan pengajiannya.

Apabila melihat Abu Yusuf, Abu Hanifah tersenyum dan berkata, "Engkau telah menjadi kismis sebelum menjadi anggur."

Hukum Kesempurnaan

Kisah ini bagi saya sangat inspiratif. Sering kali kita melihat diri kita begitu besar dan matang, padahal pada kenyataannya masih begitu kecil dan mentah.

Antara satu tahap kepada tahap yang lain sering kali memerlukan masa yang cukup panjang.

Sebuah kesempurnaan dan kematangan tidak pernah datang begitu sahaja. Ia merupakan hasil dari suatu proses. Proses ini terdiri daripada beberapa tahap. Antara satu tahap kepada tahap yang lain, sering kali memerlukan masa yang cukup panjang.

Hukum ini berlaku untuk semua makhluk hidup. Seekor ulat menghabiskan masa berhari-hari di dalam kepompong sebelum menjadi rama-rama yang cantik. Setitis mani menghabiskan masa berbulan-bulan di dalam rahim sebelum menjadi bayi yang comel. Bahkan sebiji anggur sebelumnya mentah, lalu masak, kemudian kering dan menjadi kismis.

Sesiapa yang tidak sabar menjalani semua ini, maka proses kesempurnaan itu akan terbantut. Lalu ia tidak akan pernah sempurna selama-lamanya.

Melatih Diri

Hukum kesempurnaan ini juga berlaku untuk semua disiplin ilmu atau kerjaya yang kita pilih. Seorang doktor pakar memer-

Untuk mencapai darjat "pakar" dalam sesuatu bidang, menuntut kesabaran dan ketekunan.

lukan masa yang panjang sebelum menjadi *specialist* dalam bidang perubatan. Begitu juga seorang jurutera, penulis, pelakon apalagi ulama Islam yang menjadi rujukan umat.

Untuk mencapai darjat "pakar" dalam sesuatu bidang, menuntut kesabaran dan ketekunan. Setiap pemulaan mesti selalu melatih diri dengan tekun hingga tertanam di dalam jiwanya kerangka fikir dan analisis seorang pakar dalam bidangnya. Setakat membaca teori-teori keilmuan tanpa banyak berlatih, tidak akan membentuk sifat-sifat itu di dalam diri.

*Seorang pemikir masa ini, **Howard Gardner**, berkata dalam **5 Minds for The Future**: "Disiplin formal saya adalah psikologi. Diperlukan masa satu dekad agar saya dapat berfikir seperti seorang pakar psikologi."*

Dalam bidang hadis juga seperti itu. Anda boleh memiliki gelaran masters atau doktor dalam hadis, namun ia tidak automatik menjadikan anda seorang muhaddis apalagi hafiz. Kepakaran dalam hadis hanya dapat diperolehi selepas membiasakan diri menghafaz hadis berserta perawinya, mentakhrij, menyingkap illat, juga bermuzakarah dengan pakar hadis semasa.

Dalam ilmu fiqah, anda tidak akan menjadi faqih hanya dengan menuntut di fakulti syariah di mana-mana universiti dunia. Sebaliknya, kepakaran dalam fiqah hanya dapat dicapai setelah menghabiskan masa yang panjang dalam mengkaji usul dan *furu'*, mendalami metode fuqaha dalam analisis dalil, menyingkap illat hukum, juga menguasai arah maqasid syariat.

Walau apa bidang sekalipun, coraknya tetap sama, iaitu memerlukan latihan dan ketekunan yang berpanjangan untuk tiba ke tingkat kepakaran yang sempurna.

Bagai Pokok yang Tidak Ditanam

Jadi, jalan menuju kepakaran sangat panjang. Sesiapa yang menjalaninya dengan sabar, suatu hari akan tampil sebagai pakar yang disegani. Malah, pendapatnya dalam disiplin itu **diakui sebagai pandangan yang berwibawa**.

Sebaliknya, sesiapa yang tak sabar menjalaninya, lalu mendakwa pakar sebelum masanya, maka ia telah kering sebelum matang, menjadi kismis sebelum menjadi anggur. Oleh itu, ucapan dan pendapatnya tidak mengandungi nilai ilmiah sama sekali.

Dalam kaedah fiqah ada disebutkan, "Sesiapa yang ingin memiliki sesuatu sebelum masanya, maka ia diharamkan daripada memiliki sesuatu itu."

Orang seperti ini ibarat pokok yang belum tertanam dengan sempurna, maka buah yang keluar daripadanya pun tidak bermutu tinggi. **Syeikh Ibnu 'Atho'illah as-Sakandari** dalam ***al-Hikam*** berkata: "Tanamlah dirimu di tanah kehinaan (*khumul*). Sebuah pokok yang tidak ditanam dengan sempurna, tidak akan menghasilkan buah yang sempurna."

Sebuah pokok yang tidak ditanam dengan sempurna, tidak akan menghasilkan buah yang sempurna.

"Tanah kehinaan" di sini memberi makna tekun menuntut ilmu, melaksanakan arahan guru, dan menerima tegurannya. Ini sebuah kehinaan, namun akan membawa kebaikan pada masa hadapan.

Sebelum merosak orang lain, sikap "ingin cepat besar" ini akan **merosak dirinya sendiri**. Ia akan disibukkan dengan pelbagai perkara sehingga tidak sempat lagi menimba ilmu. Perasaan takut dilihat bodoh dan khuatir ditinggalkan pengikut akan menjauhkan dirinya dari jalan peningkatan ilmu.

Imam asy-Syafi'i berkata: "Apabila orang yang baru belajar telah maju ke hadapan (iaitu: hendak menjadi tokoh besar), maka ia terluput ilmu yang sangat banyak."

Dinukil oleh al-Hafiz Ibnu Hajar dalam ***Fathul Bari.***

Tidak Menonjolkan Diri

Para ulama terdahulu tidak pernah menonjolkan diri, apalagi mendakwa sesuatu yang bukan miliknya. Sebaliknya, mereka terus menutup diri sehingga tokoh-tokoh yang lebih besar memerintahkannya untuk maju ke hadapan untuk kebaikan masyarakat.

Dalam kitab ***al-Faqih wal Mutafaqqih,*** al-Khatib al-Baghdadi meriwayatkan ucapan Imam Malik: "Aku tidak berfatwa dalam urusan agama sebelum bertanya kepada orang-orang yang lebih alim daripadaku: layakkah aku berfatwa? Aku bertanya kepada Rabiah dan Yahya bin Said (kedua-duanya ulama terbesar di Madinah). Mereka memerintahkan aku untuk berfatwa."

Lalu Khalaf bin Umar bertanya, "Wahai Abu Abdillah! Andai mereka tidak membenarkanmu berfatwa, bagaimana sikapmu?"

Imam Malik menjawab: "Maka aku tidak akan berfatwa. Tidak patut bagi seseorang berasa dirinya layak berfatwa sebelum ia bertanya kepada orang yang lebih alim daripadanya."

Semoga Allah menghidupkan akhlak ini di dalam jiwa kita, menjauhkan hati kita daripada sifat-sifat tercela, dan menempatkan kita di darjat yang tinggi di dunia dan di Akhirat.

Bab 26

Melihat dengan Mata Akal

Kita masih bersama **Imam Abu Yusuf** (w. 182H) dan gurunya, **Imam Abu Hanifah** (w. 150H). Kali ini kita akan mendengarkan Abu Yusuf bercerita tentang kisah yang berlaku pada dirinya semasa kecil. Kisah ini banyak mengandungi pelajaran yang dapat dikeluarkan daripadanya.

Abu Yusuf berkata, "Ayahku wafat apabila aku masih kecil. Lalu ibuku membawaku kepada seorang penjahit untuk belajar ilmu menjahit."

"Setiap kali aku pergi ke kedai penjahit itu, aku melalui majlis Abu Hanifah. Aku duduk di majlis itu untuk mendengarkan pengajaran beliau. Apabila ibuku terlihat aku di situ, lalu ibuku segera datang dan menarik tanganku. Beliau mengeluarkanku daripada majlis itu, lalu membawaku ke kedai menjahit."

Setiap kali aku pergi ke kedai penjahit itu, aku melalui majlis Abu Hanifah.

"Suatu hari, aku memutuskan untuk meninggalkan kursus menjahitku. Aku ingin hadir di majlis Abu Hanifah sepenuh masa. Lalu aku melakukannya. Tidak lama kemudian, ibuku mendatangi Abu Hanifah sambil marah-marah."

Ibuku berkata kepada beliau: "Budak ini anak yatim. Kami tidak memiliki apa-apa selain hasil pekerjaanku memintal benang. Oleh itu, aku ingin dia belajar menjahit agar boleh membiayai hidupnya. Namun sekarang, engkau telah merosak anakku!"

Imam Abu Hanifah berkata: "Tenanglah, puan. Dia sekarang sedang belajar ilmu agama. Suatu hari nanti, dia akan menyantap Faluzaj bercampur minyak gajus." Makanan yang disebut Abu Hanifah ini adalah sejenis kek mewah yang hanya dimakan oleh raja-raja dan orang-orang kaya pada masa itu.

Namun, ibu ini semakin marah. Lalu ia berkata: "Engkau orang tua yang sudah nyanyuk!" sambil bangkit dan meninggalkan majlis Abu Hanifah.

Sementara itu, Abu Yusuf terus mencatat kejayaan dalam pelajarannya. Saban hari namanya semakin masyhur sebagai pakar fiqah dan hadis yang disegani. Apabila **Khalifah al-Hadi** (w. 170H) menubuhkan satu jabatan khusus di dalam kerajaannya yang dinamakan: "Hakim Agung (Qadhi al-Qudhah)", khalifah segera menunjuk Abu Yusuf untuk memangku jabatan ini.

Maka, jadilah Abu Yusuf hakim agung yang pertama di dunia.

Maka, jadilah Abu Yusuf hakim agung yang pertama di dunia. Seluruh negeri jajahan Bani Abbasiyyah yang meliputi hingga hampir sepertiga dunia berada di bawah kekuasaannya. Beliau terus memangku jawatan ini hingga masa pemerintahan **Harun ar-Rasyid** (w. 193H).

Abu Yusuf berkata: "Suatu hari, apabila aku sedang bersama Harun ar-Rasyid, tiba-tiba dihidangkan di hadapan beliau sebiji kek yang sangat mewah. Aku tidak mengenali kek itu kerana belum pernah melihatnya seumur hidupku."

Harun berkata kepadaku: "Wahai tuan Hakim! Cicipilah makanan ini. Bukan setiap hari ia dibuatkan untuk kita."

Aku bertanya: "Apa nama kek ini, wahai Amirul Mukminin?" Beliau menjawab : "Ini Faluzaj bercampur minyak gajus."

Apabila mendengar kata-kata ini, Abu Yusuf tersenyum. Khalifah bertanya: "Mengapakah engkau tersenyum?" Abu Yusuf berkata: "Tidak ada apa-apa, tuanku."

Khalifah merayu kepadanya: "Beritahulah kepadaku." Maka Abu Yusuf menceritakan tentang kisah dirinya seperti di atas, dari awal hingga akhir.

Apabila mendengarkan kisah ini, Harun ar-Rasyid menjadi sangat teruja. Beliau berkata: "Sesungguhnya ilmu dapat bermanfaat dan mengangkat darjat manusia di dunia dan di Akhirat. Semoga Allah merahmati Abu Hanifah, beliau mampu melihat dengan **mata akalnya** apa-apa yang tidak terlihat oleh **mata kepalanya**."

Sesungguhnya ilmu dapat bermanfaat dan mengangkat darjat manusia di dunia dan di Akhirat.

Mata Akal

Demikian kisah yang saya temukan apabila membaca biografi Imam Abu Yusuf dalam kitab ***al-Bidayah wal-Hidayah*** karangan **al-Hafiz ibnu Katsir ad-Dimasyqi** (w. 774H). Kisah ini sangat berkesan di dalam hati saya, terutama kata-kata pujian Harun ar-Rasyid untuk Abu Hanifah yang dinilainya "mampu melihat dengan mata akal sesuatu yang tidak terlihat oleh mata kepala."

Saya segera teringatkan tulisan **Imam Hujjatul Islam al-Ghazali** (w. 505H) dalam ***al-Munqiz min adh-Dhalal*** yang menimbang antara kekuatan akal dengan pancaindera. Beliau menyimpulkan bahawa pengetahuan yang dihasilkan oleh akal lebih dipercayai daripada pengetahuan yang berasal daripada pancaindera kerana sifatnya yang lebih murni daripada kekeliruan.

Apabila merenungi perkara ini lebih mendalam, saya melihat bahawa potensi akal memang sangat luar biasa. Tidak seperti pancaindera, akal boleh menembusi dimensi ruang dan masa.

Jika digunakan dengan baik, akal boleh merekonstruksi masa lalu, dan juga meramalkan apa yang akan terjadi pada masa hadapan.

Masyarakat awam mungkin menyangka orang seperti ini menggunakan kuasa ghaib, padahal ia sebaliknya. Beliau hanya meramalkan apa yang **akan** terjadi berdasarkan perkara-perkara yang **telah** terjadi. Maka "mata akal" memang lebih tajam daripada "mata kepala". Kemampuan melihat dengan mata akal inilah yang membuatkan seseorang digelari cerdik-pandai.

Orang yang cerdik ialah orang yang mampu menjangka masalah agar ia tidak terjadi.

Ziyad bin Abihi berkata: "Orang yang cerdik bukanlah ia yang mampu menyelesaikan pelbagai masalah dengan baik. Akan tetapi, orang yang cerdik ialah orang yang mampu **menjangka** masalah agar ia tidak terjadi." Diriwayatkan oleh **Ibnu Qutaibah ad-Dinawari** (w. 276H) dalam kitab ***'Uyun al-Akhbar*.**

Umar bin al-Khattab

Kemampuan "melihat masa depan" ini penting dimiliki oleh setiap pemimpin yang menerajui suatu kumpulan atau organisasi ter-

utama organisasi yang bergerak dalam bidang dakwah dan penyebaran ilmu.

Ini adalah kerana setiap hari landskap dunia yang kita diami ini sentiasa berubah dengan pantas. Seorang pemimpin harus menyedari dan menyesuaikan diri dengan perubahan tersebut. Ia dituntut untuk memahami zaman yang sedang dihadapinya, sekaligus menjangka pelbagai perubahan yang akan berlaku kemudian.

Setiap hari landskap dunia yang kita diami ini sentiasa berubah dengan pantas.

Apabila visi seorang pemimpin menembus masa hadapan, maka ia dapat membekalkan orang-orang di sekitarnya dengan pelbagai kemahiran untuk menghadapi setiap cabaran pada masa yang akan datang.

Antara pemimpin besar Islam yang memiliki kemampuan ini ialah Sayidina Umar bin al-Khattab, semoga Allah meredhainya. Siti Aisyah berkata, "Sesiapa yang melihat Umar pasti yakin bahawa beliau diciptakan hanya untuk Islam. Beliau selalu mengambil berat akan tugasannya dan sangat cerdik. Beliau selalu bersiap-siap untuk suatu perkara sebelum ia terjadi." Diriwayatkan oleh **al-Hafiz Abu Bakar al-Khara'ithi** (w. 327H) dalam ***Makarim al-Akhlaq***.

Seorang tokoh tabiin yang sering mendampingi Umar, **Ahnaf bin Qays** berkata: "Pengetahuan beliau (Umar bin al-Khattab) tentang apa yang akan terjadi lebih mendalam daripada pengetahuan kita tentang apa yang telah terjadi." Diriwayatkan oleh **Ibnu Qutaibah** (w. 276H) dalam ***Takwil Mukhtalif al-Hadis***.

Terbukti bahawa di bawah kepimpinan tokoh **bervisi futuristik** ini, dakwah Islamiah telah mencipta kegemilangan yang mustahil dilakukan oleh orang lain. Kerajaan Islam berjaya menakluki em-

payar Rom dan Parsi yang perkasa, lalu memerintah negeri-negeri yang sangat luas dan kaya dengan penuh keadilan.

Ibu Bapa dan Guru

Selain pemimpin organisasi, kemampuan ini sangat penting dimiliki oleh setiap ibu bapa dan guru. Kita semua tahu bahawa peranan ibu bapa dan guru sangat besar dalam membentuk masa depan generasi pelapis umat ini.

Seorang ibu bapa dan guru wajib menggunakan **mata akal** untuk "meramalkan" apa yang akan terjadi sepuluh tahun atau dua puluh tahun, yang akan datang. Mereka seharusnya membayangkan pelbagai cabaran yang akan dihadapi oleh anak-anak dan murid-murid mereka, lalu mengajarkan kemahiran yang relevan untuk mengatasinya daripada sekarang.

Seorang ibu bapa dan guru wajib menggunakan mata akal untuk "meramalkan" apa yang akan terjadi.

Ini semua, saya akui, memerlukan kreativiti yang sangat tinggi. Metode dan tradisi lama yang sudah usang mesti segera ditinggalkan dan diganti.

Justeru, salah satu kaedah pendidikan Islam berbunyi: "Janganlah kamu mendidik anak-anakmu sepertimana orang tuamu mendidikmu. Ini adalah kerana mereka diciptakan untuk zaman yang berbeza dengan zamanmu."

Ibu bapa dan guru juga dituntut untuk menghindari sikap "**ingin mendapatkan keuntungan segera**" lalu mengorbankan potensi besar yang dimiliki anak atau muridnya. Keuntungan lebih besar selalu memerlukan masa dan kesabaran yang lebih lama.

Kisah Abu Yusuf yang terhimpit di antara konflik cara pandang ibu dan gurunya, seperti yang saya ceritakan tadi, boleh dijadikan sebagai renungan.

Akhirat

Masa hadapan yang paling jauh dan paling wajib disiapkan ialah Akhirat. Meskipun tidak terlihat oleh mata kepala, namun "mata akal" menyaksikan keberadaannya. Maka setiap orang wajib mempersiapkan diri, dan juga mempersiapkan anak dan muridnya, untuk menghadapi pelbagai cabaran dunia demi menggapai kebahagiaan Akhirat.

Dalam Sunan at-Tirmizi dan Ibnu Majah, Rasulullah SAW bersabda:

اَلْكَيِّسُ مَنْ دَانَ نَفْسَهُ، وَعَمِلَ لِمَا بَعْدَ الْمَوْتِ. وَالْعَاجِزُ مَنْ أَتْبَعَ نَفْسَهُ هَوَاهَا، وَتَمَنَّى عَلَى اللهِ.

Maksudnya: *Orang yang cerdik adalah dia yang menahan hawa nafsunya dan bekerja untuk kehidupan setelah mati. Adapun orang yang lemah (bodoh) adalah dia yang mengikut hawa nafsunya, namun berharap Allah selalu memberi apa yang diinginkannya.*[76]

Semoga Allah menjadikan kita sebagai manusia yang cerdas, yang mampu melihat dengan mata akal kita tentang apa-apa yang tidak terlihat oleh mata kepala kita.

76 *Sunan at-Tirmizi*, kitab *Sifat al-Qiyamah*, no. 2459. At-Tirmizi: "Ini hadis hasan."

"Tinggalkanlah perkara-perkara yang haram, maka engkau menjadi orang yang paling banyak ibadahnya."

(*Sunan at-Tirmizi,* kitab *az-Zuhd*, no. 2305)

Bab 27

Buah Terung Haram

Di kota Damsyik Syria, ada sebuah masjid besar yang bernama Masjid at-Taubah. Pada kira-kira 70 tahun yang lalu, masjid ini pernah didiami oleh seorang pemuda penuntut ilmu yang bernama **Sulaim as-Suyuthi**. Dia terkenal dengan kepandaian dalam ilmu agama dan sangat soleh, tetapi juga sangat fakir. Dia tidak memiliki tempat berteduh selain sebuah bilik di dalam masjid tersebut.

Pada hari itu, Sulaim berasa sangat lapar. Sudah dua hari dia tidak makan dan tidak memiliki apa-apa untuk membeli makanan. Pada hari ketiga, dia berasa hampir mati.

Lalu otaknya berfikir, apakah yang harus dilakukan? Menurutnya, sudah sampai kepada keadaan darurat yang membolehkannya makan bangkai atau mencuri sekadar memenuhi

keperluannya. Apakah yang perlu dilakukan? Lalu dia pun memilih untuk mencuri.

Masjid at-Taubah berada di tengah-tengah kota. Pada masa itu, rumah-rumah saling berdekatan dan atapnya saling bersentuhan. Jika seseorang mahu, ia dapat berjalan hingga ke akhir kota dengan melangkah di atas atap-atap rumah. Pemuda ini segera **memanjat** dinding masjid, lalu terus melangkah ke atap rumah penduduk. Dia terus melangkah mencari rumah mana yang boleh dimasuki untuk mendapatkan makanan bagi mengalas perutnya yang kosong.

Sesekali dia melihat seorang wanita dari atap tersebut, namun beliau segera menutup matanya dan menjauh.

Tidak lama kemudian, ia tiba ke sebuah rumah kosong. Dari rumah itu, keluar bau harum sesuatu makanan yang sedang dimasak. Bau itu telah menarik perhatiannya untuk turun dan mengambilnya. Ia segera melompat ke dalam rumah itu dan terus berlari ke dapur. Ketika mengangkat penutup kuali, pemuda yang sedang kelaparan ini melihat terung-terung (*bazinjan mahsyi*) yang sedang dimasak.

"A'uzu billah. Saya seorang pelajar agama yang tinggal di masjid. Tidak sepatutnya saya menceroboh rumah orang lain dan mencuri makanannya."

Tangannya segera mengambil salah satu daripada terung tersebut lalu menggigitnya. Namun, sebelum ia menelan gigitan itu, akal sihat dan pelajaran agamanya kembali. Hatinya segera berkata: "A'uzu billah. Saya seorang pelajar agama yang tinggal di masjid. Tidak sepatutnya saya menceroboh rumah orang lain dan mencuri makanannya."

Sulaim sangat menyesal. Lalu dia beristighfar dan mengembalikan terung yang telah digigitnya itu ke tempatnya semula.

Lalu ia kembali ke masjid dan duduk di sebuah majlis ilmu. Namun, oleh sebab sangat lapar, ia hampir tidak mengerti apa yang ia dengar. Setelah majlis itu selesai dan semua orang telah kembali ke rumah masing-masing, tidak ada yang masih berada di dalam masjid kecuali Sulaim dengan syeikhnya.

Tiba-tiba, seorang wanita berniqab datang dan berbicara kepada si syeikh dengan suara yang sangat halus.

Syeikh itu kemudian memanggil Sulaim lalu berkata kepadanya: "Perempuan ini memberitahuku bahawa suaminya baru sahaja meninggal dunia. Ia seorang yang asing di negeri ini. Tidak ada orang yang menjaganya selain pak ciknya yang sudah sangat tua. Ia mewarisi rumah dan semua harta suaminya. Justeru, ia meminta dicarikan seorang suami yang dapat menjaga dirinya daripada orang-orang jahat. Mahukah engkau menikahinya?"

Justeru, ia meminta dicarikan seorang suami yang dapat menjaga dirinya daripada orang-orang jahat.

Sulaim berkata: "Ya."

Lalu syeikh itu bertanya kepada perempuan itu: "Mahukah engkau menerimanya sebagai suami?"

Ia menjawab: "Ya."

Lalu syeikh memanggil pak cik perempuan itu dan menghadirkan dua orang saksi. Tidak lama kemudian, akad nikah pun terlaksana dengan sempurna.

Syeikh berkata: "Bawalah suamimu ini." Lalu perempuan itu memimpinnya ke rumah tempat tinggalnya. Apabila perempuan itu menyingkap niqabnya, ternyata ia adalah seorang wanita yang sangat muda dan cantik. Dalam hati, Sulaim seolah-olah mengenali rumah yang menjadi tempat kediaman isterinya ini.

Ketika Sulaim kehairanan melihatkan rumah itu, isterinya bertanya: "Mahukah engkau makan?" Jawab Sulaim, "Ya."

Isterinya segera pergi ke dapur, membuka penutup kuali dan melihat terung-terungnya yang sedang dimasak. Lalu ia berkata: "Hairan sekali, siapakah yang telah masuk dan memakan terungku?" Tatkala mendengar kata-kata itu, Sulaim menangis lalu menceritakan kisahnya.

Dengan senyum penuh makna, isterinya berkata: "Inilah hasil daripada sifat amanah. Engkau meninggalkan sebiji terung yang haram, lalu Allah memberikan kepadamu rumah ini berserta seluruh isinya."

Kisah Nyata

Sekilas pandang, kisah ini seperti cerita khayalan yang terlalu indah untuk alam nyata. Namun, saya yakinkan anda bahawa kisah ini benar-benar terjadi sebagaimana yang diceritakan oleh **Syeikh Ali ath-Thantawi**, seorang ulama besar di Syria yang wafat beberapa tahun lalu, di dalam **Muzakarat**-nya.

Beliau berkata: "Cerita ini kisah benar. Saya mengenali sendiri tokoh-tokohnya dan saya betul-betul ingat akan ceritanya."

Syeikh Sulaim as-Suyuthi hingga akhir hayatnya terkenal sebagai seorang syeikh dan murabbi.

Setelah kejadian itu, Syeikh Sulaim as-Suyuthi hingga akhir hayatnya terkenal sebagai seorang syeikh dan murabbi terkenal di Damsyik.

Masya-Allah ketika membaca kisah ini, ingatan saya kembali teringatkan kota Damsyik yang penuh dengan ilmu dan keberkatan. Para ulamanya berjaya menghiasi ilmu yang me-

reka miliki dengan keikhlasan beramal. Kejadian luar biasa sering kali terjadi di kota ini bagi orang-orang yang ikhlas menuntut ilmu kerana Allah SWT.

Orang Siddiq

Pengajaran yang dapat kita peroleh daripada kisah Syeikh Sulaim tadi sangat jelas, iaitu keutamaan besar bagi orang yang meninggalkan perkara haram kerana Allah. Para ulama berkata, "Perbuatan taat boleh dilakukan semua orang. Namun, meninggalkan maksiat, hanya orang-orang yang siddiq (jujur kepada Allah) dapat melakukannya."

Meninggalkan maksiat, hanya orang-orang yang siddiq (jujur kepada Allah) dapat melakukannya.

Ini adalah kerana perbuatan ini sangat berat dilakukan, terutama apabila maksiat tersebut telah berada dalam genggaman tanpa orang lain yang melihatnya. Pada saat itu, keimanan seseorang berada di dalam ujian yang nyata.

Jika ia meninggalkan maksiat itu, maka petanda iman yang telah sempurna. Namun, jika ia terus meneruskannya, maka petanda bahawa iman belum pernah menjejak di hati.

Apa yang menarik, Allah SWT selalu mengingatkan hamba-hamba kesayangan-Nya setiap kali mereka hampir terjerumus ke lembah maksiat.

Dalam kisah Nabi Yusuf, Allah berfirman:

﴿ وَلَقَدْ هَمَّتْ بِهِۦ ۖ وَهَمَّ بِهَا لَوْلَآ أَن رَّءَا بُرْهَـٰنَ رَبِّهِۦ ۚ كَذَٰلِكَ لِنَصْرِفَ عَنْهُ ٱلسُّوٓءَ وَٱلْفَحْشَآءَ ۚ إِنَّهُۥ مِنْ عِبَادِنَا ٱلْمُخْلَصِينَ ﴿٢٤﴾ ﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya wanita itu telah bermaksud (melakukan perbuatan itu) dengan Yusuf, dan Yusuf pun bermaksud dengan wanita itu andaikan dia tidak melihat tanda (daripada) Tuhannya. Demikianlah, agar kami memalingkan daripadanya kemungkaran dan kekejian. Sesungguhnya Yusuf itu termasuk hamba-hamba kami yang terpilih.*

(*Surah Yusuf* 12: 24)

Ayat ini seolah-olah menjadi dalil bahawa jika posisi seorang hamba sangat mulia di sisi Allah, Allah akan selalu mengingatkan dirinya setiap kali hampir terjatuh ke lembah maksiat.

Sebaliknya, tanda seseorang sangat dibenci oleh Allah SWT adalah terbukanya pintu maksiat di depan mata pada setiap saat. Setiap kali hatinya tergerak ingin memasuki pintu maksiat tersebut, Allah membiarkannya begitu sahaja tanpa diingatkan agar mundur ke belakang.

***Abu Sulaiman ad-Darani** berkata: "Oleh sebab mereka begitu hina di sisi Allah, maka mereka melakukan maksiat kepada-Nya. Andai mereka mulia di sisi-Nya, pasti Allah menahan mereka daripada melakukan maksiat tersebut."*

Diriwayatkan oleh **al-Hafiz Abu Nu'aim al-Ishbahani** dalam ***Hilyat al-Awlia'.***

Namun, lebih baik daripada itu seseorang yang mengingatkan Allah ketika hampir melakukan maksiat.

Seorang ulama tabiin asal Kufah yang bernama **Maimun bin Mahran** pernah berkata: "Mengingat Allah (*zikrullah*) dengan lisan suatu perbuatan yang sangat baik. Namun, lebih baik daripada itu seseorang yang mengingatkan Allah ketika hampir melakukan maksiat." Disebutkan oleh al-**Hafiz Ibnu Rajab al-Hanbali** dalam ***Jami' al-'Ulum wa al-Hikam.***

Ibadah yang Paling Allah Sukai

Meninggalkan perkara haram ialah ibadah yang paling Allah sukai maka tidak hairanlah jika balasannya pun begitu besar.

Meninggalkan perkara haram ialah ibadah yang paling Allah sukai

Imam at-Tirmizi meriwayatkan daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda:

اِتَّقِ الْمَحَارِمَ؛ تَكُنْ أَعْبَدَ النَّاسِ.

Maksudnya: *Tinggalkanlah perkara-perkara yang haram, maka engkau menjadi orang yang paling banyak ibadahnya.*"[77]

Siti Aisyah berkata: "Kamu semua tidak akan membawa amalan yang lebih baik daripada sedikit dosa. Sesiapa yang mahu mengalahkan seorang ahli ibadah yang tidak pernah berhenti menyembah Allah, maka tahanlah dirinya daripada melakukan dosa."

Sebiji terung haram yang kamu tinggalkan kerana Allah akan dibalas dengan rumah besar berserta isinya dan isteri yang cantik di dunia ini.

Belum lagi balasan yang tidak terkira daripada Allah di Akhirat kelak, sebagaimana firman Allah Taala:

﴿ فَلَا تَعْلَمُ نَفْسٌ مَّآ أُخْفِيَ لَهُم مِّن قُرَّةِ أَعْيُنٍ جَزَآءًۢ بِمَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿١٧﴾ ﴾

77 *Sunan at-Tirmizi*, kitab *az-Zuhd*, no. 2305. Beliau berkata: "Ini hadis gharib, kami tidak mengenalinya melainkan melalui jalur Ja'far bin Sulaiman. Hasan tidak mendengar daripada Abu Hurairah sedikit pun."

Maksudnya: *Tidak ada seorang pun mengetahui pelbagai nikmat yang menanti dan yang indah dipandang, sebagai balasan bagi mereka atas apa yang mereka kerjakan.*

(*Surah as-Sajdah* 32: 17)

Bab 28

Soleh Ritual, Warak Profesional

Setiap pelajar fiqah pasti mengenali tokoh yang menjadi pilihan saya kali ini. Buku-buku beliau telah menjadi rujukan pelajar Islam sejak ratusan tahun yang lalu. Ulama ini ialah **Syihabuddin Ahmad bin Muhammad bin Ali**, yang terkenal dengan gelaran Ibnu Hajar al-Haytami asy-Syafi'i.

Perlu diingatkan, beliau bukan Ibnu Hajar al-'Asqalani penulis ***Syarh Sahih al-Bukhari***. Ibnu Hajar al-Haytami datang selepas dua generasi setelah Ibnu Hajar al-'Asqalani.

Ibnu Hajar al-Haytami lahir di Mesir pada akhir tahun 909H dan wafat di Makkah pada tahun 974H. Kedua ibu bapanya telah meninggal dunia apabila beliau masih kanak-kanak lagi.

Walau hidup tanpa bimbingan ibu bapa, Ibnu Hajar sangat rajin belajar. Oleh sebab kecerdasannya, beliau telah diizinkan untuk mengajar dan menulis buku-buku penting dalam bidang fiqah dan hadis sebelum usianya mencapai 20 tahun.

Saya bukanlah hendak membuktikan keluasan ilmu dan kesolehan Imam Ibnu Hajar. Buku-buku karangan beliau sudah cukup untuk menunjukkan tentang perkara berkenaan.

Kali ini, saya ingin membiarkan beliau menceritakan kepada kita suatu kejadian pelik yang menimpa dirinya. Kejadian ini mengandungi pelajaran yang sangat penting untuk kita renungkan bersama.

Seksa Kubur

Dalam kitabnya yang bertajuk ***az-Zawajir fi-Iqtirafi al-Kabair***, Ibnu Hajar menulis:

Sejak kecil, kebiasaannya aku menziarahi kubur bapaku untuk membaca al-Quran. Aku mendatanginya setiap pagi untuk membaca al-Quran di sisinya.

Pada suatu pagi yang gelap, aku mendatangi kubur bapaku selepas solat Subuh. Hari itu bulan Ramadhan, pada sepuluh terakhir. Kemungkinan malam itu adalah lailatulqadar. Tidak ada seorang pun di tempat itu selain diriku.

Apabila aku duduk dan mulai membaca ayat-ayat al-Quran, tiba-tiba aku terdengar suara rintihan yang sangat mengejutkan. "Aaah, aaah, aaah." Begitulah dengan nada yang sangat memilukan hati. Suara itu berasal dari arah sebuah kubur yang dibina daripada batu dan simen, berwarna putih bersih.

Apabila aku duduk dan mulai membaca ayat-ayat al-Quran, tiba-tiba aku terdengar suara rintihan yang sangat mengejutkan.

Aku menghentikan bacaanku dan mencari-cari dari mana datangnya suara itu. Ternyata

ia berasal dari dalam kubur tersebut. **Penghuninya sedang diseksa**, ia mengaduh dengan suara rintihan yang sangat menyayatkan hati. Aku mendengarkan suara itu selama beberapa minit. Apabila matahari mulai terbit, suara itu menghilang.

Tidak lama kemudian, seorang lelaki melalui di tempat itu. Aku segera bertanyakan kepadanya: "Maaf tuan, ini kubur siapa?" Lalu ia menjawab: "Kubur si polan."

Nama yang ia sebutkan itu sangat saya kenali. Saya pernah berjumpa dengannya ketika kecil dahulu. Allahyarham seorang yang sangat rajin datang ke masjid, menjaga solat pada waktunya, dan tidak banyak berbicara. Saya memang ketahui tentang dirinya.

Allahyarham seorang yang sangat rajin datang ke masjid, menjaga solat pada waktunya, dan tidak banyak berbicara.

Tetapi, perkara ini membingungkan fikiranku. Aku mendengar suaranya sedang diazab di dalam kubur, padahal aku melihatnya adalah seorang yang sangat soleh. Lalu aku terus bertanya dan, tentang siapakah orang ini sebenarnya.

Apabila aku bertanya kepada orang yang benar-benar mengenalinya, ternyata Allahyarham yang zahirnya soleh ini, rupa-rupanya suka makan harta hasil riba.

Mereka bercerita, asalnya dia seorang peniaga. Apabila memasuki usia tua, dan masih memiliki sedikit harta, ia tidak berasa cukup dengan apa yang ada. Lalu syaitan membisikkan kepadanya untuk melabur dalam riba agar hartanya tidak berkurangan.

***Ibnu Hajar** berkata: "Itulah yang menyebabkan dirinya mendapat seksaan kubur walaupun di bulan Ramadhan, dan walaupun di malam lailatulqadar yang penuh rahmat."*

Islam Formaliti

Kebanyakan orang seperti ini di dalam masyarakat kita, iaitu orang-orang yang menyangka bahawa Islam tidak lebih daripada sekadar ibadah ritual sahaja. Bahkan sebahagian mereka menyangka bahawa hukum Islam berkaitan dengan pakaian dan penampilan zahir sahaja.

Kita sering kali melihat mereka rajin beribadah, tetapi mereka tidak takut bermaksiat. Berjubah dan bersongkok, namun kasar dalam ucapan dan perbuatan.

Saya menyebut sikap keberagamaan seperti ini sebagai "**Islam formaliti**". Seorang teman pernah mengadu, ia pernah tertarik dengan seseorang yang **dahinya hitam iaitu tanda kuat sujud**. Pejabatnya pun tidak lepas daripada sejadah. Setiap kali waktu solat, ia segera meninggalkan semua pekerjaannya untuk berwuduk lalu bersolat. Namun, apabila berurusan dengannya, ia menjadi sangat terkejut. Orang yang "soleh" ini, rupa-rupanya tidak malu meminta **rasuah**!

Namun, apabila orang ini diamanahkan untuk menjaga kewangan masjid, wang itu habis dibawa lari.

Sahabat yang lain bercerita tentang seseorang yang selalu pergi ke masjid. Pada zahirnya, ia kelihatan sangat warak. Ia selalu menutup telinganya dengan kapas agar tidak mendengar ucapan yang haram. Namun, apabila orang ini diamanahkan untuk menjaga kewangan masjid, wang itu habis dibawa lari.

Kisah-kisah yang seumpama ini sangat banyak. Kita boleh menemuinya dalam pengalaman hidup kita sehari-hari. Fenomena ini jadi mengingatkan saya kepada sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Hafiz Abu Bakar al-Kharaiti dalam ***Makarim al-Akhlaq***.

Daripada **Tsabit al-Bunani**, daripada Anas bin Malik, bahawa Nabi SAW bersabda: "Perkara pertama yang akan hilang daripada agama ini adalah amanah. Yang paling terakhir (hilang) ialah solat."

Lalu Tsabit berkata: "Oleh itu, sering kali seseorang yang rajin berpuasa dan solat, namun jika diberikan amanah, ia tidak dapat menjaganya." [78]

*Sikap beragama seperti ini tidak boleh dilakukan sambalewa. Ia sangat buruk dan merupakan bahagian daripada **sifat nifak**.*

Dalam hadis Muslim, Rasulullah SAW bersabda:

ثَلَاثٌ مَنْ كُنَّ فِيْهِ فَهُوَ مُنَافِقٌ، وَإِنْ صَامَ وَصَلَّى، وَزَعَمَ أَنَّهُ مُسْلِمٌ؛ مَنْ إِذَا حَدَّثَ كَذَبَ، وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ، وَإِذَا اؤْتُمِنَ خَانَ.

Maksudnya: *Tiga perkara, sesiapa yang memilikinya maka ia seorang munafik. **Walaupun ia solat, puasa dan menyangka dirinya Muslim**. Apabila berbicara, ia berdusta. Apabila berjanji, ia mengingkari. Apabila diberi amanah, ia berkhianat.*[79]

Khusyuk di Masjid, Jujur di Pasar

Maimun bin Mahran (w. 117H), seorang ulama tabiin asal Kufah, berkata: "Zikir itu terbahagi kepada dua: (pertama) berzikir dengan lisan. Namun, lebih tinggi daripada itu, berzikir (mengingati Allah) apabila hampir melakukan maksiat." Diriwayatkan oleh Abu Nuaim dalam ***Hilyat al-Awlia'***.

78 *Muntaqa min* kitab *Makarim al-Akhlaq wa Maaliha*, Bab Hifz al-Amanah, no. 77.
79 *Sahih Muslim*, kitab *al-Iman*, no. 213.

Ibadah formal memang penting, tapi ia belum mencukupi. Islam menginginkan kesolehan ritual itu membuka jalan untuk kesolehan sosial dan kewarakan profesional. Allah berfirman:

﴿وَأَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَۖ إِنَّ ٱلصَّلَوٰةَ تَنْهَىٰ عَنِ ٱلْفَحْشَآءِ وَٱلْمُنكَرِ﴾

Maksudnya: *Dan dirikanlah solat, sesungguhnya solat dapat mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar.*

(*Surah al-'Ankabut* 29: 45)

Sesiapa yang solatnya tidak menghalanginya daripada perbuatan keji dan mungkar, maka tidak (sempurna) solatnya.

Al-Hafiz Ibnu Abi Hatim meriwayatkan dalam **Tafsir**-nya, daripada **'Imran bin Hushain**: Rasulullah SAW ditanya tentang makna ayat ini. Baginda menjawab: "Sesiapa yang solatnya tidak menghalanginya daripada perbuatan keji dan mungkar, maka tidak (sempurna) solatnya."

Abu al-'Aliyah (seorang ulama tabiin) berkata, "Solat mengandungi tiga perkara. Setiap solat yang tidak memiliki salah satu daripada ketiganya, maka ia bukanlah solat, iaitu ikhlas, takut dan mengingati Allah. Ikhlas akan memerintahkannya kepada kebaikan, takut akan menahannya daripada kemungkaran, dan mengingati Allah (dengan al-Quran) memberitahunya perintah dan larangan."

Solat dan ibadah lain yang kita lakukan seharusnya membentuk peribadi-peribadi yang jujur. Itulah yang terjadi pada tokoh-tokoh besar kita pada masa silam. Kita melihat mereka ialah orang-orang yang sangat khusyuk di masjid, juga jujur di pasar.

Abu Hanifah dan Kain Sutera

Imam Abu Hanifah (w. 150H) adalah seorang peniaga sutera. Beliau menjual dan membeli sutera daripada para pelanggannya. Suatu hari, seorang wanita datang untuk menjual kain sutera miliknya. Abu Hanifah bertanya: "Berapakah harga yang engkau inginkan? Wanita itu menjawab: "**100 Dirham**."

Abu Hanifah berkata: "Harga kain ini lebih mahal daripada itu. Berapakah harga yang kau inginkan?" Perempuan itu menambahkan menjadi **200 Dirham**. Abu Hanifah tetap berkata: "Harganya lebih mahal daripada itu."

Perempuan itu terus menambahkan harganya hingga mencapai **400 Dirham**. Namun, Abu Hanifah tetap berkata: "Harganya lebih daripada itu."

Akhirnya, perempuan itu berkata: "Engkau hendak mempermainkanku?" Lalu Abu Hanifah menjawab: "Tidak. Jika engkau mahu, sila bawakan seseorang yang benar-benar tahu tentang harga kain ini."

Lalu wanita itu menghadirkan seseorang yang mengerti tentang harga sebenar kain tersebut. Orang itu mengirakan kain itu dengan harga **500 Dirham**. Lalu Imam Abu Hanifah membelinya dengan harga tersebut.

Kejujuran seperti ini yang kita harapkan daripada setiap orang yang melakukan solat. Ia pantang mengambil kesempatan daripada kejahilan orang lain, apatah lagi menipunya, untuk keuntungan peribadi.

Jangan Tertipu

Islam formaliti adalah suatu bentuk penipuan. Ia menipu diri sendiri, menipu Allah dan menipu masyarakat. Oleh itu, kita dinasihatkan agar tidak termakan dengan tipu daya orang-orang

seperti ini. Jangan cepat percaya hanya kerana kesolehan ritual sahaja. Tanpa amanah, kesolehan itu tidak banyak memberi makna.

Umar bin al-Khattab berkata: Aku tidak pernah tertipu dengan solat atau puasa seseorang. Semua orang boleh berpuasa, semua orang boleh solat. Akan tetapi, tidak beragama orang yang tidak memiliki sifat amanah." Diriwayatkan oleh al-Khara'ithi dalam **Makarim al-Akhlaq**.

Semoga Allah menjadikan kita insan-insan yang soleh dalam ibadah ritual, juga warak dalam pergaulan sosial.

Bab 29

Bulan Ramadhan, Bulan Al-Quran

Bulan suci Ramadhan menjelang kembali. Semoga Ramadhan kali ini lebih baik daripada sebelumnya. Mari kita lihat apa yang dilakukan oleh para ulama salaf di bulan yang penuh berkat ini untuk menjadi panduan kita.

Tokoh salaf pilihan saya kali ini berasal dari Iraq. Nama beliau **Sufyan bin Said ats-Tsauri**, Abu Abdillah. Beliau dilahirkan di Kufah pada tahun 97H dan wafat di Basrah pada 161H.

Sufyan ats-Tsauri terkenal kerana dia sempurna dalam semua bidang. Dalam hadis, beliau bergelar Amirul Mukminin fil-Hadis, sebuah gelaran tertinggi bagi penghafal hadis. Dalam fiqah, beliau mujtahid mutlak yang memiliki mazhab tersendiri. Dalam zuhud, kesolehan beliau tidak dapat ditandingi.

Syu'bah berkata, "Sufyan mengalahkan semua manusia dengan ilmu dan waraknya." Maka tidak hairanlah jika majlis ilmunya selalu dihadiri oleh ribuan manusia.

Namun begitu, apabila tiba bulan Ramadhan, Sufyan ats-Tsauri meninggalkan semua aktiviti dakwah dan ilmiahnya. Beliau mengkhususkan bulan suci ini untuk membaca al-Quran sahaja. Murid beliau yang bernama **Abdurazzaq al-San'ani** berkata, "Setiap kali tiba bulan Ramadhan, at-Tsauri meninggalkan semua ibadah untuk membaca al-Quran sahaja."

Sikap ini bukan dilakukan Sufyan seorang. Akan tetapi, ia juga menjadi kebiasaan bagi sahabat karibnya di Madinah, iaitu **Imam Malik bin Anas** (w. 179H).

Ibnu Abdil Hakam berkata, "Apabila Ramadhan menjelang, Malik meninggalkan periwayatan hadis dan diskusi dengan para ulama. Beliau terus membaca al-Quran dari mushaf."

Kedua-dua kisah ini diceritakan oleh al-Hafiz Ibn Rajab al-Hanbali dalam kitab ***Lathaif al-Ma'arif***.

Kita dan al-Quran

Al-Quran ialah kitab Allah yang penuh dengan keajaiban. Keutamaannya melebihi semua kitab dan ucapan. Ia adalah firman Allah SWT yang diturunkan kepada manusia sebagai petunjuk dan penyelamat daripada kesesatan.

Membaca al-Quran walau **tidak memahami maknanya** sekalipun, ia merupakan ibadah yang menjanjikan ganjaran besar daripada Allah Taala.

Nabi SAW bersabda:

مَنْ قَرَأَ حَرْفًا مِنْ كِتَابِ اللهِ؛ فَلَهُ بِهِ حَسَنَةٌ، وَالْحَسَنَةُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا.

Maksudnya: *Sesiapa yang membaca satu huruf daripada kitab Allah maka baginya satu kebaikan. Setiap satu kebaikan akan dibalas dengan sepuluh kali ganda.*

(Riwayat oleh Imam at-Tirmizi)[80]

Yang menariknya, ganjaran ini bukan hanya untuk orang yang mahir membaca al-Quran. Malah, orang yang **tidak lancar membaca** pun akan turut mendapat pahala itu.

Nabi SAW bersabda:

اَلْمَاهِرُ بِالْقُرْآنِ، مَعَ السَّفَرَةِ الْكِرَامِ الْبَرَرَةِ. وَالَّذِيْ يَقْرَأُ الْقُرْآنَ، وَيَتَتَعْتَعُ فِيهِ، وَهُوَ عَلَيْهِ شَاقٌّ، لَهُ أَجْرَانِ.

Maksudnya: *Orang yang mahir membaca al-Quran, ia akan bersama para malaikat yang mulia lagi berbakti. Orang yang membacanya sambil tergagap-gagap, sambil mendapati kesukaran dalam membacanya, maka ia akan mendapatkan dua pahala.*[81]

Hadis dan athar yang menyebutkan keutamaan al-Quran sangat banyak. Dalil yang memerintahkan untuk membacanya pun tidak kurang banyak. Namun, kita terlalu sibuk dengan perkara lain sehingga tidak sempat melakukannya.

Jarang sekali di antara kita yang memiliki hubungan mesra dengan kitab Allah. Padahal, kitab ini penuh dengan pelbagai keajaiban dan kenikmatan yang memikat hati.

Sayidina Usman bin Affan berkata: "Kalau hati kita bersih, kita tidak akan pernah kenyang daripada al-Quran. Aku tidak menyukai sesuatu iaitu di hari yang mana aku tidak membaca mushaf al-Quran." Diriwayatkan oleh al-Baihaqi dalam ***Syu'ab al-Iman.***

---

80 *Sunan at-Tirmizi*, kitab *Fadhail al-Quran*, no. 2910. At-Tirmizi berkata: "Ini hadis hasan sahih gharib daripada jalur ini."

81 *Sahih Muslim*, kitab *Fadhail al-Quran*, no. 1862.

***Imam al-Baihaqi** berkata selepas meriwayatkan ucapan ini: "Apabila Uthman wafat, mushafnya telah rosak kerana sering kali dibaca."*

Sungguh berbeza dengan mushaf di rumah kita. Setelah bertahun-tahun, ia nampak masih baru sebab tidak pernah disentuh. Ia hanya diletakkan begitu sahaja di atas meja atau rak buku tanpa pernah dirujuk sama sekali.

Bulan Ramadhan

Bulan Ramadhan ialah bulan ibadah. Pada bulan ini juga, al-Quran diturunkan untuk pertama kali. Oleh itu, para ulama salaf melihat bulan Ramadhan bukan hanya bulan puasa, namun juga bulan al-Quran.

Al-Hafiz ibnu Rajab al-Hanbali berkata dalam kitab ***Lathaif al-Ma'arif***: "Seorang mukmin menghadapi dua jihad pada bulan Ramadhan. Jihad puasa di siang hari dan jihad qiyam (solat sambil membaca al-Quran) di malam hari. Sesiapa yang melakukan kedua-duanya dengan baik, ia akan menerima ganjarannya tanpa hisab."

Jika di bulan-bulan yang lain kita begitu jauh daripada al-Quran, maka bulan Ramadhan ini adalah masa yang paling tepat untuk **mendekatkan diri kepada al-Quran**. Orang paling rugi ialah orang yang tetap lalai di bulan penuh berkat ini padahal di dalamnya terdapat suatu malam yang lebih baik daripada seribu bulan.

Daripada Abu Hurairah, Rasulullah SAW bersabda: "Rugilah seseorang yang memasuki bulan Ramadhan, namun bulan ini berlalu sementara (dosa-dosanya) masih belum diampuni." Diriwayatkan oleh Imam at-Tirmizi.[82]

82 *Sunan at-Tirmizi*, kitab *ad-Da'awat*, no. 3545. At-Tirmizi berkata: "Hadis hasan gharib daripada jalur ini."

Ulama dan al-Quran

Setiap Mukmin yang menyedari bahawa keutamaan besar yang terkandung di dalam Ramadhan tidak akan membiarkannya berlalu dengan sia-sia.

Sebaliknya, ia pasti terdorong untuk memanfaatkan masa-masa tersebut untuk mempertingkatkan ibadah dan kedekatannya kepada Allah SWT.

Imam Abu al-Qasim al-Qusyairi dalam ***al-Risalah al-Qusyairiah*** bercerita, "Setiap kali tiba bulan Ramadhan, **Abu Bakar asy-Syibli** (w. 334H) meningkatkan ketekunan ibadahnya. Beliau berkata, 'Ini adalah bulan yang diagungkan oleh Allah. Maka aku mesti menjadi orang yang paling pertama mengagungkannya.'"

Ribuan ulama sejak zaman sahabat dan tabiin termasuk asy-Syibli menjalankan ibadah kepada Allah SWT dengan tekun. Mereka meningkatkan amalan ibadah mereka di bulan Ramadhan melebihi ibadah yang mereka lakukan di bulan-bulan yang lain.

Ibrahim an-Nakha'i berkata, "Aswad bin Yazid (ulama tabiin di Kufah, w. 75H) mengkhatamkan al-Quran di bulan Ramadhan setiap dua hari sekali. Beliau tidur antara Maghrib dengan Isyak. Selain bulan Ramadhan, beliau mengkhatamkannya setiap enam hari sekali."

Salam bin Abi Muti berkata, "Biasanya Qatadah (ulama tabiin di Basrah, w. 118H) mengkhatamkan al-Quran setiap tujuh hari sekali. Apabila tiba Ramadhan, beliau mengkhatamkannya setiap tiga hari sekali. Pada sepuluh hari terakhir, beliau mengkhatamkannya setiap hari sekali."

Begitu juga yang dilakukan oleh **Imam asy-Syafi'i** (w. 204H). Rabi bin Sulaiman bercerita, "asy-Syafi'i mengkhatamkan al-Quran pada bulan Ramadhan sebanyak 60 kali. Pada bulan yang lain sebanyak 30 kali."

Meniru Ulama

Siapa yang memiliki iman di hati, pasti iri terhadap tokoh-tokoh ulama tadi. Setiap kali mendengar perbuatan baik, ia tergerak untuk menirunya. Itulah yang dirasai oleh **Imam Abu Bakar Ibnu al-Hadad** (w. 345H), seorang ulama mazhab asy-Syafi'i, asal Mesir. Beliau tergerak untuk meniru amalan Imam asy-Syafi'i di bulan Ramadhan.

Ibnu al-Haddad berkata, "Apabila mendengar riwayat Rabi bin Sulaiman ini, aku berusaha melakukan seperti yang dilakukan oleh asy-Syafi'i. Akan tetapi, aku hanya mampu mencapai 59 kali khatam setiap hari. Selain bulan Ramadhan, aku hanya mampu hingga 30 khatam sahaja."

Meskipun tidak mencapai sasaran yang diinginkan, namun pencapaian Ibnu al-Haddad ini sungguh luar biasa. Beliau mampu mencapai 59 kali khatam dalam satu bulan.

Mari kita tanyakan hati kita masing-masing, tergerakkah kita untuk meniru perbuatan para ulama ini? Jika jawapannya 'ya', maka itu petanda kita memiliki sebahagian daripada kebesaran jiwa mereka.

Mari tetapkan niat, kita harus mengkhatam al-Quran di bulan Ramadhan ini walau hanya sekali. Semakin banyak, tentu semakin baik.

Bab 30

Berani kerana Sunnah

Gunung Uhud pada tahun ketiga Hijriah menyaksikan peristiwa yang sangat mengharukan. Pasukan Muslimin mengalami kekalahan setelah hampir meraih kemenangan pada pusingan pertama. Pada saat itu, situasinya cukup genting sehingga banyak para sahabat yang melarikan diri dari medan pertempuran.

Rasulullah SAW sendiri mengalami luka yang bukan sedikit. Gigi depan Baginda patah, wajah Baginda berlumuran darah.

Ketika Baginda sedang menyandarkan tubuhnya untuk beristirahat, tiba-tiba Ubay bin Khalaf berteriak, "Mana Muhammad? Aku tidak ingin selamat jika ia selamat!"

Tokoh kafir ini memakai baju besi sambil menunggang kuda dan lengkap bersenjata. Ia pernah bercakap besar sewaktu di

Makkah bahawa ia akan membunuh Nabi SAW dengan tangannya. Ketika Rasulullah SAW mendengarkan berita itu, Baginda dengan bersahaja berkata, "Sebaliknya, aku yang akan membunuhnya."

Pada saat itu, dunia melihat janji siapa yang lebih tepat. Ubay bin Khalaf telah mencabar Nabi SAW. Sebenarnya Baginda tidak harus melayani tentangan tersebut.

Seorang sahabat yang ketika itu bersama Nabi SAW berkata: "Wahai Rasulullah! Izinkan salah seorang daripada kami membunuhnya." Tapi Baginda menolak dan menjawab: "Jangan. Biarkan ia."

Tidak lama kemudian, Ubay bin Khalaf tumbang akibat tusukan tombak Nabi SAW di lehernya.

Jiwa yang dipenuhi keberanian dan selalu berlindung kepada Allah daripada sifat pengecut ini bangkit dan mengambil tombaknya. Tidak lama kemudian, Ubay bin Khalaf tumbang akibat tusukan tombak Nabi SAW di lehernya.

Muslim Pemberani

Kisah ini memperlihatkan sedikit daripada sifat pemberani yang bersemayam di jiwa besar Rasulullah SAW. Kisah seperti ini sangat banyak dalam hidup Nabi SAW sehingga keberanian menjadi identiti Baginda yang paling menonjol.

Al-Qadhi 'Iyadh dalam ***asy-Syifa*** meriwayatkan daripada Ali bin Abi Thalib katanya: "Setiap kali peperangan berkecamuk dan situasi mulai menakutkan, kami semua berlindung di belakang Nabi SAW. Tidak ada orang yang lebih dekat dengan musuh selain Baginda."

Al-Bukhari meriwayatkan daripada Anas bin Malik: "Rasulullah SAW ialah manusia yang paling tampan, paling pemberani dan paling pemurah. Suatu malam penduduk Madinah dikejutkan oleh

suatu suara (yang menakutkan), Rasulullah segera keluar mendahului mereka untuk melihatnya."[83]

Sebagai Muslim, kita dituntut untuk mempraktikkan sunnah ini lalu tampil sebagai tokoh-tokoh pemberani dalam semua bidang kehidupan.

Kita harus berani menghadapi masalah, berani mencuba, berani mempertahankan prinsip, dan berani untuk mulai menampakkan keberanian. Muslim seorang pemberani, bukan penakut.

Imam al-Bukhari meriwayatkan daripada Sa'ad bin Abi Waqqash bahawa Rasulullah SAW selalu mengucapkan doa ini, dan memerintahkan umat untuk menirunya.

اَللّٰهُمَّ إِنِّيْ أَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ، وَالْجُبْنِ وَالْهَرَمِ، وَأَعُوْذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ، وَأَعُوْذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ.

Maksudnya: *Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu daripada sifat lemah, malas,* ***penakut*** *dan tua. Aku juga berlindung kepada-Mu daripada azab kubur, dan aku berlindung kepada-Mu daripada fitnah kehidupan dan kematian.*[84]

Hakikat Keberanian

Keberanian bukanlah bertindak tanpa perancangan. Akan tetapi, keberanian mesti selalu **didahului oleh perancangan** dan **diakhiri dengan tawakal kepada Allah SWT.**

83 Al-Bukhari, kitab *al-Adab*, no. 6033.
84 Al-Bukhari, kitab *al-Jihad*, no. 2823.

Syeikh Abdurahman Habannakah berkata: "Keberanian adalah kekuatan di dalam jiwa yang mendorong untuk melangkah dengan cerdas ke tempat-tempat berbahaya bagi memperoleh kebaikan atau menolak keburukan, meskipun tempat itu dipastikan atau dikhuatirkan dapat membinasakan dirinya."[85]

Muslim pemberani meyakini bahawa segala sesuatu telah ditentukan oleh Allah SWT. Lalu keyakinan ini melahirkan ketenangan jiwa walaupun ia sedang berada dalam situasi yang paling menakutkan sekalipun.

Ia selalu membaca firman Allah SWT:

﴿ قُل لَّن يُصِيبَنَآ إِلَّا مَا كَتَبَ ٱللَّهُ لَنَا هُوَ مَوۡلَىٰنَاۚ وَعَلَى ٱللَّهِ فَلۡيَتَوَكَّلِ ٱلۡمُؤۡمِنُونَ ﴿٥١﴾ ﴾

Maksudnya: *Katakanlah, sekali-kali tidak akan menimpa kami melainkan apa yang telah ditetapkan Allah untuk kami. Dialah pelindung kami, dan hanya kepada Allah orang-orang yang beriman harus bertawakal.*

(*Surah at-Taubah* 9: 51)

Tegas Berkata Tidak

Pemuda yang tidak memiliki ketegasan akan hanyut bersama arus budaya yang rosak.

Keberanian merupakan induk bagi akhlak-akhlak terpuji, salah satunya bersikap tegas. Sikap ini sangat diperlukan oleh setiap Muslim yang hidup pada masa moden ini. Pemuda yang tidak memiliki ketegasan akan hanyut bersama arus budaya yang rosak seperti pergaulan bebas, dadah, minuman keras, merokok dan lain-lain.

85 *Al-Akhlaq al-Islamiyah wa Ususuha*, 2/586.

Sifat keberanian diperlukan untuk tegas berkata "tidak" kepada setiap rayuan yang akan merosakkan dirinya pada masa depan. Jangan bersikap ikut-ikutan.

Rasulullah SAW bersabda:

لَا تَكُوْنُوْا إِمَّعَةً، تَقُوْلُوْنَ: إِنْ أَحْسَنَ النَّاسُ؛ أَحْسَنَّا. وَإِنْ ظَلَمُوْا؛ ظَلَمْنَا. وَلٰكِنْ وَطِّنُوْا أَنْفُسَكُمْ: إِنْ أَحْسَنَ النَّاسُ؛ أَنْ تُحْسِنُوْا، وَإِنْ أَسَاءُوْا؛ فَلَا تَظْلِمُوْا.

Maksudnya: *Janganlah kamu menjadi orang ikut-ikutan sambil berkata: 'Jika orang-orang berbuat baik, aku akan berbuat baik. Jika mereka berbuat jahat, aku akan ikut jahat.' Akan tetapi, tegaskan pendirian kalian, jika orang-orang berbuat baik, kalian juga berbuat baik. Jika mereka berbuat jahat, kalian tidak ikut menjadi jahat.*[86]

Orang dewasa yang tidak memiliki ketegasan akan terjatuh dalam pujuk rayu maksiat yang di tempat kerjanya seperti rasuah, korupsi dan lain-lain. Keberanian besar diperlukan untuk menolak semua pujuk rayu keduniaan itu.

Seorang sahabat Nabi SAW yang bernama **Abdullah bin Huzafah as-Sahmi** pernah ditangkap oleh Raja Rom. Lalu beliau ditawarkan: "Mahukah kau masuk ke dalam agama Kristian lalu aku akan memberi kepadamu setengah daripada kerajaanku?"

Abdullah bin Huzafah menjawab: "Andai engkau memberiku semua kerajaanmu, ditambah pula dengan semua kerajaan yang ada di tanah Arab sekalipun, aku tidak akan meninggalkan agamaku."

Muslim adalah seorang pemberani yang berpegang teguh dengan prinsipnya.

86 At-Tirmizi, kitab *al-Bir wa ash-Shilah*, no. 2007. At-Tirmizi berkata: "Hadis hasan gharib. Kami tidak mengenalnya melainkan melalui jalur ini."

Mendengar Teguran

Tidak semua orang berani melihat kekurangan dirinya, apalagi mendengar kekurangan itu daripada orang lain. Kebanyakan daripada kita menerima teguran sebagai hinaan sehingga reaksi yang sering kali kita lakukan adalah membalas hinaan tersebut.

Orang yang berjiwa besar, berani menerima teguran sebagai tanda cinta. **Bilal bin Sa'ad** (seorang tokoh tabiin di Syam) berkata, "Seorang teman yang setiap kali berjumpa memberitahukan keburukanmu lebih baik daripada seorang teman yang setiap kali berjumpa memberimu wang."

***Umar bin al-Khathab** berkata, "Orang yang paling saya cintai adalah seseorang yang menunjukkan kesalahan-kesalahan saya."*

Terus Terang

Keberanian yang diiringi dengan kejujuran akan melahirkan sikap berterus terang kepada sesiapa saja.

Apabila Sultan Damsyik yang bergelar ash-Shalih membuat perjanjian damai dengan tentara Salib untuk mendapatkan sokongan mereka memerangi saudaranya, iaitu Sultan Mesir, beliau membenarkan tentara Salib (yang memusuhi kaum Muslimin selama ratusan tahun) memasuki Damsyik untuk membeli senjata yang mereka inginkan.

Sultan Damsyik tersangat marah lalu memecat Imam daripada jabatannya sebagai hakim agung (Qadhi al-Qudhat).

Apabila mengetahui perkara tersebut, **Imam 'Izzuddin bin 'Abdussalam** terperanjat dan segera berfatwa untuk mengharamkan menjual senjata kepada mereka. Beliau juga menentang niat Sultan memerangi Sul-

tan Mesir dan menghentikan doa yang selalu dipanjatkan untuknya pada hari Jumaat. Sultan Damsyik tersangat marah lalu memecat Imam daripada jabatannya sebagai hakim agung (Qadhi al-Qudhat).

Imam 'Izzuddin yang tidak pernah tergila-gila dengan jabatan tersebut, segera berhijrah ke Mesir. Pada pertengahan perjalanan, seorang utusan Sultan menemui beliau, lalu berkata: "Baginda Sultan bersedia memaafkanmu dan mengembalikan jabatanmu semula. Syaratnya kamu perlu meminta maaf dan mencium tangannya."

Ulama fiqah mazhab asy-Syafi'i ini tersenyum sinis lalu berkata: "Sungguh kasihan. Aku tidak rela walaupun Sultan mencium tanganku, bagaimana mungkin aku mencium tangannya?" Keberanian di hati melahirkan kewibawaan pada setiap mata yang memandang.

Maka mulai sekarang, beranikan diri untuk jadi berani. Jangan takut, sebab berani adalah sunnah Nabi SAW.

Bibliografi

_______ , *Al-Adab al-Mufrad*, Beirut: Muassasah al-Kutub al-Thaqafiyyah, 1986.

_______ , *Tazkirat al-Huffaz*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, tth.

_________ , *Jami'al-Ulum wa al-Hikam*, tahqiq Syeikh Syu'aib al-Arnaut, Riyad: Dar al-Muayyad, 2003.

_________ , *Uyun al-Akhbar*, Cairo: Dar al-Kutub al-Misriyyah, 1925.

Al-Baihaqi, Abu Bakar Ahmad bin Husein, Tahqiq Sayyid Ahmad Saqar, Kairo: Maktabah Dar al-Turath, 1970.

Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail, *al-Jami' as-Shahih*, Riyad: Dar al-Salam, 1999, cet. ke-2.

Al-Busti, Abu Hatim Muhammad bin Hibban, Sahih Ibn Hibban, tartib Ibn Balban al-Farisi, Beirut: Dar al-Fikr, 1987.

Al-Dzahabi, Ahmad bin Muhammad, *Siyar A'lam an-Nubala*, tahqiq Syeikh Syuaib al-Aranaut, Beirut: Muassasah ar-Risalah, 1986.

Al-Kharaiti, Abu Bakar Muhammad bin Jaafar, *al-Muntaqa min Kitab Makarim al-Akhlaq wa Maaliha wa Mahmudi Taraiqiha*, tahqiq Muhammad Muti al-Hafiz, Damsyik: Dar al-Fikr, 1988.

Al-Marwazi, Abdullah bin al-Mubarak, *Kitab az-Zuhd wa al-Raqaiq*, tahqiq Dr Habib al-Rahman al-A'zami, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 2004.

Al-Naisaburi, Muhammad bin Bayi' al-Hakim, *al-Mustadrak 'Ala as-Sahihayn*, tahqiq Dr Mahmud Matarji, Beirut: Dar al-Fikr, 2001.

Al-Nawawi, al-Hafiz Abu Zakaria Yahya bin Syarf, *Syarh Sohih Muslim*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah, 1995.

Al-Qusyairi, Abdul Karim bin Hawazin, *ar-Risalah al-Qusyairiah*, tahqiq Dr Abdul Halim Mahmud, Damsyik: Dar al-Farfur, 2002.

Al-Qusyairi, Muslim bin Hajaj, Riyad: Dar al-Salam, 1999.

Al-Subki, Taj ad-Din Abdul Wahab bin Ali, *Thabaqat asy-Syafi'iah al-Kubra*, tahqiq Mustafa Abdul Qadir Atha, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah, 1999.

Al-Sijistani, Abu Daud Sulaiman bin Asy'ath, *Shahih Sunan al-Mustafa*, Beirut: Dar al-Kutub al-Arabi, tth.

Al-Sya'rani, Abdul Wahab bin Ahmad, *Lataif al-Minan wa al-Akhlaq*, tahqiq Dr Abdul Halim Mahmud, Kairo: Alam al-Fikar, tth.

Al-Syaibani, Ahmad bin Hanbal, *az-Zuhd*, tahqiq Muhammad Abdus-salam Syahin, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 2006.

Al-Syatibi, Ibrahim bin Musa al-Lakhami, *Al-I'tisam*, tahqiq Ahmad Abdul Syafi, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah, tth.

Al-Tirmidzi, Muhammad bin Isa, Riyad: Dar al-Salam, 1999.

Ibn al-Jauzi, Abu al-Faraj Abdurahman, *Manaqib al-Imam Ahmad bin Hanbal*, tashih Muhammad Amin al-Khanaji, Mesir: Maktabah al-Khanaji, tth.

Ibn Hajar, al-Hafiz Ahmad bin 'Ali al-'Asqalani, *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*, al-Riyad: Dar al-Salam, 2000, cet. ke-3.

Ibn Katsir, al-Hafiz Ismail bin Umar Ibn Katsir al-Dimasyqi, *al-Bidayah Wa al-Nihayah*, tahqiq Dr Ahmad Abu Mulhim et.al,[Mesir: Dar al-Rayyan lit-Turats, 1988.

Ibn Majah, Muhammad bin Yazid, Riyad: Dar al-Salam, 1999.

Ibn Manzur, Jamaluddin Muhamad bin Mukram al-Ifriqi, *Lisan al-'Arab,* Beirut: Dar al-Sodir, tth.

Ibn Qutaybah, Abdullah bin Muslim, *Ta'wil Mukhtalif al Hadits*, tahqiq Muhammad Abdurahim, Beirut: Dar al-Fikr, 1995.

Ibn Rajab, Abdurahman bin Ahmad al-Baghdadi, *Lathaif al-Maarif Fima Limawasim al-'Am min al-Wazaif*, tahqiq Yasin Muhammad al-Sawwas, Damsyik: Dar Ibn Kathir, cet. ke-6, 2001.

Glosari

athar	ucapan daripada para tabiin.
balaghah	petah dan fasih bercakap.
berjual beli secara 'inah	akad jual beli yang mana pihak pembeli membeli barangan dengan sistem pembayaran secara tangguh. Kemudian barangan tersebut dijual kembali oleh si pembeli tadi kepada penjual sebelumnya dengan pembayaran secara tunai dengan nilai lebih kecil daripada nilai pembayaran tangguh.
falsafah	pengetahuan tentang pengertian yang dianggap sebagai ilmu yang tertinggi yang menjadi dasar ilmu-ilmu lain.
filsuf	ahli falsafah, ahli fikir.
fuqaha	(jamak bagi faqih) orang yang ahli dalam bidang fiqah.
ghanimah	harta rampasan yang diperoleh oleh kaum Muslimin di dalam perang.
ghibah	mengumpat.
husnul khatimah	(b. Arab) pengakhiran umur atau mati yang baik.
ijtihad	usaha untuk mendapatkan sesuatu kesimpulan baru melalui kajian atau penyelidikan berdasarkan sumber dan kaedah yang tertentu (berkaitan dengan agama Islam).
illat hukum	sebab hukum.
imbalan	ganjaran.

istinbat	(b. Arab) mengeluarkan sesuatu hukum atau keputusan berdasarkan al-Quran atau as-Sunnah dengan kaedah-kaedah tertentu.
kafilah	rombongan orang (berserta dengan unta dan barang-barang yang dibawa dalam perjalanan di padang pasir).
khilafah	pemerintahan.
konspirasi	rancangan rahsia untuk melakukan sesuatu yang menyalahi undang-undang.
korupsi	amalan atau perbuatan yang salah atau tidak amanah seperti pecah amanah, rasuah dan sebagainya.
kuniyah	nama gelaran atau panggilan.
mazhab muktazilah	dipelopori oleh Washil bin 'Atha iaitu golongan yang menggunakan akal semata-mata dalam mentafsirkan nas al-Quran dan as-Sunnah.
muhaddis	cendekiawan Islam yang mahir dalam bidang hadis dari segi matan dan para perawi hadis.
munazharah	perdebatan.
murabbi	pendidik atau pentarbiah.
muraqabah	(b. Arab) kesedaran bahawa Allah sentiasa mengawasi ucapan, perbuatan bahkan bisikan hatinya yang tersembunyi sekalipun.
murtad	individu yang keluar daripada agama Islam sama ada melalui perkataan, perbuatan atau niat.
nifak	sifat orang yang munafik.
niqab	purdah.

qanaah	sikap berpada-pada iaitu berpuas hati dengan apa yang ada.
rekonsiliasi	perdamaian perbaikan.
salafussoleh	generasi yang terawal dan terbaik yang hidup ketika Baginda SAW bersama para sahabat sehingga tiga kurun yang seterusnya
su'ul khatimah	(b. Arab) pengakhiran umur atau mati yang buruk.
sunan	(b. Arab) himpunan hadis-hadis Nabi SAW yang disusun mengikut bab-bab di dalam fiqah.
tabiin	(b. Arab) orang yang berjumpa dengan sahabat Nabi SAW dalam keadaan ia beriman kepada Nabi SAW meskipun ia tidak melihat Baginda dan ia mati atas keislamannya.
target	sasaran yang ingin dicapai.
tazkirah	ceramah ringkas tentang agama Islam sebagai peringatan.
wortel	(b. Indonesia) lobak merah.